



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam 14 NOVEMBER 2011 (ISNIN)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)

**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim

PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)

**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali

DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)  
Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)  
Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)  
Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)  
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)  
Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)  
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)  
Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)  
Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)  
Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)  
Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)  
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)  
Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)  
Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)  
Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)  
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)  
Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)  
Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)  
Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)  
Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal, SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Kusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman  
**Bentara**

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof  
**Penolong Bentara**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )**

**TUAN SPEAKER** : Dewan dimula semula.

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahi rahmanir rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Usul Mesyuarat Hari Ke Empat 14 November 2011 bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ke Empat Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang ke-12 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker, soalan No. 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(SIJANGKANG)**

**TAJUK: PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT: “RANGSANGAN KERJAYA SISWAZAH SELANGOR”**

27. Program Tanggungjawab Sosial Korporat: “Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor” oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (“Perangsang Selangor”)

Bertanya kepada YAB Dato’ Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini program di atas?
- b) Apakah susulan yang dirancang oleh kerajaan negeri terhadap siswazah yang telah mengikuti program tersebut?
- c) Adakah kerajaan negeri menyediakan dana kepada mereka yang berhajat untuk memulakan kerjaya?

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Dato' Speaker. Isu mengenai perkuburan ini adalah satu isu yang saya rasa sangat sensitif hanya apabila kawasan perkuburan itu hampir dengan kawasan perumahan dan ia juga mengambil kira beberapa perkara iaitu keperluan kawasan perkuburan untuk masyarakat setempat. Untuk menyelesaikan perkara ini, Perancang Selangor menyediakan satu projek, iaitu penempatan perkuburan untuk negeri Selangor sehingga tahun 2050. Mereka membuat kajian itu dan sekarang sudah diedarkan kepada tiap-tiap Pihak Berkuasa Tempatan dan laporan tanah perkuburan dan keperluan perkuburan sehingga tahun 2060. Saya ingat tidak ada orang dalam dewan ini yang sampai ke tarikh itu tetapi, di negeri Selangor dan laporan inventori tanah perkuburan negeri Selangor tahun 2010. Dan ini untuk semua kaum dan agama yang menyenaraikan kesemua tapak perkuburan Islam, Buddha, Kristian, Hindu dan agama-agama lain di Selangor serta unjuran keperluan tapak perkuburan sehingga 2060. Maklumat ini merupakan hasil kajian inventori yang disediakan oleh pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa negeri Selangor bersama PBT-PBT, di Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor. Laporan ini juga telah dibincangkan di MMKN, Majlis Mesyuarat kerajaan negeri dan mesyuarat itu bersetuju untuk mempamerkan laporan-laporan itu supaya kita dapat maklum balas daripada masyarakat setempat.

Apa yang kita dapati, daerah-daerah seperti Petaling Jaya, Ampang, sudah tidak mempunyai tempat yang sesuai untuk tanah perkuburan. Oleh sebab itu kita anjurkan supaya satu kawasan perkuburan yang berkelompok yang kita katakan, disebut Tapak Perkuburan Wilayah Bersepadu dan kita ambilkan jaraknya tidak lebih daripada satu jam perjalanan ke tempat perkuburan dari tempat-tempat yang kita pastikan.. Dan, saya harap, ahli-ahli dewan juga meneliti tentang perkara ini kalau dikatakan ada cadangan-cadangan mestilah menyertai perbincangan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan, sebab kita perlu melaksanakan rancangan kita dengan cepat kerana Kerajaan perlu mengambil alih tanah yang tapak-tapak perkuburan wilayah ingin kita cadangkan. Jadi, kita memerlukan tanah perkuburan, saya nak tunjukkan jumlah tanah perkuburan, iaitu seluas 2314 ekar. Di MBSA kita wartakan 175 ekar, MBPJ 98 ekar, MPSJ 79 ekar, MPK 148 ekar, MPAJ 67 ekar, MPS 256 ekar, MPSp 191 ekar, tapi yang terbanyak ialah MPKj iaitu 648 ekar; MDKS 111 ekar, MDKL 99 ekar, MDHS 374 ekar. Jadi cadangan-cadangan ini sudah kita ambil menurut Jabatan Perangkaan, apakah piawaian bagi keperluan tanah perkuburan.

Kita sudah menunjukkan angka yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan 2009 yang dikatakan kadar kematian adalah 3.3% ataupun 3.3 setiap ribu penduduk, dan, saya rasa berdasarkan kadar tersebut dicadangkan kita naikkan kadar kematian kepada 4 ke 1000 bukan 3.3 dan dibayarnya ialah setiap 10000 penganut diberi 1 hektar tanah perkuburan. Jadi saya nak terangkan program ini sudah berjalan, saya dapati masalah

besar saya menerima banyak surat mengenai masalah perkuburan. Oleh sebab itu, kita mahu selesaikan secara bersepadu.

Ada juga yang mencadangkan penggunaan semula tanah perkuburan ataupun perkuburan berlapis. Kita tidak ambil dalam kiraan tersebut sebab kita rasa kita buat dahulu mana tanah yang ada kita tidak mulakan perkuburan yang dipanggil berlapis, yang, sudah mula diterima oleh masyarakat Islam. Kita juga merancang 'crematorium' maknanya tempat pembakaran ada masyarakat yang bukan beragama Islam, ada juga yang merasakan mereka boleh dikebumikan secara 'crematorium' ataupun dibakar dan debunya disimpan di tempat-tempat yang khas, dan pembinaan 'crematorium' akan kita juga banyakkkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker. Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sg. Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya ialah tadi yang, apa, disebut oleh MB negeri Selangor mengatakan Majlis Perbandaran Sepang merancang mengambil 191 ekar di Majlis Perbandaran Sepang. Soalan no. 1, di manakah kawasan tapak tanah kubur ini? Sebelum pergi ke soalan no. 2, izinkan saya bangkitkan semula tapak perkuburan Cina Tg. Sepat yang terletak di Sepang. Permohonan dikemukakan sebelum 2008 sehingga hari ini dan untuk maklumat tuantuan dan puan-puan, tapak perkuburan Cina Sepat sudah diselesaikan sebelum 2008 iaitu sebelum pilihan raya yang lepas. Dan permohonan tapak perkuburan Cina Tg. Sepat sehingga ke hari ini apakah perkembangannya? Memandangkan keadaan tanah, kekurangan tanah di tapak ini memang mendesak kepada jawatankuasa kubur Cina Tg. Sepat, agak kkuatir jika sehari nanti orang mati tak ada tempat untuk tanam. Jadi apakah perkembangan yang terkini mengenai tapak yang ini? Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Dato' Speaker, soalan Yang Berhormat Sg. Pelek, walaupun pelik ada kebenarannya iaitu Yang Berhormat belum tau tentang adanya laporan inventori tanah perkuburan keperluan sehingga 2060 yang tebal, yang sudah diedarkan ke semua Pihak Berkuasa Tempatan. Terdapat juga perjumpaan-perjumpaan dengan jawatankuasa-jawatankuasa perkuburan, sudah ada. Jadi, soalan saudara, pergi jumpa dengan mereka, tanya, pernah tak dia tengok yang adanya laporan ini, laporan ini sudah dibuat 3 bulan yang lalu, diluluskan, diberitahu dan semua kita mengambil kira. Dan tempat asalnya, kita ada 'map' tempat asalnya, semua sudah kita lakukan. Iaitu satu usaha yang menyeluruh yang kita buat jadi kalau tanya di Dewan ini, belum nampak lagi rancangan yang kita sudah buat. Jadi kita panggil.

Saya ada satu perjumpaan saya jemput persatuan-persatuan untuk mendengar lepas itu tiada banyak cadangan sebab mereka kata nak kaji. Kita kata kita hantar ke tempatnya lah Sebab itu saya sebut sekali lagi ahli-ahli Dewan Negeri juga perlu



mengetahui adanya ini dan kalau minta kita beri sebab kita nak buat satu jadi kita wartakan. Maknanya permohonan-permohonan yang kita buat kalau betul tanah itu sudah diwartakan sebab kalau hendak protes, proteslah tetapi kita wartakan dahulu supaya ia berlaku. Jadi *detailnya* memang cukup sebab ia memakan masa lebih kurang setahun kita buat kajian. Sebab saya minta buat kajian itu sebab kita tidak dapat selesaikan masalah macam hari ini. Sg. Pelek tanya kenapa tempat dia, esok banyak kenapa tempat dia. Saya sudah buat satu buku, jadi senang. Sekali sahaja kita selesaikan untuk seluruh negeri Selangor. Kita ada unjuran tentang pertambahan penduduk dan jumlah kematian dan jumlah ratio. Sebab ada juga yang mengatakan masalah mereka adalah bukan yang beragama Islam, ada yang *Buddhist*, ada Hindu kemudian ada Sikh dan seterusnya. Jadi kita ambil unjuran 10,000 penganut untuk 1 hektar. Jadi kalau ada mereka yang nak membangkang boleh tetapi itu unjuran kita kerana kita rasa itu memang cukuplah dan kita juga mencadangkan perkuburan bersepadu. Maknanya ada jumlah perkuburan untuk kaum Islam dan kaum-kaum yang lain. Jadi saya harap Sg. Pelek baca laporan itu. Kalau tidak tulis surat kepada Menteri Besar, dan dia terus jawab.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Tuan Speaker soalan nombor 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN MAT SHUHAMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)**

28. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah rancangan dari pihak kerajaan negeri dalam membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?
- b) Apakah bentuk bantuan yang telah dan akan diberikan kepada pengusaha-pengusaha IKS di Negeri Selangor?

**Y.B TUAN HJ YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker bagi menjawab soalan Yang Berhormat Sri Muda, saya menjawab sekali soalan Yang Berhormat Rawang yang bertanyakan "Apakah rancangan di pihak kerajaan negeri dalam membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?"

Ada 2 program yang dikendalikan :

- 1) Di bawah Unit Perancangan Ekonomi Negeri
- 2) Program di Bawah Jabatan Pertanian negeri Selangor

Di bawah UPEN kita ada program di mana kita memberi bantuan mesin berteknologi moden yang merupakan langkah strategik untuk memodenkan sektor ini dari segi pembuatan dan pembungkusan. Sementara program-program di bawah Jabatan Pertanian dipanggil program industri asas tani yang pertamanya ialah pemrosesan hasil pertanian. Jadi program ini memberi tumpuan kepada usaha mempertingkatkan nilai tambah hasil pertanian seperti ubi kayu, keladi, keledak, pisang, kelapa, kopi, buah-buahan, rempah-ratus dan lain-lainnya. Projek yang dimulakan secara kecil-kecilan oleh usahawan telah diperkukuhkan bagi menaik taraf dari beberapa aspek penting sejajar dengan menaik taraf bagi projek dan produk usahawan berpandukan elemen GMP.

Yang ke-2, pengeluaran kuih-kuih tradisional seperti dodol, rempeyek, kuih bangkit, baulu kini semakin mendapat sambutan meluas di kalangan *consumer*, kuih tradisional yang dahulunya cuma untuk musim perayaan dan program ini kita memodenkan pemrosesan teknik-teknik dalam menghasilkan kuih-kuih tradisional.

Yang ke-3, pembangunan produk-produk baru. Memberi tumpuan mewujudkan produk baru dari hasil pertanian yang lain kepada produk-produk hasil tani semasa. Produk-produk baru yang inovatif seperti cendawan goreng, jus buah-buahan tempatan, nuget tempe, kerepek buah-buahan, coklat, mayones dan juga yang lain-lainnya.

Yang ke-4 ialah pembangunan industri asas tani bukan makanan. Program ini tertumpu kepada projek membangunkan produk-produk yang berasaskan bahan pertanian dan diproses menjadi produk bukan makanan seperti kosmetik, sabun, losen, syampu, produk pembersih dan juga bahan-bahan untuk spa dan urutan.

Yang ke-5 ialah penghasilan kraf tani. Tumpuan diberikan kepada usahawan yang menghasilkan berbagai jenis kraf tangan bermutu dengan penggunaan hasil pertanian atau bahan buangan pertanian yang dikeringkan dan digubah menjadi bahan hiasan serta dijadikan cenderahati. Seterusnya ialah pembangunan kemudahan promosi pemasaran produk. Untuk meningkatkan pasaran produk diwujudkan program industri asas tani di mana seorang usahawan berjaya dipilih untuk menjadi induk atau mentor bagi membantu memasarkan produk-produk usahawan lain yang dipilih untuk menjadi usahawan di samping usahawan yang masih tidak mempunyai pembungkusan dan pemasaran yang meluas. Setiap induk atau *mentor* sekurang-kurangnya mempunyai 4 orang usahawan yang di bawah menjadi *mentee*.

Seterusnya bagi soalan ke-2: Apakah bentuk bantuan yang telah dan akan diberikan kepada pengusaha-pengusaha IKS di negeri Selangor?

Di bawah Unit Perancangan Ekonomi bagi merealisasikan langkah strategik tersebut kerajaan negeri menyalurkan bantuan di bawah dana industri kecil yang merupakan

bantuan berbentuk mesin dan peralatan yang di fokuskan untuk meningkatkan kuliti dan pengeluaran produk. Di samping itu juga kerajaan negeri sedang membangunkan program peningkatan kualiti pembungkusan bagi produk-produk yang dikenal pasti mampu berdaya saing. Selain itu kerajaan negeri juga menganjurkan kursus-kursus untuk pengusaha-pengusaha IKS seperti kursus asas perniagaan, kewangan dan pemasaran. Ini bertujuan bagi meningkatkan lagi ilmu pengetahuan pengusaha-pengusaha IKS dalam bidang yang diceburi.

Bagi menjawab soalan daripada Rawang yang berkaitan juga “ senarai jumlah industri kecil sederhana mengikut pecahan PBT daripada 2007-2011.

1)	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	- 110
2)	Majlis Perbandaran Klang	- 1,500
3)	Majlis Bandaraya Shah Alam	- 1,435
4)	Majlis Perbandaran Subang Jaya	- 125
5)	Majlis Perbandaran Selayang	- 174
6)	Majlis Perbandaran Kajang	- 429
7)	Majlis Perbandaran Sepang	- 18
8)	Majlis Daerah Hulu Selangor	- 1,092
9)	Majlis Daerah Kuala Langat	- 12
10)	Majlis Daerah Kuala Selangor	- 36
11)	Majlis Daerah Sabak Bernam	- 34

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pelabuhan Klang.

**Y.B TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH** : Tuan Speaker, soalan nombor 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUAHAN KLANG)**

**TAJUK : MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR**

29. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar.

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan bagi tujuan program Merakyatkan Ekonomi Selangor Sehingga September 2011?

- b) Berapakah jumlah penerima bagi Skim Mesra Usia Emas (SMUE) sehingga September 2011?

**Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin menjawab soalan, no. 29 ini dari Pelabuhan Klang bersama dengan soalan No. 91 daripada Sri Serdang dan no. 129 daripada Batu Caves yang mana ianya bersekitar tentang persoalan Merakyatkan Ekonomi Selangor. Tentang soalan “ Berapakah jumlah perbelanjaan bagi tujuan program Merakyatkan Ekonomi Selangor yang diutarakan Sehingga 30 September 2011”, jadi dengan ini saya ingin membacakan bahawa jumlah keseluruhan pembiayaan yang telah dikeluarkan bagi menjayakan program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor sehingga 30 September adalah sebanyak RM 543,336,447.00 yang mana pecahannya adalah menurut seperti mana berikut :

- 1) Tabung Warisan Anak-anak Selangor - RM 2,721,200.00
- 2) Hadiah Anak- Anak Masuk Universiti - RM 21,005,021.28
- 3) Skim Mesra Usia Emas - RM 57,241,500.00
- 4) Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang - RM 2,450,430.00
- 5) Bekalan Air Percuma 20m padu - RM 441,825,819.00
- 6) Skim Mikro Kredit Mikro Luar Bandar - RM 12,574,550.00
- 7) Skim Kesihatan Wanita Memosel - RM 1,096,920.00
- 8) Skim Mikro Kredit Miskin Bandar - RM 3,135,000.00
- 9) Pusat Khidmat Krisis Henti - RM 800,000.00

Yang selain daripada itu seperti pusat dialisis rakyat, cuti bersalin 90 hari, cuti untuk suami yang isterinya bersalin selama 14 hari, cuti kematian suami selama 30 hari itu melibatkan pengeluaran semasa pekerja- pekerja itu telah pun mengakhiri ataupun telah pun pencen nanti. Jadi soalan daripada Batu Caves dana yang paling banyak dikeluarkan dan yang terendah adalah seperti berikut yang mana bekalan air percuma merupakan dana yang paling tinggi dan yang terendah adalah daripada pengeluaran untuk Merakyat Ekonomi Selangor OSCC iaitu sebanyak RM800,000.

Soalan yang ke-2 yang diutarakan tentang “ berapa ramaikah pula penerima di bawah Skim Mesra Usia Emas?” Jadi disebabkan pembayaran tentang usia emas ini melibatkan dua peringkat saya akan bacakan peringkat pertama. Ianya melibatkan jumlah yang dibayar sebanyak RM24,351,000 kesemuanya dan daripada jumlah di

atas ianya telah pun dibahagikan kepada 2 iaitu 21,927 orang telah pun menerima dan peringkat ke-2 sebanyak RM32,890,500. Jadi keseluruhan penerima saya ulang adalah sebanyak 24,350 orang. Jadi soalan yang berkaitan yang ditanya oleh Sri Serdang, saya hairan soalan ini diutarakan ia mengatakan bahawa kenapa perlu ada syarat yang dikenakan kerana bagi saya di mana-mana program dibuat oleh sesiapa jua mestilah ada syarat-syarat yang diutarakan. Tapi walau bagaimanapun saya ingin memberikan penjelasan bahawa syarat-syarat ini diletakkan adalah untuk memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima tidak mengira kaum, latar belakang politik ataupun ekonomi atau orang UMNO pun ada dapat sebenarnya insya-Allah, jadi yang penting di sini adalah kita mahu tunjukkan bahawa yang menerima itu mempunyai ketelusan maksudnya kita telah pun mewujudkan satu *database* yang lengkap di mana mereka boleh semak sendiri sama ada mereka telah menerima ataupun rakan-rakan mereka pun boleh semak ataupun adik-beradik mereka boleh semak pemberian itu telah dibuat atau tidak, semakan itu boleh dibuat secara *online* dan juga melalui SMS yang telah pun kita dimuat turunkan di dalam sistem yang ada. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sementa.

**Y.B DATO' ABD. RAHMAN PALIL** : Tuan Speaker, soalan ke-30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL  
(SEMENTA)**

**TAJUK : PEMUNGUTAN SAMPAH**

30. Kerajaan negeri telah membatalkan kontrak pemungutan sampah dari Syarikat Alam Flora Bhd dan menyerahkan kontrak tersebut kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria yang diguna pakai oleh pihak PBT untuk melaksanakan tugas-tugas pemungutan sampah di kawasan PBT? Sejauh manakah keberkesanan dan jaminan yang akan diperolehi dari pengambilalihan pemungutan sampah tersebut?
- b) Adakah pihak PBT menyediakan jadual-jadual untuk pemungutan sampah di taman- taman perumahan untuk mengatasi masalah limpahan sampah sarap setiap hari?
- c) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai tenaga kerja dan peralatan yang mencukupi untuk menguruskan sampah - sarap di setiap taman-taman perumahan pada setiap hari?

**Y.B TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, soalan Sementa soalan ke-30 adalah berkaitan dengan kebersihan awam dan kutipan sampah. Oleh kerana ada ramai Yang Berhormat-Yang Berhormat kali ini bertanya mengenai pembersihan awam dan juga kutipan sampah sebab itu saya bercadang soalan 30 ini akan dijawab bersekali dengan soalan 85 dari Sg. Burong, soalan 99 dari Sabak, soalan 130 dari Teratai, soalan 135 dari Jeram dan soalan 169 daripada Subang Jaya. Mengenai kriteria laksana tugas kutipan sampah, saya beri contoh-contoh di sini. Majlis Bandaraya Shah Alam adalah sama dengan kriteria yang sebelum ini diguna pakai dalam membuat pemantauan dan pengawasan terhadap Alam Flora iaitu penggunaan *notice to correct* ataupun NTC dengan penalti, *backup* dan dengan penggantungan sementara kawasan bermasalah. Bagi Majlis Perbandaran Klang adalah dengan melantik kontraktor sedia ada, mengecilkan kawasan pemantauan dengan menambahkan jumlah kakitangan bagi melakukan kerja-kerja pemantauan. Pihak MPK juga turut melakukan kerja-kerja *backup* terhadap kawasan yang menerima aduan dalam tempoh 6 jam waktu bekerja bagi memastikan keberkesanan sistem baru setelah proses pengambilalihan. Bagi Majlis Daerah Hulu Selangor menyatakan bahawa proses pelantikan dibuat dengan mengeluarkan tender terbuka, kriteria pemilihan pihak MDHS adalah dengan melihat dari segi prestasi kewangan yang kukuh, mempunyai pengalaman kerja yang baik serta mempunyai peralatan dan jentera yang mencukupi. Bagi Majlis Daerah Sabak Bernam meletakkan kriteria pemilihan kontraktor iaitu mempunyai pekerja dan peralatan yang mencukupi serta prestasi kewangan. Untuk soalan mengenai jadual kutipan sampah, saya bagi contoh juga. MBSA ada menyediakan jadual kutipan sisa-sisa pepejal terhadap kontraktor mengikut kawasan atau zon yang disediakan.

Hal ini juga sama seperti di MPK dengan membuat jadual bagi kutipan sampah di kawasan perumahan sebanyak tiga kali seminggu dan di kawasan perniagaan sebanyak enam kali seminggu kecuali hari Ahad. Tetapi di MPK, usaha telah bermula dengan menambahkan kutipan sampah di kawasan perumahan sebanyak tiga kali ke empat kali seminggu dan untuk kawasan perniagaan di *commercial area*, dua kali sehari. Itu satu usaha yang baru.

Mengenai.....soalan mengenai peralatan, tenaga kerja PBT adakah cukup ke atau tidak cukup? Saya bagi contoh, MBSA menyatakan bahawa mereka mempunyai anggota yang mencukupi dan dalam proses penambahan anggota dan peralatan logistik untuk memantapkan pengurusan sisa pepejal. Manakala pihak MPK menyatakan bahawa mereka mempunyai keperluan tenaga kerja dan peralatan logistik yang mencukupi iaitu seramai 50 orang Pekerja Rendah Awam berserta lori *compacter* 1 tan, 5 tan, 7 tan dan 10 buah motor 3 roda iaitu trisikal bagi menguruskan sampah sarap di setiap kawasan perumahan.

Soalan mengenai adakah kerajaan negeri sudah tamatkan kontrak Alam Flora? Ini soalan daripada Sungai Burong. Sebenarnya Sungai Burong, tidak benar. Pihak Alam

Flora secara sukarela, secara sukarela telah mencadangkan agar penyelesaian secara baik iaitu dengan menyerahkan kedua-dua perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awam kepada kerajaan negeri berkuat kuasa pada 16 Oktober 2011. Juga daripada Sungai Burong, sebab apa AFSB iaitu Alam Flora tarik diri ye? Kita percaya pihak AFSB bertindak menyerahkan kerja-kerja tersebut dengan memberi alasan semua PBT telah pun mengambil alih perkhidmatan pembersihan awam pada 1 Ogos 2011 di mana kebanyakan kontraktor pembersihan awam adalah juga kontraktor kutipan sampah. Selain daripada itu, antara sebab lain yang diberikan adalah kerana pihak PBT juga telah pun membuka tender bagi kerja-kerja perkhidmatan kutipan sampah kepada semua kontraktor walaupun belum dilaksanakan. Pihak Alam Flora turut menyatakan bahawa majoriti perkhidmatan kutipan sampah sedang dijalankan oleh kontraktor sedia ada di mana PBT hanya perlu terus mengambil alih dan terus mentadbir kontraktor-kontraktor kutipan tersebut. Saya ucapkan terima kasih kepada Alam Flora kerana mereka secara sukarelah telah menamatkan perkhidmatan mereka.

Juga daripada Sungai Burong tanya adakah langkah pastikan perkhidmatan tidak terjejas?

Tuan Speaker, antara langkah yang diambil oleh Majlis Perbandaran Klang bagi memastikan perkhidmatan kutipan sampah tidak terjejas adalah dengan menjalankan kerja-kerja *back up* di tempat aduan dalam tempoh enam jam waktu bekerja. Selain daripada itu, MPK turut mengadakan mesyuarat dua kali seminggu bersama kontraktor serta mengambil tindakan awal terhadap aduan yang diterima daripada penduduk. Pihak MBSA mengambil langkah dengan melaksanakan pemantauan yang lebih cekap dan penguatkuasaan tegas terhadap kontraktor yang bermasalah.

Soalan dari Teratai. Tanya berapa PBT terlibat pembersihan awam dan kutipan sampah?

Sebenarnya keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri telah memutuskan agar semua PBT mengambil alih kerja-kerja kutipan sampah daripada pihak Alam Flora.

Juga daripada Teratai ingin menanya kos penjimatan kutipan sampah?

Berikutan daripada proses pengambilan tersebut. Saya bagi contoh, MBSA menyatakan bahawa berlaku penjimatan kos keluar sebanyak 10% walaupun harga kontrak kerja yang ditawarkan adalah sama dengan harga kontrak Alam Flora. Hal ini juga adalah sama seperti di MPK yang menyatakan terdapat penjimatan kos sebanyak RM4 juta setahun setelah proses pengambilalihan kerja-kerja pihak Alam Flora oleh kerajaan negeri.

Tuan Speaker, sebenarnya kerana sekarang semua PBT secara terus telah mengambil alih, maksudnya dari segi komisen sahaja di Selangor setahun, kita dapat menjimatkan sekurang-kurangnya RM40 juta. Ini hanya dari kos dari segi komisen.

Soalan dari Jeram. Pekerja Alam Flora yang hilang pekerjaan?

Tuan Speaker, kerajaan negeri telah mengambil langkah dengan menyerap semua kontraktor di bawah seliaan Alam Flora yang telah ditamatkan secara interim sehingga 31 Disember tahun ini. Walau bagaimanapun, setelah perjanjian interim tersebut tamat, pihak kerajaan negeri akan melakukan proses sebut harga dan tender secara terbuka sebelum mengeluarkan kontrak perjanjian bagi kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam di Selangor. Pihak Alam Flora bertanggungjawab penuh terhadap pekerja-pekerja mereka yang kehilangan mata pencarian akibat daripada tindakan Alam Flora yang menamatkan perkhidmatan mereka dan kita percaya Alam Flora ada caranya untuk mengendalinya.

Soalan dari Jeram mengenai senarai kontraktor pembersihan awam?

Kerajaan negeri membuat keputusan agar semua PBT mengambil alih semua yang sedia ada. Jadi kita tidak dapat memberi senarai kontraktor yang barulah kerana kita kena..... ini hanya akan diedarkan selepas pemantauan tahun ini.

Dari Sabak. Soalan mengenai pemantauan PBT?

Ini satu isu yang pentinglah. Jadi kerajaan negeri melalui PBT sentiasa mencari cara dan jalan penyelesaian terbaik dalam mengatasi setiap masalah dan aduan yang diterima. Antara kaedah yang dilakukan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor adalah dengan menjalankan aktiviti pemantauan dan penyeliaan yang berterusan terhadap kontraktor dengan menjadualkan kerja-kerja supaya menjadi lebih teratur. Ini caranya sama dengan tempat yang lain dan cara *Notice To Correct* juga di *practise* kan oleh semua PBT termasuk Selayang kepada kontraktor bagi menyelesaikan masalah berbangkit dan kerajaan negeri melalui PBT sentiasa melakukan pemantauan. Langkah satu contoh lagi dari MPK ialah dengan mengadakan mesyuarat dua kali seminggu, yang saya sebut tadi. Dan untuk MBSA, mereka mensyaratkan kepada kontraktor agar tidak memberikan kerja berkenaan kepada sub kontraktor yang lain kerana masalah sub, sub, sub itu adalah yang lama dan telah terbukti tidak berkesan. Jadi Kerajaan baru ialah kita mengelakkan *practise* atau pun budaya sub, sub, sub yang tidak sihat itu.

Akhirnya dari Subang Jaya ingin tanya bagaimana lantikan kontraktor dibuat?

Berdasarkan kepada keputusan MMKN, kerajaan negeri telah membuat keputusan agar semua PBT menyerap kontraktor sedia ada secara interim sehingga 31. Selepas itu,



setelah perjanjian interim berakhir, PBT akan melantik kontraktor melalui proses sebut harga dan tender terbuka. Kita percaya dengan proses ini, kita dapat, kita ada satu peluang yang baik dari segi PBT dapat menolak semua kontraktor yang dikatakan tidak ada prestasi yang memuaskan. Ini satu peluang yang baik dan saya percaya semua kontraktor yang berprestasi yang baik dapat diteruskan dengan harga yang berpatutan dan Kerajaan di bawah Tan Sri Khalid telah membuat perjanjian bahawa sekiranya kontraktor dapat menjalankan, menyelesaikan tugas dengan baik. 14 hari daripada..... dalam masa 14 hari mereka mengemukakan *claim*, tuntutan untuk bayaran, mereka akan dapat pembayaran. Ini satu pendekatan yang baru dan positif kerana pada masa yang lampau, sentiasanya kontraktor daripada Alam Flora mengambil masa tidak lebih..... tidak kurang daripada lima bulan baru boleh dapat pembayaran mereka. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker, soalan nombor 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : HADIAH PENGAJIAN IPT KERJAAN NEGERI SELANGOR**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa permohonan telah diterima oleh Kerajaan negeri sehingga hari ini?
- b) Berapakah jumlah permohonan yang telah ditolak oleh kerajaan di Negeri Selangor dan khususnya di DUN Sungai Pelek?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Sungai Pelek. Sungai Pelek mahu tahu, berapakah permohonan yang telah diterima oleh kerajaan negeri Selangor, hadiah pengajian IPT sehingga hari ini. Bukan sehingga hari ini ya Sungai Pelek, sebab soalan ini diterima sebelum hari ini. Sehingga 30 September 2011, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia selaku urus setia hadiah pengajian IPT telah menerima sebanyak 30,651 permohonan yang terdiri daripada pelbagai kategori. Jumlah permohonan yang layak ialah sebanyak 22,096 permohonan dan jumlah permohonan tidak layak adalah sebanyak 7,830 permohonan, manakala permohonan tidak lengkap adalah sebanyak 725 permohonan. Maknanya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RM22 juta lebih telah dibelanjakan, telah

diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk hadiah masuk universiti setakat 30 September 2011.

Sungai Pelek juga mahu tahu berapakah jumlah permohonan yang telah ditolak khususnya di DUN Sungai Pelek. Untuk makluman Sungai Pelek, jumlah permohonan yang telah ditolak untuk Sungai Pelek. Tadi saya kata yang seluruhnya adalah 7,830 kerana tidak layak. Untuk DUN Sungai Pelek hanya 70 permohonan kerana didapati permohonan tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan permohonan yang ditetapkan. Jadi untuk terperinci Sungai Pelek, minta orang-orang Sungai Pelek, kalau dia memohon tu, pastikan dia menepati syarat :-

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Pemohon atau ibu atau bapa lahir di negeri Selangor.
- iii. Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki tahun pertama, semester pertama mulai Julai 2008.
- iv. Pemohon mengikuti pengajian secara sepenuh masa di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- v. Pemohon mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Diploma.

Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Tuan Speaker, soalan nombor 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : GAJI MINIMA DI SELANGOR**

32. Kerajaan negeri telah mengumumkan bermulanya gaji minima di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar-dasar yang digunakan untuk melaksanakan polisi ini?
- b) Bagaimanakah pelaksanaannya di syarikat swasta?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Dato' Speaker. Bukit Damansara..... Kota Damansara. Kota Damansara ingin mengemukakan soalan gaji minimum di Selangor. Saya nak terangkan sedikit tentang konsepnya. Biasanya dalam gaji minimum adalah *nation issue, it's not* bukannya *a state issue*. Ialah satu isu negara iaitu negara-negara akan menentukan untuk menjaga keprihatinan terhadap pekerja. Mereka membuat satu persidangan antara pekerja, majikan dan kerajaan supaya dapat kita adakan satu tangga gaji minimum iaitu biasanya yang selalu dibuat oleh Jabatan Tenaga Kerja. Ini yang perlu saya nak nyatakan supaya ada juga orang tidak dapat membezakan tanggungjawab negeri dan tanggungjawab negara. Tapi akan saya terangkan kenapa negeri Selangor menunjukkan cara yang terbaik untuk melakukannya. Itu sebabnya gaji minimum ini bukanlah satu perkara yang aneh sebab negara-negara maju seperti Amerika, di Australia, di Britain, di negara-negara Eropah sudah melaksanakan konsep ataupun gaji minimum ini. Sudah berpuluh-puluh tahun. Dan gaji minimum itu adalah gaji yang terkecil ataupun *the minimum* yang kita beri untuk tugas-tugas yang dilakukan.

Biasanya ada sesetengah pihak menggunakan gaji minimum ini sebagai apa yang disebut *monthly wages* ataupun untuk bulanan tetapi sesetengah negara oleh sebab terdapat beberapa usaha daripada segi kerja mereka terjemahkan kepada *hourly wages*, dipanggil *hourly wages*. Kalau di Amerika, dekat kawasan Washington DC, *hourly wages* adalah USD8 sejam, USD8 sejam kali dengan tiga, USD25 lebih daripada itulah. Jadi, itu yang saya nak tunjukkan. Saya didatangi oleh rakan-rakan daripada Persatuan Pekerja untuk cuba menolong bagaimana usaha supaya konsep *minimum wages* ini dapat dilaksanakan, saya didatangi. Kerajaan negeri pada awalnya sudah saya fikir inilah satu daripada tugas kita, falsafah Pakatan Rakyat adalah mahu mengurangi jurang masyarakat yang berada dengan tidak berada.

Daripada segi konsepnya '*the genuine co-efficient*' ataupun kita bandingkan yang berada dan tak berada di Malaysia ini menunjukkan terlalu ramai mereka yang mendapat pendapatan kecil hanya tak sampai 20-50 peratus. Antara 20-30 peratus rakyat Malaysia ini menguasai lebih daripada 60% kekayaan. Oleh sebab itu, dengan cara pemberian gaji minimum ini dijangka dapat dikurangkan. Sebab itu konsep ini mula dilakukan oleh kerajaan persekutuan dengan menaikkan gaji. Dalam tempoh 5 tahun yang lepas ini gaji warga-warga kerja telah dinaikkan beberapa kali. Gaji pegawai-pegawai, petugas-petugas awam dinaikkan tetapi tidak sampai ke peringkat apa yang disebut '*minimum wages*' sebab mereka belum sampai ke peringkat itu. Jadi saya didatangi.

Salah satu usaha yang dilakukan kerajaan negeri adalah memberi peruntukan dana kepada MTUC (*Malaysian Trade Union Congress*) supaya peruntukan dana bukan besar tetapi RM100 - RM150 ribu supaya membuat kajian tentang keupayaan dan kebolehan negara Malaysia untuk melaksanakan '*minimum wages*'. Saya beri '*fund*' itu

kepada mereka dan mereka meminta rakan-rakan daripada beberapa universiti termasuk Universiti Malaya untuk membuat kajian tersebut dan hasil daripada kajian tersebut MTUC ingin berbincang dengan kerajaan Persekutuan untuk memikirkan cara pelaksanaan '*minimum wages*' ini. Mereka minta negeri Selangor suruh '*initiate*' tetapi kuasa untuk '*minimum wages*' ini tidak boleh dilakukan oleh kerajaan negeri. Ia mesti dilakukan oleh negara dan saya kata kita '*test*' kita ada '*a case study*' untuk syarikat-syarikat dalam jagaan kerajaan negeri Selangor. Sebab di bawah kerajaan negeri Selangor, syarikat-syarikat ini di bawah Akta Syarikat ('*Companies Act*'). '*Companies Act*' ini punya kebebasan. Daripada segi pemberian gaji itu agak lebih senang daripada gaji-gaji penjawat awam dan seterusnya. Saya kata saya akan cuba. Sudah tentulah ini akan memberi kesan sebab kajian menunjukkan ia akan memberi caj perkhidmatan, kos untuk mengendalikan pengurusan syarikat-syarikat tersebut tetapi konsepnya adalah gaji ini mesti menghubungkan produktiviti. Orang sanggup membayar gaji lebih kerana hasilnya. Jadi oleh sebab itu, saya mahu menggunakan peluang untuk mencari jalan bagaimana syarikat-syarikat dalam kumpulan GLC ini di bawah kerajaan negeri boleh menterjemahkan '*minimum wages*' ini. Oleh sebab itu saudara tengok dalam bajet kita, kita bukan sahaja membuat apa yang dikatakan peruntukan untuk gaji minimum RM1500 sebulan tetapi kita juga ada peruntukan geran sebanyak RM10 juta untuk menolong dan menampung.

Secara mudah, untuk kiraan sudah tentu ada perbezaan gaji bergantung pada perbezaan tugas. '*Manager*' dapat gaji lebih daripada '*General Manager*' dapat gaji lebih itu akan kita persoalkan nanti saya akan buat apa tu, dan pekerja dapat lebih (???). Sebagai contoh, saya ambil contoh mereka yang mempunyai gaji yang rendah seperti pemandu lori. Pemandu lori gajinya lebih mahal daripada kelindan lori sebab sudah tentu dia mempunyai kepakaran dan seterusnya. Jadi, kalau itu berlaku sudah tentulah kelindan lori yang juga mempunyai kelebihan untuk menjaga lori dan membersihkan lori tidak akan dapat gaji setara dengan gaji pembawa lori. Jadi, kalau kita nak adakan konsep '*minimum wages*' katalah pembawa lori dapat gaji sama gaji lebih kurang RM1500 - RM1600 kelindannya sudah tentu tak dapat gaji begitu, sebab dia jadi kelindan lori. Kenapa dia jadi kelindan lori? Salah satu sebab boleh jadi dia tidak ada lesen untuk membawa lori dan juga kebolehan. Jadi kerajaan negeri akan berjumpa dengan GLC, sesiapa yang jadi kelindan lori untuk dinaikkan menjadi menerima gaji minimum itu kerajaan negeri ataupun MBI akan beri peruntukan kepada mereka untuk apa yang dikatakan untuk diberi peruntukkan elaun untuk pergi belajar mendapat lesen memandu lori. Jadi dapat lesen memandu lori dia dapat lesen memandu lori sudah tentulah hasilnya sampai ke peringkat ini. Jadi kita dapat selesaikan 2 tanggungjawab. Menentukan bahawa mereka yang akan dapat gaji tinggi akan mempunyai produktiviti yang selaras, itu kita lakukan. Sebab itu bajet ini memberikan beberapa peluang untuk kerajaan negeri untuk menterjemahkan konsep '*minimum wages*' ini dalam masyarakat. Konsep ini sangat penting kerana kita rasa rakyat tidak mendapat hasil yang serupa.

Saya juga telah mencadangkan supaya kita lihat umpamanya syarikat-syarikat antarabangsa, yang membayar apa yang disebut bayaran untuk pengangkutan. Saya beri satu contoh pengangkutan. Saudara lihat lori yang membawa kontena, 40 tan kontena, dia ada lori di depan tu dia pandu lori dia angkut barang dari pelabuhan sampai ke '*factory*', '*factory*' kepada pelabuhan. Lori-lori ini dibayar tapi lori-lori ini juga ataupun '*prime movers*' ini juga menggunakan alat dan ataupun modal yang sama, lori yang diguna di Perancis, lori diguna di Australia ataupun di Indonesia, lori yang diguna di Malaysia adalah daripada jenis yang serupa macam sebagai contoh '*SCANIA*' ia guna jenis serupa semuanya serupa tapi multinasional, bayar sewa untuk kegunaan ini di Perancis 7 kali lebih tinggi daripada yang dibayar di Malaysia. Jadi kalau kita nak berikan gaji yang tinggi macam di Perancis memang tak boleh sebab pendapatan syarikat-syarikat yang di sini mengendalikan ini tidak setimpal dengan keadaan di luar negara. Sebab itu saya juga minta kerajaan persekutuan untuk menandatangani di peringkat antarabangsa tentang cara pembayaran, '*cost of labour*' dan penggunaan. Jadi dengan cara itu, pendapatan negara akan meningkat dan kita mesti terjemahkan pendapatan ini kepada masyarakat pekerja. Kita perlu sebab kalau tidak kita akan jadi '*The Welfare Society*'. Maknanya kita akan beri lama-lama orang tak nak kerja. Jadi oleh sebab itulah, saya nak cuba mengapa tidak boleh kita panjangkan kepada penjawat awam. Sebab penjawat awam ada dia punya undang-undang yang kita sebut pencen. Pencen ini ialah Kumpulan Wang Disatukan. Sebab yang dalam syarikat-syarikat GLC itu pembayarannya dibuat kepada EPF. Jadi pencen, dan mereka juga umpamanya setengah daripada penjawat awam boleh ditukar maknanya hari ni dia jadi DO esok dia boleh jadi Timbalan Setiausaha Kementerian. Jadi ditukar maknanya semuanya ini dalam '*A General Civil Service*'. Jadi untuk itu gaji minimum ataupun pemberian gaji peningkatan gaji mestilah selaras dengan seluruh negara. Tetapi Selangor mengambil tindakan positif saya nak buktikan cara ini bukan sahaja pekerja-pekerja kita naik pendapatannya tetapi produktiviti mereka juga meningkat. Jadi ini yang mesti kita salurkan dan sebab itu kalau tidak, senang saja buat kenyataan gaji semua naik, tetapi kita buat peruntukan untuk membolehkan perkara ini berlaku.

Daripada kajian inilah esok kita boleh tunjukkan bahawa gaji minimum di negara kita ini boleh dinaikkan demi kebajikan dan kesejahteraan masyarakat dan ia mesti kita lakukan sebab negara kita terutama Selangor dikatakan negara maju sudah tentulah konsep-konsep ini mesti kita perkenalkan. Saya tengok dalam surat-surat khabar semua orang mengatakan Selangor boleh beri pada semua pegawai kerajaan semua gaji tak boleh (?). Sebab itu tidak termasuk dalam kumpulan kuasa. Sebab itu apabila kerajaan persekutuan naikkan gaji kita kena naikkan gaji, bukan kita kena naikkan gaji, beri bonus kita kena naikkan bonus tapi nasib baik untuk negeri Selangor kenaikan gaji pendapatan hasil negeri ini boleh menampung kenaikan gaji. Ada sesetengah negeri apabila kenaikan gaji setengah saya tahu rakan-rakan yang sebelah sana yang pernah bekerja dengan Perbendaharaan mulalah pergi melutut ke Perbendaharaan untuk

meminta gaji dibayar oleh kerajaan persekutuan. Ini kita lihat bukan satu perkara yang senang, saya percaya Selangor akan buat satu lembaran baharu daripada segi menentukan.

Kalau kita sayangkan pekerja kita mahu pekerja berjaya kita kena buat ini. Ini konsep Pakatan Rakyat dan kita percaya kita boleh lakukan sebab kita tak hendak 'per *capita income*' pendapatan 'per *capita income*' negara kita mencecah ke USD30,000 setahun, RM100,000 maknanya setiap orang pendapatan RM10,000 tapi rakyat kita kebanyakan mereka, tak bayar cukai. Maknanya gajinya kurang daripada RM2500 kalau kita tengok pula yang RM1500 ini angkanya sangat besar. Jadi apa salahnya? Sebab ada juga mengatakan salah kita ialah orang daripada luar negeri datang sini oleh sebab itu harga '*cost of labour* atau harga tu menurun. Itu kita tidak boleh beri itu sebagai jawapan. Tak boleh maknanya tanggungjawab kita untuk menentukan setiap pekerja kita mesti mempunyai kemahiran lebih daripada apa yang dibuat oleh orang yang datang. Jadi dengan cara itu kita menjaga keadaan yang sebenar, kenapa kita tidak boleh buat begitu. Kenapa kita tidak menentukan bahawa rakyat Malaysia boleh jadi *supervisor*, mekanik dan seterusnya, mengapa tidak?

Jawapan kita sekarang kita mesti *tackle the issue*. Jadi oleh sebab itulah ramai orang rasa apabila dia tengok Selangor gaji *minimum* oh beri semua orang. Ah itu kenyataan tidak boleh saya tak nyatakan rakan saya daripada *overseas* telefon. *Do they read economy, I said only 10 percent of the population, jadi its ok. 90% is more political not social*, tak apa. Tetapi jawapannya adalah ini bagus untuk negeri Selangor, sebab sesiapa datang ke negeri Selangor ini mesti memikir tentang produktiviti. Sebab itu kita cakap dengan pelabur-pelabur luar negara *please come to Selangor but bring capital intensive we do want you to bring that need* banyak pekerja yang gaji murah. Sebab kita katakan *is already over we cannot be a place to tackle* pekerja-pekerja yang gaji murah kerana ia memberi kesan kepada kehidupan masyarakat kita. Jadi saya nak dasarnya dan di syarikat swasta saya sudah mula, saya akan menjemput pegawai-pegawai guna tenaga atau pun *human resource departments* untuk berbincang. Saya tengok banyak perkara lagi yang boleh diperbetulkan supaya mereka dapat gaji minimum dan saya pernah menjadi pengurus di ladang. Sekarang di ladang pun kalau betul-betul dengan harga kelapa sawit ni, gaji RM1,500.00 ke RM2,000.00 memang senang boleh didapati oleh pekerja, tetapi kualiti kerja itu agak *rough* tetapi kalau kita gunakan *mechanisation* jadi saya rasa masyarakat kita boleh dapat pekerjaan itu dengan cara yang terbaik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Balakong.

**TUAN SPEAKER** : Tidak hadir

**TUAN SPEAKER** : Bangi

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, Soalan No. 34 dari Bangi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : TAULIAH JAIS**

34. JAIS mengawal kebenaran ceramah dan pengajaran di Masjid-Surau di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah tauliah yang dikeluarkan JAIS hingga kini?
- b) Berapakah jumlah tauliah yang ditarik atau tamat tempoh pada tahun 2011?
- c) Apakah rasional untuk menyekat ahli politik dari mendapat tauliah?

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMMED ALI** : *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salah sejahtera Tuan Speaker, saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Permatang soalan no. 72, Soalan daripada Paya Jaras soalan no. 86 dan akhirnya daripada Sabak iaitu soalan 126. Tuan Speaker, hal mengenai tauliah yang diberikan kepada penceramah-penceramah di seluruh negeri Selangor ni telah menjadi bahan perbincangan polemik di akhir-akhir ini terutama dua, tiga bulan yang lalu sampai sekarang bahangnya masih ada lagi sebab masalahnya terus hidup selagi ada masjid, selagi ada surau, selagi ada madrasah selagi ada orang yang berceramah selagi sekali ada suka mendengar ceramah jadi masalah ini akan terus timbul. Jadi Tuan Speaker, saya mungkin ambil masa sedikit untuk menerangkan keadaan yang sebenarnya.

Pertama sekali, Tuan Speaker, jumlah tauliah yang dikeluarkan pada dari tahun 2006 adalah sebanyak 3315 tauliah yang sudah diberikan kad. Maknanya 3315 orang dibenarkan oleh kerajaan negeri Selangor melalui MAIS dan JAIS untuk memberikan ceramah di masjid, di surau, di madrasah dalam kompaun-kompaun rumah-rumah ibadah tersebut.

Yang kedua, jumlah pemegang tauliah yang ditarik balik sebanyak 2 orang bagi tahun 2011. Jumlah pemegang tauliah yang tamat tempoh pada tahun 2011 ialah sebanyak 434 orang tamat tempoh sebab Tuan Speaker setiap 5 tahun mereka diperbaharui, dikaji, diperhalusi dan mereka kemudian akan disyorkan sama ada dipanjangkan atau pun sebaliknya. Saya nak menekankan di sini kita harus melihat hal mengenai tauliah ini dengan pandangan yang bijaksana. Kalau kita melihat dengan pandangan saling

mencurigai, pertama, kalau kita lihat dengan pandangan cara pendekatan politik semata-mata, yang kedua, kalau kita lihat pandangan dan cara sombong, bongkak cara tauliah ini atau pun cara mendendam, ada dendam dalam hati kita maka sudah selama-selamanyalah masalah tauliah ini akan terus dibincangkan, terus diperkatakan siapa juga yang duduk dalam Dewan ini 20 tahun daripada sekarang pun masalah tauliah ini akan terus dibahaskan. Tetapi kalau misalnya menggunakan teropong bijaksana *wisdom* dalam bahasa Inggerisnya maka saya rasa sebahagian besar masalah yang kita hadapi sekarang yang menyoal pun saya yakin Bangi yang saya kenal dekat 20 tahun yang lalu adalah kumpulan bijaksana ini, ingin mengetahui kedudukan yang sebenarnya kemungkinan selepas ini akan mencadangkan beberapa perkara yang saya sebagai EXCO yang bertanggungjawab bersama dengan MAIS dan JAIS akan meneliti dan kalau betul-betul cadangan-cadangan itu bagus untuk dilaksanakan, tidak ada diangkat kepada MAIS dan akhirnya diangkat untuk perkenan kepada Ke bawah Duli Tuanku sebagai payung Islam di negeri kita ini.

Tuan Speaker, tentang tauliah ni tidak ada negeri di Malaysia ini yang tidak ada yang mensyaratkan penceramah mesti ada tauliah. Sebutlah negeri mana pun, bahkan penceramah-penceramah kita, penceramah-penceramah yang hebat-hebat kita pun di negeri-negeri mereka pun tidak boleh berkhotbah, kerana adanya peruntukan mestinya ada tauliah. Sebut di mana-mana negeri, ada 13 negeri termasuk Wilayah Persekutuan ada peraturan-peraturan, tetapi yang jadi masalahnya orang *zero down* kepada Selangor ini fasal apa. Agaknya orang *zero down*, agaknya tempat Selangor ini jadi *melting pot*, tempat orang datang, semua penceramah-penceramah suka datang ke sini sebab masjidnya hidup, suraunya hidup, dalam hari raya, dalam bulan puasa 27 bulan Ramadhan yang lepas Tuan Speaker kita himpunkan 15,000 orang di Masjid Negeri pukul 3.00 pagi Yang Amat Berhormat hadir bersama-sama dengan kita pada malam itu. Tahun sebelumnya kita buat di Kompleks Belia, nun di Kompleks Belia di Seksyen 7 di sana, juga angka yang sama 15,000 orang pukul 3.00 pagi nak meraikan apa yang dinamakan 10 malam yang terakhir dalam bulan Ramadhan. Jadi sudah tentulah bahawa hal mengenai penceramah-penceramah ini akan timbul oleh kerana permintaan yang begitu besar. Bila Pengarah JAIS mengeluarkan arahan mengatakan semua masjid dan surau di Bulan Ramadhan diminta mengadakan tazkirah misalnya, yang satu masa dulu tazkirah tidak diadakan, sekarang ini sudah diadakan. Bayangkan kita ada 556 masjid tidak termasuk surau-sarau yang dibenarkan untuk menyampaikan khutbah, surau-sarau yang mengadakan khutbah-khutbah Jumaat, kita ada 1,987 surau. Bayangkan jumlah penceramah-penceramah yang kita perlukan dan bayangkan, diversifikasi, perbezaan-perbezaan di antara satu orang dengan satu orang, orientasi satu orang dengan satu orang, kelulusan satu orang dengan satu orang, implikasi satu orang dengan satu orang jadi kalau kita lepaskan bebas begitu sahaja bayangkan apa nak jadi kepada masyarakat. Bayangkan saya mengatakan Selangor ini *is melting pot* di sinilah ada orang Bangladesh, di sinilah ada orang Nepal,



di sinilah ada orang Indonesia, di sinilah ada orang Iran, di sinilah ada orang Nigeria, bayangkan kalau kita tidak ada sistem tauliah. Orang Iran akan menyampaikan secara Irannya, orang Nigeria secara Nigerianya, orang Indonesia cara Indonesiannya, bahkan telah dibuat kajian, sebahagiannya kalau dilepas bebas dapat juga diintai-intai, dihidu-hidu mereka bukan memberikan ceramah mengenai agama yang kita praktikkan di Malaysia ini tetapi ceramah yang kita masukkan sebagai ajaran-ajaran yang tidak dialu-alukan di negeri Selangor ini. Jadi kita mahukan yang ini berleluasa, kita mahukan anak-anak kita, ahli-ahli qariah kita mendengar, mendapat pandangan agama yang sedemikian yang sebahagiannya pun telah pun diharamkan di negeri Selangor. Jadi sebab itu Tuan Speaker, saya merasakan kita kena lihat perkara ini dengan lebih matang lagi dan saya harap permasalahan ini tak timbul lagi, tak timbul lagi dalam Dewan ini. Hampir setiap kali Dewan bersidang saya kena menjawab soalan ini dan saya harap memohon hari ini dapat beberapa minit untuk menerangkan keadaan ini. Tadi saya mengatakan bahawa kita mengadakan tauliah ini, peruntukan tauliah bagi menentukan:

Yang pertama, keselarasan *coordination is management function*. *We got to manage some how* Tuan Speaker, kita *manage* agama, *manage* pentadbiran agama. *Coordination as I said earlier* Tuan Speaker, *is part of management function*. Inilah yang kita lakukan. Kita nak koordinat bukan nak mencegah bukan nak menahan.

Yang kedua, memang sudah didapati oleh JAIS pihak Penguat kuasa JAIS, ada orang yang telah diberikan tauliah tetapi *go over board* lebih *over board*. Menyampaikan agaknya kerana emosi kerana seronok menyampaikan akhirnya keluar daripada gelanggang garisan-garisan yang telah ditetapkan, yang ni akhirnya ceramah itu sendiri dikatakan oleh yang mendengar penceramah itu berbau politik dan sebagainya dan akhirnya ia memecahkan. Ada yang tengah-tengah berceramah ada orang bangkit, orang bangkit menidakkannya. Ada yang tengah-tengah berkhotbah pun saya diberitahu ada orang yang angkat tangan bangkit dan meninggalkan tempat itu. Ini adalah perlakuan-perlakuan yang saya fikir yang tidak perlu ada. Kita kena cakap dengan bijaksana, inilah perkara kebijaksanaan perlu ada, agama itu bijaksana, Islam itu bijaksana dan kita harus mengambil teropong kebijaksanaan dalam kita melaksanakan Islam di Negeri Selangor ini.

Tuan Speaker, saya ingin juga menyebutkan tentang Duli Yang Maha Mulia, Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah mengeluarkan arahan pada 22 hari bulan Jun 2011 yang lalu supaya tidak membenarkan ahli-ahli politik khasnya memberikan ceramah dan kuliah, khutbah di masjid-masjid dan surau-surau di negeri Selangor ini. Ok, arahan ini timbul oleh kerana memang terdapat daripada kajian dibuat oleh Penguatkuasaan JAIS, *research* yang JAIS buat memang ada yang saya katakan tadi yang di luar dari lingkungan yang diizinkan, di luar dari garis panduan yang diizinkan. Maka sebab itu Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah mengeluarkan arahan

tersebut dan arahan tersebut telah diguna pakai oleh JAIS sebab arahan Sultan itu sendiri merupakan sebahagian daripada peraturan dan undang-undang yang mesti kita patuhi. Maka sebab itu kepada saudara-saudara dan teman-teman yang saya muliakan sekalian, kita kena lihat perkara ini kalau misalnya sepanjang-panjangnya tadi apa yang saya berikan, hanya 2 orang sahaja yang ditarik tauliahnya, misalnya jumlah pemegang tauliah yang ditarik 2 orang sahaja daripada 3,315 saya tak tahulah mungkin Kota Anggerik boleh kirakan *percentagenya* itu. *Point* berapa, *point zero-zero* berapa persennya. Terlalu kecil sebenarnya, tapi kalau kita menggunakan satu teropong yang lain, teropong yang bijaksana akhirnya yang kecil ni pun, yang semut pun kita anggap sebagai gajah. Tetapi yang gajah kita tidak anggap sebagai semut ini pun satu masalah bagi kita. Maka sebab itu Tuan Speaker saya ingin mengatakan di sini bahawa apa kita yang lakukan adalah semata-mata untuk kebaikan bersama. Apa yang kita lakukan untuk menjunjung kehebatan Islam, untuk menjunjung keharmonian Islam, *the sensitivity of* Islam dengan izin. Inilah yang kita lakukan. Dalam hal kita melakukan ini, saya mengharapkan insya-Allah, sayalah, kita kena harus terhutang budi dengan MAIS dan JAIS. Ada orang yang melemparkan berbagai-bagai tuduhan dan kita kena ada fakta-fakta. Kena ada fakta, menuduh tanpa fakta saya rasa satu perkara yang agak liar, yang tidak boleh dijadikan sebagai budaya di negeri Selangor ini. MAIS telah menjalankan tugasnya, JAIS telah menjalankan tugasnya, bagi ruang dan peluang. Kita ada STANCO, kita ada berbagai-bagai *committee* yang saya jemput berbagai-bagai pihak untuk menganggotainya, untuk mencurahkan seluruh apa yang ada di dalam hati sanubari mereka. Tetapi kadang-kadang kita tidak mengambil peluang dan ruang itu dan kita pergi kepada akhbar dan pergi kepada .apa untuk menghentam pihak-pihak yang sepatutnya kita memberikan sedikit rangsangan kepada mereka untuk menjalan kan kerja-kerja mereka. Saya akhirnya ingin menyebutkan Tuan Speaker, apa pun kehendak saya sebagai EXCO ni, telefonlah saya, datanglah jumpa saya, dapatkan daripada *the horses mouth*, dapatkan daripada mulut saya, dapatkan daripada Pengarah JAIS, daripada Pengerusi MAIS sendiri, tetapi kalau kita dapatkan daripada orang yang ketiga, orang yang keempat itulah akhirnya tersalah sasar sedikit daripada komen-komen yang diberikan kepada MAIS dan pun JAIS. Saya ingin menerangkan sekali lagi sebagai orang yang dipertanggungjawabkan untuk Islam di negeri Selangor ini yang badan pengendalinya misalnya Jabatan Muftinya, MAISnya dan JAISnya dan juga menjunjung titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan saya akan sentiasa menggunakan seluruh kebijaksanaan yang ada untuk menangani, menggunakan kepala kita, bukan menggunakan nafsu kita untuk menjunjung keredaan *Subhanahu wata'ala* dan melaksanakan Islam sebagai Addin yang sebenarnya di Negeri Selangor ini dan dengan ini saya tidak berganjak untuk menentukan bahawa Islam itu *Al-Islamu ya'aklu wala yukla 'alaik*, Islam itu tinggi tidak ada yang menyaingi ketinggiannya. Terima kasih Tuan Speaker.

**YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker. Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kajang

**YB. TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker Soalan 35.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PERHUTANAN DAN PERHILITAN**

35. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah keberkesanan pemantauan Jabatan Perhutanan dalam pencegahan pembalakan tanpa kebenaran?
- b) Apakah masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan sistem pembalakan secara pemilihan (*Selective Management System*) memandangkan sistem pemantauan kini gagal mencegah pembalakan tanpa kebenaran?
- c) Sila nyatakan jenis dan jumlah bilangan spesies hidupan liar yang terancam (*endangered species*) yang terdapat di dalam negeri dan taburannya.

**YB. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker. Soalan ini ada tiga bahagian. Pertamanya adalah berkenaan dengan keberkesanan pemantauan Jabatan Perhutanan dalam pencegahan pembalakan haram. Di sini saya ingin jelaskan apa yang di maksud dengan istilah pembalakan mengikut istilah Jabatan Perhutanan. Ianya bermaksud aktiviti pengusaha dan juga penghasilan yang melibatkan hasil hutan utama yang mana kayu balak adalah merupakan satu daripadanya. Ianya diguna pakai apabila aktiviti berlaku dalam skala besar yang kebiasaan melibatkan jentera terutamanya dalam hutan darat. Ianya tidak dikatakan kebalakan apabila sekadar melibatkan beberapa batang pokok atau tebangan yang dilakukan oleh masyarakat setempat terutamanya untuk kegunaan pertanian. Tebangan seperti ini kebiasaan tidak melibatkan pengambilan keluar kayu balak dan ianya dikategorikan sebagai pencerobohan ataupun penerokaan hutan. Jabatan Perhutanan pada masa ini menjalankan pemantauan pencegahan pembalakan haram melalui beberapa kaedah. Di antaranya adalah:

- (i) Pemantauan melalui udara dengan menggunakan helikopter.
- (ii) Rondaan berkala di lapangan oleh Bahagian Penguatkuasaan yang berpejabat di Shah Alam. Pasukan ini dibantu oleh Unit Penguatkuasaan yang ditempatkan di Pejabat Hutan di daerah-daerah dan juga Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat Perhutanan di Kuala Lumpur.

- (iii) Menjalankan tindakan pencegahan bersepadu dengan kerjasama lain-lain agensi penguatkuasaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPR) dan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- (iv) Jabatan Perhutanan juga menjalankan pemantauan dengan menggunakan *System Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS). Sistem ini dibangunkan dengan kerjasama *Agency Remote Sensing Malaysia* (ARSM) dan sistem ini berfungsi untuk memantau serta mengesan aktiviti yang melibatkan kawasan hutan secara makro, secara lebih cepat dengan menggunakan imej satelit yang beresolusi tinggi.
- (v) Makluman ataupun *tip port* daripada orang awam.

Hasil daripada pemantauan berterusan ini, rekod Jabatan Perhutanan menunjukkan tiada aktiviti pembalakan tanpa kebenaran yang melibatkan Hutan Simpanan Kekal di negeri Selangor sejak tahun 2009 hingga Oktober 2011 kecuali pada tahun 2010 Jabatan Perhutanan negeri Selangor telah mengesan pencerobohan hutan yang dikesan dilakukan oleh Projek Pembangunan Pertanian Sepadu ataupun istilah singkatnya IADAH.

Dalam Hutan Simpan Sungai Karang yang melibatkan 34.8 hektar ataupun 85.9 ekar dalam Kompartmen 127 Hutan Simpan Kekal Sungai Karang. Jabatan Perhutanan telah mengesan dan menahan 15 jentera kontraktor yang dilantik oleh IADAH kerana melaksanakan kerja-kerja tanpa kebenaran Jabatan Perhutanan. MMKN telah membuat keputusan untuk mengenakan kompaun RM800,000.00 ke atas kesalahan yang dilakukan dan MMKN juga membenarkan, akhirnya kerja-kerja IADAH diteruskan dengan syarat IADAH dicajkan permit penggunaan sebanyak RM500,000.00 dan juga lain-lain caj mengikut kaedah-kaedah Hutan Selangor 1988. Sekadar ini pihak IADAH telah menjelaskan bayaran permit penggunaan pada Jabatan Perhutanan dan bon lapan jentera sebanyak RM150,000.00. Walau bagaimanapun, sehingga hari pihak IADAH masih gagal membayar baki RM650,000.00 kompaun yang dikenakan dan kita sedang usaha untuk mengutip kompaun tersebut.

Soalan kedua; adalah masalah yang dihadapi oleh dalam pelaksanaan sistem pembalakan secara pemilihan ataupun dengan izin *Selective System Management* ataupun (SMS), memandangkan sistem pemantauan gagal mencegah pembalakan tanpa kebenaran. Saya ingin menjelaskan sekali lagi kepada Yang Berhormat Kajang bahawa sebenarnya sistem pemantauan sekadar ini boleh dikatakan amat berjaya dan tidak gagal dan mungkin pendapat Yang Berhormat Kajang adalah SMS (*Selective Management System*) boleh menjadi satu alat pencegahan pembalakan haram tetapi saya ingin juga maklum kepada Yang Berhormat Kajang dan juga Dewan yang mulia ini SMS sebenarnya boleh, hanya boleh dilakukan di kawasan yang dikategorikan sebagai

hutan pengeluaran ataupun *productive or production forest*. Dan apa yang kita telah maklum kepada PAC pada awal tahun ini adalah kita tidak *arrangement* ataupun tidak syor bahawa SMS dilakukan di hutan-hutan lain yang bukan berstatus hutan pengeluaran. Sementara dari aspek pemantauan, tadi saya sudah jelaskan 5 kaedah yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan.

Soalan yang ketiga, bahagian ketiga adalah Yang Berhormat Kajang ingin senarai jenis dan juga jumlah bilangan spesies liar yang terancam (*endangered species*) yang terdapat di dalam negeri dan taburannya. Yang Berhormat Kajang saya akan beri senarai yang lebih *detail* kerana kalau saya baca mungkin malam ini kita masih ada di sinilah, jadi Dato' Speaker pun akan marah saya. Tetapi secara ringkasnya saya ingin lapor kepada Dewan ini bahawa memang di negeri Selangor kita ada satu *biodiversity* yang amat unik, sebagai contohnya; kita di Selangor ada satu dengan izin *Selangor Pinckney Flying Spiro*. Saya susah nak cakap Latin di sini, *Selangor Pinckney Flying Spiro*. Kalau saya menterjemahkan tupai Selangor kecil yang boleh terbang, *something like that* dan ini hanya didapati di Selangor sahaja. Jadi ini adalah satu spesies yang amat unik.

Beberapa spesies yang lain adalah termasuk seperti tapir, kita ada pusat konservasi tapir di negeri Selangor, kelip-kelip *of course* di Kampung Kuantan, kita juga ada laporan terdapat serau *wau goat* di negeri Selangor, siamang kita ada labah-labah yang satu, dua tahun ini yang baru di jumpa di Hutan Simpan Gombak dan yang terkini kita telah buat satu *rapid assessment biodiversity* di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan di mana kita dapat beberapa spesies-spesies yang amat unik dan di sana juga di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan kita dapat mengesan pada beberapa tahun yang lalu, tiga spesies serangga. Ini bermaksud Hutan Simpan di negeri Selangor masih kaya dengan biodiversiti. Dan saya juga ingin maklum kepada Dewan ini bahawa sejak 2008, sejak Pakatan Rakyat mengambil alih, mengambil Kerajaan ini kita telah memberhentikan *hunting* dengan izin *hunting* seperti spesies liar seperti *sambadia*, *flying forks dan bio...* Pada masa yang sama kita juga telah meluluskan satu keputusan MMKN untuk ada penguatkuasaan atas kedai-kedai *tax shop* dengan izin restoran-restoran yang dilaporkan memasak ataupun menjual spesies yang terancam dengan kerjasama PBT dan juga Jabatan PERHILITAN kita boleh tutup kedai-kedai tersebut secara serta-merta.

Akhirnya saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada YAB Menteri Besar kerana untuk tahun hadapan kita ada satu *fund* satu dana khas RM5 juta untuk membantu dari segi pemulihan dan juga pemeliharaan alam sekitar. Dan dari itu sebagai contohnya Jabatan PERHILITAN akhirnya akan dapat dana yang cukup, memang mencukupi untuk melakukan apa yang dipanggil *biodiversiti* audit, audit biodiversiti yang perlu dijalankan setiap lima tahun. Sekadar ini terlalu lamalah kita tidak jalankan biodiversiti audit kecuali tahun yang lepas. Jadi dengan dana tersebut kita akan dapat senarai

spesies yang paling *updated* ataupun terkini di mana kita boleh melihat bagaimana kita boleh mengukir dasar-dasar untuk memelihara dan juga memelihara spesies liar tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Yang Berhormat, bukannya saya marah, tetapi soalnya, sila nyatakan jenis dan jumlah bilangan spesies kehidupan liar yang terancam yang terdapat di negeri ini dan taburannya. Tetapi Yang Berhormat pergi sampai tindakan yang akan diambil dana itu bukan sudah luar, bukan saya nak marah, tetapi itulah kalau kita buang masa dengan ini, kalau semua orang nak ambil peluang ini untuk berucap, buat ceramah susahlah, kita lebih baik tukar sesi soal jawab menjadi sesi ceramah lebih baik. Lebih baik datang untuk ceramah, betul bekas, Sementa bekas EXCO dia tahu. Baik, Hulu Bernam. Hulu Bernam, Hulu Bernam, lama jemput ya.

**YB. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR** : Tuan Speaker, soalan seterusnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK : LEMBAGA TABUNG AMANAH BENCANA ALAM**

36. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejak Lembaga Tabung Amanah Bencana Alam ditubuhkan, berapa banyakkah peruntukan yang telah diberikan kepada pihak Lembaga dan butir-butir perbelanjaan yang telah dibuat sehingga hari ini?

**YB. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih Hulu Bernam untuk menanyakan soalan. Soalnya berbunyi macam ini:

“Sejak Lembaga Tabung Amanah Bencana Alam ditubuhkan, berapa banyak peruntukan yang telah diberi kepada pihak Lembaga dan butir-butir perbelanjaan yang telah dibuat sehingga hari ini”?

Sejak Tabung Amanah Bencana Alam ataupun (TABAH) diluluskan pada Sidang Dewan negeri Selangor pada bulan Julai 2011 sebanyak RM10 juta telah disalurkan bagi tahun 2011 melalui peruntukan kerajaan negeri berbentuk *launching grant*. Manakala bagi dana tersebut akan diberikan dalam tempoh 2012 sehingga 2015 sebanyak RM10 juta setahun. Sehingga hari ini tidak sebarang perbelanjaan dibuat kerana dana tersebut hanya boleh dibelanjakan permulaan tahun 2016 bagi membolehkan dana tersebut dilaburkan bagi pendapatan tempoh pulangan yang sewajarnya.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**YB. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR:** Tuan Speaker, soalan 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR  
(TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : YAYASAN SELANGOR**

37. Yayasan Selangor ditubuhkan untuk membantu anak-anak Bumiputera dalam pendidikan.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Penutupan asrama Yayasan Selangor di Kampung Pandan telah menyukarkan anak-anak luar bandar yang di hantar untuk belajar ke bandar. Adakah kerajaan negeri menafikan hak anak-anak luar bandar ini untuk mendapatkan pendidikan terbaik di bandar?
- b) Berapakah pelajar yang ditaja oleh Yayasan Selangor sekarang mengikut daerah bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 dan berapa banyakkah jumlah biasiswa yang ditawarkan untuk pelajar di Selangor bagi tahun 2009, 2010 dan 2011? Bagaimanakah prestasi pelajar-pelajar yang dibiayai oleh Yayasan Selangor?
- c) Apakah tindakan kerajaan negeri lakukan dalam salah laku tadbir apabila Yayasan Selangor hadapi defisit sebanyak RM70 juta?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, Tanjung Sepat, Yang Berhormat menanyakan tentang organisasi Yayasan Selangor yang ditubuhkan untuk membantu anak-anak bumiputera dalam pendidikan dan soalan yang pertama mengenai asrama Yayasan Selangor di Kampung Pandan menunjukkan anak-anak luar bandar dihantar untuk belajar ke bandar dan apakah kerajaan negeri menafikan hak anak-anak itu. Jadi soalan itu agak ada, sama ada kebenaran atau tidak. Satu perkara, apabila Yayasan Selangor ditubuhkan puluhan tahun dahulu, satu keadaan yang berlaku iaitu ramai anak Selangor di luar bandar tidak mendapat kesempatan tempat pelajaran yang baik umpamanya memasuki sekolah-sekolah yang besar dan sekolah-sekolah yang diurus dan dijaga dengan baik di bandar-bandar. Iaitu antaranya mereka akan dapat masuk ke VI ataupun sekolah-sekolah yang besar St. John dan seterusnya.

Dan oleh sebab itu masa itu pun kerajaan negeri memiliki tanah sebab sebelum tahun 1974, kerajaan negeri mempunyai tanah di Kuala Lumpur yang boleh diberikan kepada Yayasan Selangor untuk kemudahan tersebut. Dan ini telah berlaku beberapa tahun

dan kita ada beberapa asrama ditempatkan. Dan jumlah penuntut ramai dan dia tidak boleh ditempatkan di satu-satu sekolah tetapi di banyak sekolah.

Jadi, kajian menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan dan Kementerian Dalam Negeri Selangor juga daripada Pejabat Pendidikan Selangor dan Wilayah tidak membenarkan tumpuan peletakan pelajar-pelajar itu di satu tempat. Maknanya sekolah VI sahaja tak boleh sebab hanya paling ramai tiga empat orang. Lepas itu, St. John, Shah Alam apa semua dan sampai ke Assunta dan sampai ke kawasan-kawasan.... Jadi, yang agak saya.... Kajian menunjukkan boleh jadi ahli-ahli yang berhormat umpamanya Tanjung Sepat boleh melihat kajian menunjukkan ada kalanya anak-anak kita berada dalam bas lebih daripada empat jam sehari iaitu bas yang membawa anak-anak kita ke sekolah ini sampai balik ke asrama sekurang-kurangnya dua jam pagi dan dua jam petang. Itu keadaannya. Jadi sebabnya ialah oh kita boleh bagi banyak sebab kesesakan dan sebagainya.

Jadi ini dan kita dinasihatkan oleh Pejabat Pelajaran Negeri Selangor kata sekarang ini cara Pejabat Pelajaran Negeri Selangor ataupun Kementerian Pelajaran tidak menumpukan atau memberikan tumpuan yang lebih besar kepada sekolah-sekolah ternama sahaja, ia hendak diluaskan. Oleh sebab itu terdapat beberapa usaha kerajaan negeri Selangor untuk menempatkan sekolah-sekolah maktab sains dan sekolah-sekolah ini di luar sampai ke Sabak Bernam, di Kuala Langat dan seterusnya di Kuala Selangor dah ditempatkan. Jadi, kita juga boleh menempatkan anak-anak kita di sekolah-sekolah tersebut. Dengan itu kita dapat lebih banyak peluang menempatkan anak-anak daripada luar bandar yang miskin untuk mengikuti persekolahan itu.

Oleh sebab itulah saya lihat asrama di Kampung Pandan itu tidak lagi dapat mencapai tujuan yang asalnya. Jadi saya menyuruh mereka membuat kajian sama ada boleh pula digunakan dana yang kita dapat supaya dapat menolong asrama-asrama yang kita nak tempatkan pelajar-pelajar itu dengan memberikan peruntukan supaya lebih banyak pelajar-pelajar kita dapat belajar di sekolah-sekolah ternama dan dapat menduduki asrama-asrama tersebut. Ini satu strategi.

Kedua, adalah menggunakan dana untuk membina betul-betul sekolah integrasi Yayasan Selangor. Selepas beberapa tahun ini, kita mesti pula mencuba satu cara yang kita juga membiayai sekolah-sekolah tersebut dengan meletakkan guru-guru sebagaimana dilakukan bukan saja oleh kerajaan tetapi saya tahu saudara-saudara tahu ada beberapa syarikat swasta yang sudah berjaya menempatkan pelajar-pelajar dan ditaja dan mendapat kelulusan yang baik. Saya tahu Tan Sri Halim Saad telah melakukannya dan telah dapat menarik dan membangunkan pelajar-pelajar. Tidak lagi strategi yang dahulu tetapi satu strategi yang kita nak pantau. Oleh sebab itulah kita tidak boleh lakukan dalam satu tahun atau dua tahun tetapi kita mesti menggunakan proses masa supaya dapat menyelesaikan perkara ini.



Dan soalan yang ditanya berapakah bilangan pelajar yang telah mendapat tajaan daripada Yayasan Selangor? Iaitu 4,787 orang pelajar di antara tahun 2008 dan 2011, tiap-tiap tahun kita menampung lebih kurang 1,500 orang. Tetapi pada tahun 2011 kita naikkan ke 1,655 orang. Sabak Bernam sebagai contoh yang tertinggi, pada tahun 2008 – 167; tahun 2010 – 132; tahun 2011 – 126; Kuala Selangor 136 – 2008; 147 dan 150. Yang paling ramai adalah dari Hulu Langat 175 – tahun 2009; 2010 – 234 dan 269 orang. Juga daripada Klang meningkat dari 255 orang ke 291 orang. Dan angka ini saya akan hantar kepada Y.B Tanjong Sepat untuk mengkajinya.

Dan kita juga tiap-tiap tahun memberikan biasiswa. Pada tahun 2009 – 764 orang pelajar yang dapat biasiswa. Tahun 2010 – 874, 2011 – 124 biasiswa. Dan keputusan peperiksaan, yang dapat 5A ke atas pada tahun 2009 – 73%, 2010 – 74%.

Ada juga ditanya kita tak ada duit sebanyak RM70 juta. Saya akan serahkan akaun untuk lihat. Jadi sebab Laporan Audit ada juga satu tahun 2010 yang perbelanjaan dan juga pendapatan kurang iaitu RM5 juta. Tapi untuk 2008 – 127 juta positif dan tahun 2009 – 18 juta positif. Buat masa ini simpanan tetap Yayasan Selangor melebihi RM40 juta. Jadi, kalau orang tak makan, maknanya tak jadi masalahlah. Tapi yang masalah yang terbesar Yayasan Selangor ialah pengurusan aset. Pengurusan aset adalah satu masalah yang terbesar Yayasan Selangor. Aset yang boleh menghasilkan 4% hasilnya jadi kadang-kadang tak sampai 1%. Jadi itu satu perkara yang saya nak betulkan.

Kedua, tanah umpama ladang kalau diurus oleh Guthrie 1,500 ekar pendapatannya boleh jadi RM10 juta tetapi Yayasan Selangor dapat RM2 juta. Jadi maknanya ada masalah. Saya tidak hendak dia sampai ke tahap Guthrie, tetapi sekurang-kurangnya dapat RM7 juta ke. Jadi dengan itu, maknanya pendapatan kita tak selari dengan penggunaan aset. Boleh jadi dahulu aset dapat percuma, jadi tak perlu dapat untung dana. Tapi sebenarnya aset itu mesti dinilai dalam keadaan yang ada sekarang. Umpamanya nilai aset di Kampung Pandan itu terlalu tinggi. Kalau kita buat asrama sahaja tak dapat pendapatan. Walau bagaimanapun kita mesti tahu kalau kita buat yang lain, duit itu kita nak gunakan di mana, bagaimana rancangan kita dan perancangan-perancangan ini.

Akhir sekali, saya dapati Yayasan Selangor ini mempunyai ahli-ahli juga. Jadi ahli-ahli Yayasan Selangor yang boleh datang pada Mesyuarat Agong, kita undang mereka tetapi malangnya tak datang. Hanya yang datang Dato' Suhaimi Kamarudin. Beliau datang sendiri, tanya apa semua dan kita jawab. Dan salah satu daripada usaha yang terbaik adalah datang ke mesyuarat tiap-tiap tahun semak akaun. Boleh jadi lima tahun lepas akaun itu tak dibuat tapi sekarang tiap-tiap tahun ada sejak daripada tahun 2008 saya sediakan akaun sebab itu satu disiplin yang saya sebagai Menteri Besar, kalau itu saya tak boleh buat maknanya tak betullah, disiplin. Jadi, pegawai saya kalau tak siap akaun yang diaudit maknanya dalam masa enam bulan selepas tahun tersebut itu satu

perkara yang tak betul berlaku. Sebab itu saya jemput semua orang datang, dia boleh tengok, dia boleh tanya dan dengan cara itu pengurusan akan lebih sensitif terhadap tanggungjawab mereka. Jadi dahulu Yayasan Selangor kita beri sahaja, lepas itu dia buat nampak dapat untung walaupun RM10 juta sudah besar tapi tidak boleh buat sampai RM20 juta. Tapi RM10 juta sudah dikira besar!

Jadi, kadang-kadang orang punya usaha sama yang untung bukan yang menjaganya, bukan Yayasan Selangor, orang usaha sama yang untung. Saya tengok, saya bandingkan keuntungan. Jadi ini semua kita kena betulkan dengan tujuan supaya lagi banyak kita dapat dana lebih banyak kita boleh gunakan untuk kebajikan masyarakat. Padahal Yayasan Selangor konsepnya ditubuhkan untuk memberi peluang kepada rakyat desa yang miskin terutamanya untuk dapat peluang untuk mendapat pelajaran setanding dengan masyarakat di bandar. Itu tujuannya.

**Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL** : Masa tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Masa tambahan sudah tamat. Setiausaha.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan (2012 / 2011).

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

**TUAN SPEAKER** : Yang terhormat sekalian, untuk perbahasan seterusnya saya ingin menghadkan masa kepada tidak melebihi 30 minit seorang. Ya, Kuang.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Terima kasih Dato' Speaker memberi peluang kepada Kuang untuk turut serta dalam perbahasan belanjawan pada tahun ini. Kita kerap mendengar ungkapan daripada Y.A.B. Ijok kerajaan Pakatan penuh dengan ketelusan, tiada ketirisan, tiada kroni dan seteru. Dan perkataan rakyat adalah perkataan yang kerap digunakan. Contohnya merakyatkan ekonomi Selangor, harta negeri untuk rakyat dan sebagainya. Barangkali kalau tak sebut Pakatan Rakyat ini boleh demam kerajaan Pakatan Rakyat. Jelas kata-kata ungkapan rakyat digunakan hanya semata-mata untuk mengaburi mata rakyat bahawa kononnya kerajaan pakatan ini mendahului rakyat dalam setiap tindak tanduk mereka.

Saya kerap dengar tidak berlaku kroni dalam pentadbiran kerajaan. Maka itu, hari ini saya terpanggil untuk menyentuh sebuah anak syarikat kerajaan negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor atau PKPS. Saya ingin menyentuh kenyataan akhbar yang pernah dibuat oleh Sekretariat Akhbar Pejabat Menteri Besar Selangor pada 3 Mei bertajuk 'PKPS catat keuntungan dan berjaya kurangkan kos pengurusan'. Mengikut kenyataan itu, anak syarikat milik penuh kerajaan Selangor

iaitu Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor mencatat keuntungan sebanyak RM1.8 juta sepanjang 2010 hasil pengurusan yang sistematik dan profesional. Menerusi sistem pentadbiran yang telus dan urus tadbir baik yang dilaksanakan selepas 2008 katanya PKPS juga telah berupaya mengurangkan kos operasi sebanyak RM2 juta. Pengurus Besar Kumpulan PKPS, Haji Ali Ahmad berkata keuntungan itu disumbangkan hasil peningkatan pengeluaran sawit yang melonjak kepada 14,000 tan pada 2010 berbanding 9,200 tan pada 2008. Keuntungan PKPS dijangka akan terus meningkat pada tahun ini berikutan pemantauan rapi dan pengurusan sistematik yang dilaksanakan secara berterusan oleh PKPS yang mana katanya ketika penyampaian taklimat sempena lawatan kerja Menteri Besar di ladang PKPS Sungai Panjang, Sabak Bernam pada ketika itu. Tuan Haji Ali bin Ahmad telah dilantik oleh YAB Menteri Besar Selangor sebagai Pengurus Besar Kumpulan PKPS. Apabila Pakatan Pembangkang mengambil alih pentadbiran kerajaan Selangor Tuan Haji Ali Ahmad pernah bertugas dengan Kumpulan Guthrie di mana YAB Menteri Besar dari Ijok juga pernah berkhidmat di situ. Samada perlantikan beliau berdasarkan kepada pengalaman dan prestasi cemerlang beliau di Guthrie atau semata-mata sahabat baik YAB dari Ijok. Ianya boleh mengundang berbagai persepsi bagaimanapun yang penting bagi rakyat Selangor beliau dapat menjalankan tugas dengan bertanggungjawab, cekap telus, amanah dan meletakkan kepentingan PKPS melebihi kepentingan peribadi. Tetapi berdasarkan kepada laporan yang kita terima terdapat banyak kes penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran PKPS sejak beliau diberi amanah sebagai Pengurus Besar Kumpulan. Di antara kes-kes yang menonjol adalah seperti berikut:

Yang pertama, kerja-kerja membina sebuah ladang lembu, kandang lembu tenusu dan juga Pejabat Ladang PKPS di Jelutong Jati, Sabak Bernam. Pelantikan kontraktor dibuat melalui Syarikat Selangor Oil Palm Industri Sdn. Bhd. iaitu SOPIC yang telah diberhentikan operasinya pada akhir tahun 2009. Kesemua kakitangan SOPIC telah ditamatkan perkhidmatan dan dibayar pampasan walaupun ketika itu SOPIC mempunyai wang tunai melebihi RM20 juta.

Ini lebih banyak lagi saya dimaklumkan penjualan ladang SOPIC di Miri berharga RM 97 juta. Oooo banyak tu duit SOPIC. Mengikut laman web PKPS terdapat hanya lima anak syarikat PKPS iaitu PKPS Agro Industri, Polen, PKPS Smart, PKPS Bukit Tinggi *Fish Farm* dan Selangor *Fruit Valley*. SOPIC Sdn. Bhd tidak ada dalam senarai bererti ini bukti SOPIC telah pun ditutup operasinya. Tetapi masih ada lagi dua Lembaga Pengarah di SOPIC itu. Yang pertama Pengurus Besar Kumpulan dan yang kedua Timbalan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan. Macam mana sebuah syarikat yang telah dihentikan seperti SOPIC boleh melantik kontraktor dengan nilai projek jutaan ringgit sehingga September 2010 malahan saya dimaklumkan lebih 50% wang SOPIC telah habis dibelanjakan dengan kelulusan dua Pengarah tersebut tanpa melalui syarikat induk PKPS.

SOPIC Sdn. Bhd. melalui ketetapan Pekeliling Lembaga Pengarah pada 19 Julai 2010 telah ditandatangani oleh dua orang Lembaga Pengarah iaitu Tuan Haji Ali Ahmad dan En. Aqmal Azman Ahmad telah melantik kontraktor Syarikat LLK Construction Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek tersebut dengan harga RM1.38 juta. Mengapa pelantikan kontraktor tidak diuruskan sendiri oleh PKPS. SOPIC Sdn. Bhd. sebuah syarikat yang telah dihentikan operasinya. Lembaga PKPS mempunyai 7 orang Ahli Lembaga Pengarah termasuk YAB Menteri Besar selaku Pengerusi dan juga Pengerusi Tetap Pemodenan Pertanian juga ada. Adakah YAB Menteri Besar sedar perkara ini atau telah mendapat kelulusan YAB Menteri Besar sendiri. Mengapakah pelantikan kontraktor dibuat hanya melalui ketetapan Pekeliling Lembaga Pengarah dengan berselindung kepada Fasal 107 Tata Urus Syarikat dan tidak dalam satu Mesyuarat Lembaga yang berpeluang menilai secara terperinci butir-butir kontrak tersebut. Mungkin betul juga syarikat sudah ditutup operasi tidak ada kakitangan, tidak ada jawatankuasa tender maka terpaksa dua Lembaga Pengarah yang dipertanggungjawabkan meluluskannya di mana keberkesanan pemantauan YAB Menteri Besar. Mengikut butiran yang sah juga apa yang sebenarnya berlaku adalah seperti berikut:

**TUAN SPEAKER** : Kuang

**YB. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Sila.

**YB. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Kuang, terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Kuang bermula dengan ucapan tadi bahawa PKPS mencatat keuntungan sebanyak RM1.8 juta pada tahun 2010. Jadi saya ingin bertanya kepada Kuang, kalau YB Kuang mempertikaikan pilihan Pengurus Besar dan juga tindakan-tindakan dasar-dasar PKPS ini kalau ianya ada kepincangan mengapa pula PKPS boleh mencatat penambahan keuntungan yang begitu besar sebanyak RM1.8 juta pada tahun yang lalu sedangkan PKPS selama ini rugi sahaja. Saya ingin minta penjelasan.

**YB. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Terima kasih Bukit Tunku. Dah puaslah tu. Macam mana tak untung, 100 pekerja SOPIC berhenti. Tak payah bayar gaji setahun, semenjak 2009 hujung 2009, untunglah tu. Dan luas ladang di Miri RM99 juta untunglah tu. Untung mudahlah tu. Baik saya teruskan. Pada 12 Julai 2011 Syarikat LLK Construction Sdn. Bhd. telah hantar sebut harga kepada PKPS

**TUAN SPEAKER** : YB Kg. Tunku bagi laluan.

**YB. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Saya ingat, saya baca ini nanti saya bagi, sekejap sahaja, saya bagi. Cakap satu jam Hari Jumaat, nak cakap apa lagi. Dan Pengurus Besar Kumpulan PKPS telah membuat minit di atas surat tersebut kepada En. Aqmal bertarikh yang sama oleh surat yang dapat ni LLK Construction 12.7.2011 dan tulis minit mesyuarat pada 12.7.2011 bersetuju menerima tawaran dengan harga

RM1.380 bila masa mesyuarat dapat surat terus minit kepada seorang lagi kata mesyuarat dan setuju. Kemudian dengan syarat mendapat jaminan peribadi daripada Lembaga Pengarah dan juga daripada Jurutera LLK. Pada hari yang sama 12.7.2011 LLK Construction memberi surat kepada PKPS untuk perhatian En. Aqmal bersetuju dengan harga kontrak tersebut dengan hari yang sama juga surat setuju dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Dan pada 13.7.2011 Pengurus Besar PKPS memberi arahan kepada En. Aqmal melalui minit di atas surat yang dihantar oleh Syarikat LLK Construction untuk buat surat tawaran dengan harga RM1.380,000.00. Saya menyebut ini kerana di kata tidak berlaku ketirisan, ketelusan sentiasa telus dan tidak berlaku kroni. Pada 19 Julai 2010 Ketetapan Pekeliling Lembaga Pengarah SOPIC di bawah Fasal 107 dan ditandatangani oleh Tuan Haji Ali Ahmad dan Aqmal Azman atas kapasiti mereka sebagai Ahli Lembaga Pengarah SOPIC Sdn Bhd. maka dapatlah tender itu. Persoalannya walaupun surat LLK Construction Sdn. Bhd. ditujukan kepada PKPS mengapa keputusan dibuat oleh SOPIC Sdn. Bhd. dan bukan Ahli Lembaga Pengarah PKPS yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar. Ada kemungkinan penggantungan operasi SOPIC dan pemberhentian kakitangan dibuat bagi membolehkan kedua-dua pengarah tersebut mengambil alih pengurusan maka itu SOPIC yang masih mempunyai wang yang banyak di bank keseluruhan proses perancangan projek tersebut menimbulkan keraguan dan ada unsur-unsur penyalahgunaan kuasa dan pengurusan besar PKPS dan Timbalan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan.

Kita menuntut YAB Menteri Besar selaku Pengerusi PKPS membuat siasatan termasuk menjalankan audit pengurusan dan mengambil tindakan tegas jika terdapat salah laku dan menyalahgunakan kuasa. Projek ternakan ayam daging di ladang PKPS Jelutong Jati Sabak Bernam saya tak mahu cerita ayam mati berpuluh beratus ribu ayam telah mati. Ini saya tak mahu cerita. Tapi saya nak cerita pelantikan kontraktor dibuat melalui SOPIC Sdn. Bhd. juga yang telah melantik syarikat yang sama LLK Construction Sdn. Bhd dengan nilai RM9,075,130 pada 19 Mei 201. Syarikat dah tak beroperasi dah. Tapi Lembaga Pengarah dua orang begitu bermaharaja. Ini bermakna Syarikat LLK Construction Sdn. Bhd. dapat dua kontak dalam masa dua bulan daripada SOPIC. Bukan daripada PKPS keseluruhan.

**YB. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM** : Speaker, Speaker mohon penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Silakan

**YB. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM** : Saya tertarik perkataan 'ayam' oleh YB Kuang. Beliau berkata dia tidak minat dengan ribuan ayam yang mati apakah kerana dasar kerajaan rakan-rakan Pakatan Rakyat ini mereka tidak mepedulikan kematian ayam-ayam tersebut kerana tidak memberi apa-apa keuntungan kepada mereka kerana mereka lebih berminat membela ayam-ayam daripada China. Terima kasih Speaker.

**YB. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Terima kasih Batang Kali, saya kalau maka Dato' Speaker bagi masa hari ini sikit maka itu kalau saya nak cerita ratusan ribu ayam mati yang dikuburkan saya nak cari kuburnya di mana yang itu saya berharap EXCO berkenaan beritahu di mana kubur ratusan ribu ayam yang mati dalam projek tersebut. Ini bermakna Syarikat LLK Construction Sdn. Bhd. dapat dua kontrak dalam masa dua bulan daripada SOPIC bukan daripada PKPS keseluruhan bernilai RM 2,355,130 juta. Itu belum masuk lagi cadangan daripada Syarikat LLK Construction memperkenalkan Syarikat Jenson Flori Equipment membeli mesin dengan harga 7,032,173 Euro yang bernilai RM3.5 juta melalui kaedah yang diragukan. Difahamkan atas cadangan syarikat LLK Construction. Kos keseluruhan ketiga-tiga projek di ladang Jelutong Jati bernilai RM5.855 juta yang mana Syarikat LLK Construction Sdn. Bhd. ada kepentingan di ketiga-tiga urusan ini.

Berdasarkan dua bukti di atas, saya ingin mempersoalkan kenyataan YAB Menteri Besar bahawa pengurusan PKPS di bawah Pengurus Besar yang baru adalah sistematik, profesional, telus dan bertanggungjawab selepas 2008. Iaitu selepas berada di bawah Kerajaan Pakatan, PKPS berupaya mengurangkan kos operasi sebanyak RM2 juta. Berhentikan pekerja 100 orang, bolehlah... Memang benar kos operasi menurun kerana ramai pegawai dan kakitangan terutama yang berjawatan kontrak dan sementara diberhentikan. Sejak pelantikan Pengurus Besar kumpulan yang baru sehingga September 2010 hampir 100 kakitangan telah diberhentikan dan saya katakan tadi sama ada melalui notis penamatan kerja atau kerana syarikat ditutup atas alasan tidak berdaya saing dan rugi. Ada dakwaan mereka diberhentikan kerana tidak boleh bekerjasama dengan pengurusan atau untuk menutup salah laku pihak pengurusan sebagai contoh pemberhentian semua kakitangan SOPIC ini telah diambil kesempatan oleh dua orang Lembaga Syarikat, Lembaga Pengarah Syarikat menggunakan SOPIC Sdn. Bhd. untuk meneruskan operasi SOPIC tanpa ada "*check and balance*" dengan izin daripada pegawai dan kakitangan. Pengurus Besar Kumpulan PKPS telah memberi jaminan bahawa keuntungan akan melonjak pada tahun 2011 berikutan pemantauan rapi dan pengurusan sistematik yang dilaksanakan secara berterusan oleh PKPS.

Persoalannya semasa taklimat tersebut, taklimat Pengurus Besar kepada Menteri Besar pada 3 Mei 2011 urusan tender bulan Julai, adakah YAB Menteri Besar sedar apa yang berlaku di PKPS atau SOPIC Sdn. Bhd. ini. Ini persoalan saya. Kemudian selepas jaminan dibuat pada 3 Mei 2011 mengapa Pengurus Besar PKPS mungkir janji dengan meluluskan projek-projek secara tidak telus membelakangkan PKPS dan menggunakan SOPIC Sdn. Bhd. Untuk memastikan pemantauan berkesan seperti yang dijanjikan oleh YAB Menteri Besar melalui pengurusan Pengurus Besar PKPS mengapa banyak kah, berapa banyak kah lembaga pengarah PKPS diadakan dari bulan Januari 2011 hingga Oktober 2011 terutama dari bulan Mac hingga bulan Julai.

Kalau tidak mengapa. Bukan kah itu salah satu keperluan kod tadbir urus korporat Malaysia dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12/1993. Jika ada adakah projek-projek tersebut di laporkan kepada mesyuarat lembaga pengarah PKPS. Walau apa pun alasannya YAB Menteri Besar selaku pengerusi lembaga pengarah PKPS termasuk EXCO Pertanian bertanggungjawab secara moral dan teknikal di atas penyalahgunaan dan penyelewengan yang berlaku di PKPS dan SOPIC Sdn. Bhd. Rakyat menuntut penjelasan Yang Amat Berhormat dan satu penyiasatan termasuk audit pengurusan di buat ke atas PKPS sepatutnya seterusnya mengambil tindakan tegas terhadap pihak pengurusan PKPS. Banyak lagi perkara lain yang dilakukan dalam SOPIC barangkali saya tidak dapat nak bentangkan pada hari ini kerana masa yang tidak cukup.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sungai Pelek.

**YB. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Sila Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Kuang, terima kasih. Tuan Speaker. Saya ada satu soalan nak tanya dengan Kuang sebab kawasan DUN Sungai Pelek setengah tahun sebelum ini memang ada satu pusat pengumpulan produk IKS di letaknya di Pekan Sepang dan di ubahsuai hampir RM400,000 dibelanjakan oleh PKPS namun demikian hanya lebih kurang tiga bulan di operasi dan dalam tiga bulan itu hanya tiga minggu saja yang buka. Dan hari ini setiap pagi setiap malam saya lalu saya balik saya nampak tutup kedai pusat produk IKS di Pekan Sepang itu. Jadi saya tak tahu, jadi saya nak mohon penjelasan ada tak ujud tak pusat pengumpulan produk IKS di kawasan Kuang.

**YB. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Soalan ini, soalan yang perlu di jawab oleh EXCO ini saya tak boleh jawab.

**TUAN SPEAKER** : Ini tak betul ini. Dia ada udang di sebalik batu.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Tapi di Kuang memang tak adalah IKS ini. Tak apalah memang tak ada IKS ini. Kerana sistematik punya pentadbiran. Saya nak sentuh sedikit barangkali perkara ini memang tak diberi izin untuk sentuh di dewan ini iaitu mengenai Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Ini saya lihat pengorekan pasir begitu berleluasa di Hulu Selangor macam kawah yang besar-besar, negeri Selangor terlalu banyak. Baru-baru ini banjir lumpur di Kuang kerana ada lombong besar dikorek di Hulu Kuang, di Hulu Kuang kemudian bila di korek terlalu besar bila hujan air masuk dalam lombong ini dalam kolam besar ini dan salurkan semula melalui sungai yang kecil akhirnya dalam tempoh sepuluh tahun tidak pernah berlaku banjir di Kuang, baru ini berlaku banjir di Kuang. Pengawasan yang seharusnya di buat oleh KSB sepatutnya. Saya banyak-banyak perkara sebenarnya perkara-perkara penyelewengan dalam KSB ini yang saya boleh bentangkan. Saya juga hari ini ada bukti yang banyak

apatah lagi apabila KSSB menghentikan dua orang pekerja eksekutifnya MR X dan MR Y yang sekarang berada di belakang saya memberikan penerangan kepada saya perkara-perkara yang banyak berlaku penyelewengan di dalam KSSB ini di mana kita tak dapat sampai hari ini berapa jumlah pendapatan KSB 2010 dan 2011. Dan saya tahu oleh kerana perkara ini masih duduk dalam perbicaraan SELCAT dah tiga tahun ini. Bila nak habis bicara. Oleh kerana ada kepentingan EXCO dan berapa ADUN yang terlibat dalam KSB ini yang mengambil keuntungan dan juga nampaknya dah bergaya nampaknya. EXCO-EXCO dan juga ADUN di sebelah sana yang ada dapat hasil daripada KSB ini. Ya. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Yang Berhormat minta laluan. Minta penjelasan

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Sila, sila,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Yang Berhormat Kuang, saya nak minta penjelasan kalau ada bukti penyelewengan tentang Semesta, ADUN ke EXCO ke jangan simpan-simpan, bongkarkan bagi tahu ya jangan cuba menuduh secara melulu sahaja tanpa fakta, bagi fakta, bagi bukti jangan menggunakan dewan ini sebagai platform untuk mengelirukan pada ahli dewan, jangan. Ini bukan satu apa ADUN yang bertanggung jawab. Kena bagi fakta dan hujah jangan macam Seri Serdang Ketua Pembangkang buat pembohongan besar kononnya kita jual harta. Lagi mahu pembohongan besar jangan.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Terima kasih Sekinchan saya memang menunggu-nunggu cabaran daripada ADUN yang di sebelah sana. Dan tiba masanya saya akan bongkarkan. Kalau tidak boleh bongkar di sini, sudah tentu tidak boleh kerana sedang dalam perbicaraan SELCAT yang tertangguh tiga tahun.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Bongkar sekarang bongkar.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Saya akan bongkarkan di luar sana. Saya berani bongkar dan saya tahu mana-mana EXCO yang terlibat dan saya tahu mana-mana ADUN yang terlibat dan saya tahu mengapa Ahli Parlimen Kapar berhenti bercakap. Saya tahu.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Speaker panggil dulu duduk dulu. Saya cuma ingatkan cakap dengan fakta betul juga yang diperingatkan oleh Sekinchan tadi. SELCAT bila menyiasat kes Semesta ini cuma tahun lepas, mana tiga tahun tangguh. Cakap-cakap dengan fakta. Lihat dulu ya saya tidak mahu kalau Kuang dirujuk kepada Jawatankuasa Hak kerana membuat kenyataan yang tidak benar. Siasatan SELCAT tu pada tahun lepas. Ditangguhkan kerana menunggu kerana menunggu ada saksi nak datang itu yang menyebabkan SELCAT ditangguhkan. Tapi yang saya nak



tegaskan duduk dululah. Saya nak tegaskan cakap dengan fakta. Bukan tiga tahun siasat di tangguh. Itu tak betul. Ya sila.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Terma kasih Dato' Speaker. Wah Dato' Speaker nampak garang hari ini. Tapi walau bagaimana pun.....

**TUAN SPEAKER** : Cakap dengan fakta ya.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Dato' Speaker, isu ini kita peringatkan sejak 2009. Isu ini tetapi barangkali SELCAT mempunyai banyak kes maka itu tahun lepas baru bermula. Tetapi dah masuk dua tahun juga Dato' Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Mana masuk dua tahun. Baru tahun lepas. Ya.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Tahun lepas, ini tahun ini, tahun ini dah nak habis...

**TUAN SPEAKER** : Ya awak kira. Macam mana awak buat awak punya perhitungan.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS**: Tahun lepas 2010 Speaker, tahun ini 2011 hujung tahun dah.....

**TUAN SPEAKER** : Tengok dan bila dulu

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Kena SELCAT tak bincang lagi perkara ini, kenapa apa nak lindungi EXCO

**TUAN SPEAKER** : Ah inilah. Duduk dulu. Kalau ikut peraturan perkara yang dibincangkan dalam Jawatankuasa tidak boleh disebut. Jangan persalahkan ini kerana hak Jawatankuasa SELCAT ada juga wakil ada wakil daripada pembangkang juga. Ha tanyalah wakilnya. Saya ingatkan ikut peraturan. Ya.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Terma kasih Tuan Speaker, terima kasih. Saya juga nak minta bantuan daripada kerajaan. Ini tadi saya nak naik ke dewan ini rakan daripada kawasan ni Klang ini jumpa saya bahawa tanah mereka dibeli oleh sebuah syarikat iaitu Tetuan Seah Brothers beli tanah orang Melayu begitu banyak sekali beli bayar sepuluh peratus lepas bayar sepuluh peratus syarikat Tetuan Seah Brothers ini korek pasir, korek pasir selagi mahu dan akhirnya tak bayar lagi sembilan puluh peratus. Teraniaya ini orang kampung ini. Dah jumpa pun Menteri Besar mengadu, dah jumpa pun EXCO mengadu tapi kerajaan yang berkebijakan menjaga rakyat, jagalah orang ini susah ini. Dapat sepuluh peratus. Pasir habis korek. Sembilan puluh peratus lagi tak bayar. Jual tanah dengan harapan untuk meninggikan ekonomi keluarga ini pasir ini curi sana curi sini. Jadi saya akan cerita fakta ini kalau dah di cabar oleh Sekinchan saya akan cerita. Nak cerita di sini atau di luar.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, minta laluan.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Nak cerita di sini atau di luar. Sekinchan. Sila kan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Cerita sekarang. Saya dah minta dari tadi saya rasa Ahli-Ahli Yang Berhormat semua dengar tadi sahutan saya cadangan saya agar seruan saya perkara itu di bongkarkan. Kalau ada EXCO yang terlibat, ADUN yang terlibat bongkarkan tak perlu nak cuba nak apa nak mengelirukan fakta, mengelirukan semua Ahli Dewan. Cuba bertujuan untuk apa, menggunakan platform ini untuk cari publisiti, jangan dengarkan.

**TUAN SPEAKER** : Nanti dia tanya soalan dia kena jawab dulu.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR IDRUS** : Terima kasih Sekinchan. Sekinchan bagus. Sekinchan ini dia suka telus maka itu saya akan bongkarkan isu dan perkara-perkara yang berlaku dan saya tahu berapa Ahli Parlimen Kapar dapat sebulan. Saya tahu berapa EXCO-EXCO yang terlibat dan saya tahu ADUN-ADUN yang terlibat. Saya tahu dan saya akan bantah. Bukan di sini. Sini dalam perbincangan SELCAT saya tahu ganggu ini nanti Speaker marah saya. Speaker adalah Pengerusi SELCAT. Saya akan bantah di luar sana, saya akan terangkan di luar saya. Saya berterima kasih kepada dua eksekutif yang dihentikan oleh KSSB Mr. X dan Mr. Y yang sekarang berada dengan saya untuk membantah semua penyelewengan yang berlaku dalam KSSB. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker Peraturan Tetap.

**TUAN SPEAKER** : Ya .

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Peraturan Tetap 36 (6) mengatakan seseorang ahli tidak boleh buat mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa ahli lain. Dan kenyataan yang dibawa oleh Kuang telah membuat sangkaan jahat. Sekiranya tidak ada fakta yang dinyatakan yang dibawa ke dewan ini. Ya , jadi ini masalah yang dihadapi sekarang. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Tapi 36 (6) itu dia hendaklah merujuk kepada ahli yang mana. Jadi dia tidak secara umum. Jadi kalau orang yang tiada fakta memang dia buat tuduhan secara umumlah. Itu kredibilitinya itu terpulanglah kepada rakyat keperluan kepada orang ramai untuk menentukannya. Baik Kuang masa telah sampai, masa telah sampai tiga puluh minit untuk Yang Berhormat mula pada 11.42 dan sekarang 12.13 dah. Dah tutup lagi.

**Y. B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Saya tutup Tuan Speaker. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker. Assalamualaikum. Tuan Speaker, Dato' Menteri Besar Selangor, EXCO-EXCO Ahli Dewan negeri Selangor, Pegawai-pegawai kerajaan seterusnya tuan-tuan yang dihormati sekalian. Bangi berdiri untuk turut sama membahaskan Enakmen Perbekalan 2012 yang nyata prestasi belanjawan dan pentadbiran negeri Selangor makin meningkat dengan jumlah peruntukan juga makin meningkat kepada RM1600 juta bertambah daripada 1430 bertambah sebanyak RM170 juta. Perbelanjaan pembangunan dipecahkan secara kasar kepada empat iaitu infrastruktur ringgit Malaysia empat ratus empat belas juta sembilan puluh satu ribu lapan ratus sembilan puluh bersamaan 68 peratus. Yang kedua sektor sosial sebanyak seratus juta enam puluh ribu seratus tiga puluh bersamaan tujuh belas peratus. Yang ketiga sektor ekonomi ringgit Malaysia lapan puluh empat juta dua ratus empat puluh ribu sepuluh iaitu empat belas peratus dan sektor perbandaran empat juta enam ratus lapan ribu sebanyak satu peratus. Infrastruktur adalah anggaran perbelanjaan tertinggi yang ada di sini memang sewajarnya kerana negeri Selangor sebagai negeri maju seharusnya mempunyai kesempurnaan dari segi infrastruktur misalnya mempunyai kemudahan jalan yang sempurna.

Peruntukan bagi jalan raya 2012 iaitu P12 sebanyak RM153,100,000 adalah wajar. Pada dasarnya lebuh raya dan jalan-jalan di dalam bandar mempunyai mutu jalan yang baik tetapi di kampung-kampung dan taman-taman tidak begitu baik dan perlu kepada pembaikan. Di DUN Bangi, jalan-jalan kampung seperti di Sungai Ramal Dalam, Sungai Ramal Luar, Pekan Bangi dan Sungai Tangkas banyak berlaku kerosakan jalan dan perparitan serta longkang begitu juga di Teras Jenang perlu dibaiki. Walau bagaimana baru-baru ini setiap ADUN diberi peruntukan dari MARIS sebanyak RM1 juta bagi membaiki jalan-jalan di kawasan terutama kampung-kampung. Terima kasih kita kerana peruntukan melalui MPKJ ni walau pun pada asalnya ditentukan kepada taman-taman tetapi telah dibenarkan untuk digunakan di kampung-kampung. Alhamdulillah sebahagian besar dari peruntukan, RM1 juta digunakan bagi membaiki jalan-jalan, walau bagaimana jumlah RM1 juta bukanlah jumlah yang banyak bagi memperbaiki jalan-jalan. Jalan-jalan yang diperbaiki pun bersifat sekerat-sekerat bahkan bersifat tampalan semata-mata. Ada jalan yang diminta dibuat tidak dibuat dan ada yang dibuat tidak diminta buat. Kualiti penurapan adalah rendah seperti di Sungai Ramal Luar dan di Pekan Bangi yang beberapa hari ditampal, ditampalnya pada hari hujan kemudian rosak dan merugikan. Berhubung dengan keselamatan jalan raya di DUN Bangi terdapat permohonan Ketua Kampung Bahagia Bangi agar dipasang api trafik jalan simpang dari Bangi ke Dengkil, Pekan Bangi atau dari Pekan Bangi ke Dengkil Kajang tidak di peduli oleh JKR sebaliknya di tempat yang tidak begitu penting tapi dek kerana adanya bangunan kerajaan iaitu Institut Genom dipasang *traffic light*

pada hal di sini tidak ramai pengguna dan orang awam tidak menggunakannya sebagaimana jalan persimpangan tiga segi ke kawasan Pekan Bangi, Dengkil dan UKM yang dianggap lebih berbahaya dan memang pun selalu berlaku kemalangan. Jadi kita mengharapkan tempat ini difikirkan cara yang selamat iaitu menggunakan *traffic light* lebih baik dipindah dari yang depan Genom tu kepada segi tiga ke Dengkil, Bangi dan ke Kajang. Satu jalan lagi, jalan keluar yang berbahaya ialah jalan keluar dari perhentian bas Jalan Reko. Perhentian bas yang besar tempat keluar ni tidak ada sebarang apa dia ni api dan sebagainya dan menyebabkan berlaku kemalangan yang banyak. Pada hal di dekat dengan apa dia ni jalan keluar daripada perhentian ini ada satu *traffic light* lama untuk masuk ke Taman Tenaga yang sebenarnya tidak begitu berfungsi lebih baik dia dipindahkan sebagai *traffic light* bagi jalan keluar bagi apa dia ni, stesen bas di Jalan Reko itu. Bandar Baru Bangi yang berada di pinggir Putrajaya iaitu Bandar yang canggih Putrajaya menjadikan Bangi jika dibandingkan dengan Putrajaya tentulah Bandar Baru Bangi jauh ketinggalan terutamanya dari segi infrastruktur dan berbagai-bagai kemudahan. Walau bagaimana Bangi sebagai Bandar Gerbang Selatan bandar universiti bahkan lebih terkenal sebagai Bangi Bandar Ilmu haruslah diberi perhatian terutamanya dari segi infrastruktur dan kemudahan awam. Kita mengharapkan sebelum masuk tol Bangi ada papan tanda selamat datang ke Bangi, bandar ilmu umpamanya dan masuk ke bulatan tol di apa dia ni sebelum ke UKM dan Bandar Baru Bangi juga ada papan tanda dan ada apa dia ni tempat bulatan itu di tanam dengan pokok-pokok yang menghijau dan bunga-bunga yang boleh menarik hati tentang, menyejukkan hati, menyejukkan mata dengan kehijauan yang dapat dinikmati ke bulatan UKM. Begitu juga ke Malaysian German Institut, ini tempat pengajian-pengajian penting. Dulu ada dia ni tanda-tanda jalan ke tempat-tempat institusi berkenaan manakala pintu masuk dari tol Kajang Bangi ke Putrajaya seharusnya lebih hebat dengan apa dia ni daya tarikan seperti umpamanya ada tanam-tanam bunga ada tanda-tanda untuk ke Putrajaya, ke Kajang dan juga ke Bangi tetapi sekarang tidak ada. Pada persimpangan ini yang ada *fly over* wajar ada papan tanda yang sebagaimana saya sebutkan tadi. Jadi seharusnya Bangi tidak lah jauh ketinggalan memanglah kalau nak dibandingkan dengan apa dia ni Putrajaya tetapi kalau dapat dia seperti Bandaraya Shah Alam, Subang Jaya alangkah jauh, alangkah lebih baik jika apa dia ni dipertingkatkan dari segi infrastruktur.

Tuan Speaker, di Putrajaya ada tasik yang eksotik dan menarik begitu juga di Bangi ada tasik dinamakan Tasik Cempaka tapi di tasik ini peralatan lampu hiasan, bahan-bahan binaan dan bangunan dirosakkan bahkan tasik tidak terjaga dan makin hilang signifikannya. Sebab itu kita harap perhatian diberi untuk membaiki segala kemudahan yang sepatutnya berada di Taman Chempaka berkenaan. Telah banyak di buat aduan berhubung dengan kawasan hutan dan semak samun yang ada apa dia ni di Bandar Baru Bangi, antaranya maaf (minum air) kawasan Jubli Perak ya. Ini disebabkan sebagai satu kawasan tak bertuan. Dikatakan di bawah pengurusan PKNS, aduan

dibuat kepada PKNS, PKNS menjawab bukan kawasan dia, ia dikatakan kawasan MPKJ apabila dibuat aduan kepada MPKJ, MPKJ juga menafikan ia kawasan jagaannya. Yang nyata kawasan Jubli Perak adalah kawasan semak samun dan hutan yang memalukan yang berada betul-betul di tengah bandar Baru Bangi. Sebagai sebuah Bandar Baru Bangi, bandar ilmu, keperluan kepada Dewan Konvensyen amat dirasakan. Tuntutan ini telah dibuat sejak awal 2000 oleh Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi dan ADUN Bangi sendiri pernah bercakap dalam Dewan ini dan baru-baru ini pada masa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar melawat ke Hulu Langat pada pertengahan tahun ini, tuan pegawai daerah Hulu Langat juga membangkitkan perlunya ada dewan konvensyen di Bangi sebagai Bandar Tadbiran Hulu Langat tetapi permohonan ini tidak begitu diberi perhatian sehingga tiap-tiap kali ada function terpaksa didirikan khemah di tengah padang untuk menyempurnakan apa dia ni sambutan dan sebagainya termasuklah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ke sana pada pertengahan tahun 2011 baru-baru ini.

Berhubung dengan sektor sosial yang diberi peruntukan kedua terbesar iaitu sejumlah RM100,060,130 iaitu 17% daripada 1,600 juta sebagai sebuah negara maju yang mempunyai rakyat teramai di Malaysia iaitu 5.6 juta tentulah terdapat berbagai masalah, jurang perbezaan dan sebagainya yang apa dia ni perlu di apa dia ni diambil perhatian dan tindakan, umpamanya di negeri Selangor terkenal sebagai umpamanya antara 2005 hingga 2010 kes-kes buang bayi meningkat. Ini catatan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak 105 saya fikir yang terjadi memang lebih besar daripada itu. Penderaan kanak-kanak 3,234 ini statistik yang dicatatkan. Masalah keruntuhan rumah tangga juga dari segi sosial ni 1/4 daripada yang berumah tangga di kalangan umat Islam sesudah berumah tangga bercerai umpamanya tahun 2008, 16,021 orang berkahwin tetapi bercerai 4,000. 2009, 17,000, bercerai 4,600, 2010 dijangkakan juga 1/4 daripadanya iaitu kemungkinan 20,000 statistik sebenarnya tak dapat tapi kemungkinan antara 5,000 berlaku perceraian. Demikianlah jenayah juga meningkat, lebih dari suku juta kes sejak 2007 sehingga 2010. Walau bagaimana dikatakan jenayah makin menurun tetapi kesnya banyak berlaku. Usaha dilakukan oleh pihak negeri dengan mengadakan skim kebajikan. Jumlah 500 juta ringgit tu yang kemungkinan ini ertinya dapat mengurangkan dari segi masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat. Kita memuji tentang skim mes terutama peruntukan kepada warga tua dalam mana mereka apa dia ni yang telah kita daftarkan sebanyak 160 ribu yang telah menerima skim berkenaan terutama skim jom *shopping* 20,382 bererti sudah lebih daripada RM2,038,200 telah kita belanjakan. Di Bangi yang mendaftar setakat ini ialah 2,500, 4 siri jom *shopping* telah kita adakan dalam masa 600 orang kita telah jemput tetapi lebih kurang 500 orang sahaja yang dapat hadir ini bererti 50 ribu telah digunakan bagi jom *shopping* di Bandar Baru Bangi. Antara yang tak dapat datang ni kita hantar barang-barang asas ke rumah mereka dengan nilai RM100.00. Daripada kunjungan kita mendapat, ada keluarga yang ibu dan anak-anaknya sudah masuk dalam golongan

di bawah skim warga emas ertinya mak dan anak-anak mereka juga menjadi warga emas. Semalam, ia ini hari Ahad, 13 November kami sengaja mengadakan satu majlis kecil meraikan iaitu warga emas dengan anak-anak juga yang sudah tiba pada peringkat warga emas iaitu Puan Fatimah bt. Sinum berumur 92 tahun. Anaknya Puan Asmah bt. Marzuki umur 68 tahun. En. Nazam bin Marzuki juga umur 63 tahun dan anak saudara En. Mohd. Rosli bin Muhammad berumur 63 tahun. Jadi majlis ni walaupun kecil agak signifikan meraikan warga-warga tua. Saya fikir, Bangi berpendapat cara kita meraikan warga emas ini perlulah bervariasi, tidak hanya ke pasar raya sahaja begitu juga dengan jumlah RM100.00 agak kecil mungkin nilainya habis dalam perbelanjaan tambang menambang sahaja bagi setengah keluarga yang pergi dan terpaksa menambah duit sendiri. Jumlah jom *shopping* sepatutnya diberi erti jumlah seorang warga emas patut diberi RM1,000.00 dengan mungkin RM300.00 untuk jom *shopping* dan RM700.00 untuk keperluan mereka dengan ada catatan-catatan yang boleh kita *trace* penggunaannya supaya ertinya mereka dapat mengguna RM1,000.00, RM1,000.00 daripada 2,500 yang kita beri kepada mereka.

Daripada segi kebajikan, peruntukan kepada ADUN amat dapat membantu ADUN di dalam menjalankan, umpamanya mengadakan berbagai-bagai kegiatan terutama skim mesra rakyat dapat membantu pesakit mereka yang susah, miskin dan kecemasan. Membaiki kerosakan berbagai-bagai kerosakan rumah dan sebagainya. Penambahan RM100, 000 lagi makin meluaskan fungsi kebajikan ni. Dengan peruntukan RM300 juta yang ditambah baru ni, insya-Allah dia akan dapat membantu ADUN-ADUN di dalam kegiatan yang bersifat kemasyarakatan dan mesra rakyat.

Dari segi pekerjaan, dari segi kebajikan kepada pekerja kita boleh mendorongkan umpamanya supaya apa dia ni tenaga-tenaga muda yang ramai yang keluar daripada pengajian-pengajian tinggi yang mendekati ratusan ribu supaya mereka diberikan latihan atau jadikan mereka sebagai pasukan yang boleh melatih golongan muda untuk mempertingkatkan kualiti-kualiti golongan muda kita untuk memberi kebajikan kepada masyarakat.

Tuan Speaker, di dalam Enakmen Perbekalan diperuntukkan bagi segi sektor ekonomi ialah sebanyak RM84,240,000 yakni 14%. Sektor ini adalah bidang terkuat bagi negeri Selangor kerana peningkatan bajet dari RM1,430 juta kepada RM1,600 juta melebihi RM170 juta. Bahkan apa dia ni kemampuan kerajaan negeri Selangor melunaskan hutang yang sudah disebutkan semalam oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, ini mencerminkan peningkatan hasil kerajaan negeri Selangor yang terus bertambah bahkan simpanan negeri Selangor mencecah RM1.212 juta. Satu pencapaian dalam jumlah tertinggi yang belum dicapai sejak 28 tahun yang lepas dan ini dipuji oleh Audit Negara berbanding dengan laporan kerajaan Pusat adalah 30% berlaku ketirisan dan ditegur dari segi perbelanjaan kerana kehilangan antaranya luar jangka sebanyak RM14 bilion yang tidak dapat dikesan.

Projek *feedlot* Kebangsaan NFC melibatkan apa dia ni menteri kebajikan ya... yang dijangka yang melibatkan RM250 juta. Kita dimaklumkan daripada jumlah ini telah digunakan dikatakan menggunakan peruntukan membeli satu jumlah kereta untuk keluarga di samping membeli kondo mewah seharga RM9.8 juta yang digunakan dikatakan dari duit NFC ni. Tuan Speaker, ekonomi Selangor jauh lebih baik dari ekonomi kerajaan persekutuan yang menanggung hutang, beban negara sebanyak RM437 bilion iaitu RM421 bilion hutang tempatan dan RM16 bilion hutang luar negara. Kemungkinan apa yang diharap negara mencapai Wawasan 2020 akan menjadi sebaliknya kemungkinan kita mengikuti kerajaan akan mengalami sebagaimana yang dialami oleh negeri Greek tetapi kita harap ianya tidak akan berlaku. Menurut Laporan Audit 2000 saya rasa tak perlulah.

Tuan Speaker, dari segi ekonomi walau pun Selangor mempunyai infrastruktur dari segi ekonomi misalnya dari segi pelaburan sebanyak RM59 bilion 183 projek diluluskan dengan 12,250 peluang pekerjaan tetapi usaha menampung tenaga muda yang keluar daripada pengajian tinggi patutlah diberi perhatian. Dengan penambahan geran RM300 juta wajar sekali diadakan banyak peluang bagi golongan muda terutama mencebur diri di dalam bidang perniagaan keusahawanan, pertanian dan memberi sokongan pendidikan dan latihan. Golongan muda juga haruslah digalakkan melibatkan diri di dalam sukan bukan sahaja menyihatkan tubuh badan tetapi memenuhi masa lapang mereka supaya tidak terjebak di dalam gejala sosial yang tidak sihat.

Tuan Speaker, berhubung dengan sektor perbandaran, saya fikir ini Majlis, PBT mempunyai tanggungjawab yang besar di dalam memastikan ertinya kawasan-kawasan mereka mencapai tahap tertinggi dari segi keselesaan dan keperluan masyarakat. Sebagai negeri maju Tuan Speaker, Selangor tidak seharusnya hanya memikir dari segi kemajuan fizikal dan lahir sahaja tetapi hendaklah sama mendukung idealisme kemanusiaan, kesejagatan dan bersifat antarabangsa, juga bersifat Ehsan seperti perjuangan menentang rasuah penyakit antarabangsa dan penyelewengan, pemeliharaan alam sekitar, program demokrasi, kualiti hidup dan kebebasan dari segi maklumat. Sememangnya isu-isu berkenaan telah dan sedang kita perjuangkan Selangor Maju seharusnya memberi perhatian tidak sahaja kepada dalam negeri tetapi hendak sekali skala membuat kebajikan dengan membantu negeri-negeri yang susah seperti umpama kita katakan Perlis dan juga bantu zakat yang menunjukkan sifat ihsan kita walaupun kita beri tidak sebanyak mana. Tetapi kita hendaklah mempelopori menunjukkan kita lebih daripada negeri-negeri di bawah BN. Perjuangan menentang rasuah hendaklah menjadi agenda utama kerana ia menjadi barah di dalam masyarakat. Kedudukan negara kita masih tinggi dari segi indeks rasuah pada kedudukan 43 hingga 45 bergerak antara tahun ke tahun. Dan isu rasuah terus berlaku seperti *feedlot* yang harus kita apa dia ni tentang. Matlamat perjuangan kita seharusnya rasuah sifar. Begitu juga dari segi pemuliharaan alam sekitar yang

mengancam kebersihan pada peringkat tempatan yang mengancam dan juga peringkat nasional seperti dari segi penebangan pokok, merosakkan apa dia ni alam sekitar dan sebagainya. Kita hendaklah berada sebaris dengan mereka yang memperjuangkan memelihara alam sekitar sebaris dengan perjuangan pada peringkat nasional dan juga internasional. Program alam sekitar hendaklah menjadi program berterusan dan teratur bagi menjamin ketenteraman alam tetapi kesihatan kita dan juga bagi kesihatan kita sebagai penghuni di bumi ini. Kita juga apa dia ni sama mengambil bahagian dari segi menegakkan hak dan demokrasi yang menjadi salah satu daripada hak asasi manusia yang termaktub di dalam *Universal Declaration of Human Right*, UNCHR yang diisytiharkan pada Disember 10, 1948. Antaranya manusia dilahirkan bebas tidak berhak di *torcer* dan dihukum dan dijatuhkan maruahnyanya tanpa bukti-bukti nyata. Semua sama berdepan Undang-undang dan sebagainya. Begitu juga tentang ISA yang apa dia ni dikatakan mahu ditarik tetapi sebenarnya barangkali penambahan aturan-aturan mungkin lebih ketat daripada apa yang berada dalam ISA. Begitu juga dengan AUKU walaupun sudah salah dari segi perundangan nampaknya pihak kerajaan mahu mempertahankan AUKU itu dianggap masih relevan. Begitu juga mempertahankan maruah dan *dignity* manusia perlu diteruskan. Selain daripada itu kualiti hidup masyarakat manusia perlu ditingkatkan seperti kualiti kesihatan, kualiti mental, kualiti rohani yang boleh membahagiakan mereka bukan hanya setakat harta benda dan sebagainya. Selain maju ke hadapan perlu banyak projek-projek dilaksanakan tapi banyak matlamat yang dan perlu mempunyai matlamat yang dapat sampai kepada rakyat.

Tuan Speaker, kita juga perlu, ertinya menggunakan media sebaik mungkin tetapi masalahnya kita menghadapi pengawalan media elektronik dan akhbar. Selangor perlu bersifat agresif dari segi penyampaian maklumat. Walau pun sudah ada Selangor ku atau Selangor *Times* tetapi masih apa tidak mencukupi dari segi penyampaian dan penerangan kepada masyarakat kerana kita dapati ramai daripada kalangan masyarakat terutama di luar bandar tidak mengetahui tentang maklumat-maklumat yang dilakukan oleh kerajaan negeri. Sebab itu, perlu kita memikirkan kaedah-kaedah yang dapat menyampaikan maklumat kepada rakyat misalnya TV Selangor tidak begitu popular dan tidak ada daya tarikan untuk apa diikuti sebab itu perlu barangkali di tingkat dari segi maklumat yang boleh disampaikan kepada rakyat. Misalnya apa dia ni, melalui mesra rakyat perlukan diadakan pengurusan, perlu menggunakan bahan-bahan pengiklanan yang lain yang boleh sampai kepada masyarakat, soalnya kita telah banyak melakukan pembangunan dan kebaikan kepada masyarakat tetapi sedikit masyarakat dapat maklumat dari apa yang kita lakukan sebab itu kita perlu memikirkan cara yang terbaik untuk kita menyampaikan maklumat kepada masyarakat supaya mereka lebih memahami apa yang kita telah lakukan. Memang dari segi prestasi yang telah kita capai jauh meningkat berbanding dengan prestasi yang dicapai oleh kerajaan BN dan sebagainya sebab itu kita perlu meningkatkan lagi dari segi penyampaian



maklumat dan pengguna mengguna alat-alat media supaya apa yang kita lakukan dapat sampai kepada masyarakat dan mereka dapat mengapresiasi apa yang kita lakukan pada peringkat negeri Selangor dan seharusnya negeri Selangor menjadi contoh bagi negeri-negeri lain Pakatan Rakyat dan bukan Pakatan Rakyat. Sekian, terima kasih.

**Y.B. DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Paya Jaras.

**Y.B. DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Tuan Speaker, terima kasih kerana telah memberi keizinan dan peluang kepada Paya Jaras berdiri di Dewan yang mulia ini untuk turut membahaskan Bajet 2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. Saya ingin memfokuskan perbahasan saya kali ini mengenai kedudukan dan prestasi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor iaitu PKNS dalam tempoh pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat. Seperti mana yang kita maklum, PKNS merupakan sebuah agensi Kerajaan negeri yang paling penting dalam pembangunan negeri Selangor. PKNS telah ditubuhkan pada Ogos 1964 dengan tujuan utamanya adalah untuk memajukan sosioekonomi negeri Selangor melalui pembangunan pusat-pusat perbandaran baru meliputi sektor perumahan, perindustrian dan perniagaan. Sejajar dengan itu, apabila dasar ekonomi baru diperkenalkan pada tahun 1970. PKNS telah sama terlibat sebagai mekanisme utama kerajaan negeri untuk melaksanakan strategi. Menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum di dalam semua aktiviti dengan matlamat utama ke arah pencapaian perpaduan nasional. Sewaktu di bawah pemerintahan kerajaan nasional fokus dan fungsi teras agensi-agensi pembangunan negeri Selangor adalah jelas seperti berikut, PKNS memfokuskan kepada pembangunan sosioekonomi. KPI bukan memaksimumkan keuntungan ianya bertindak sebagai agensi pemegang Amanah Bumiputera. Malah merupakan jentera utama dalam pelaksanaan dasar ekonomi negeri. Yayasan Selangor fokus kepada pembangunan pendidikan. PKPS fokus terhadap pembangunan pertanian dan industri asas tani manakala KDEB pula fokus kepada perniagaan dan pelaburan dengan KPI memaksimumkan keuntungan. Namun sungguhpun PKNS sebuah badan berkanun yang bukan bermatlamatkan mencari keuntungan maksima tetapi telah membelanjakan lebih dari RM16 bilion untuk pembangunan negeri dari sumber kewangannya sendiri tanpa menggunakan wang kutipan pembayar cukai sumbangan PKNS memang besar dalam tempoh 47 tahun kewujudannya. Di antaranya membina 11 buah bandar baru termasuk Petaling Jaya dan Shah Alam. Membina 150,000 unit rumah di mana 40% adalah rumah kos rendah. Membina 7 kompleks perniagaan yang dapat disewa oleh peniaga kecil dan sederhana sebelum berpindah ke rumah-rumah kedai bila berjaya dalam perniagaan. Memajukan 3,000 hektar kawasan industri di lebih 27 lokasi dan lebih 600 syarikat multinasional beroperasi yang menyediakan lebih dari 400,000 peluang pekerjaan kepada rakyat dan

dari jumlah 27 kawasan industri itu hampir kesemuanya mempunyai komponen industri kecil dan sederhana, IKS yang diceburi oleh usahawan tempatan. PKNS telah memenuhi matlamat penubuhannya dengan kedudukan kewangan yang kukuh. Bank hartanah yang bernilai tinggi dan pasukan pengurusan di semua peringkat yang berpengalaman dan dedikasi. Inilah aset yang telah ditinggalkan oleh kerajaan berjiwa rakyat Barisan Nasional untuk disambung kemurnian operasinya oleh kerajaan Pakatan Rakyat dan pengurusan baru.

Tuan Speaker, malangnya semua telah berubah di bawah pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat dan pengurusan baru PKNS. Secara terang-terangan apatah lagi secara tersembunyi falsafah dasar ekonomi baru itu telah diketepikan dan dirobek dengan rakus oleh PKNS sama ada oleh pembuat dasar ataupun para pelaksanaan pelaksanaannya sendiri. Dasar-dasar PKNS sebagai badan berkanun, pemaju sosioekonomi telah dengan senyap-senyap tapi jelas ditukar menjadi korporat. Swasta mencari untung maksimum. Dasar berhubung pembelaan golongan miskin, berpendapatan rendah dan peniaga kecil telah dikurangkan malah hampir dilenyapkan. PKNS tidak lagi menjadi pembela golong miskin, tidak lagi menjadi pemudah cara atau fasilitator kepada golongan ini dalam usaha mendiami kawasan bandar apatah lagi menceburi bidang perniagaan kerana ditakuti mengganggu perniagaan kaum lain di bandar. Adalah menjadi satu perkara yang amat pelik tapi ianya benar kerana sepanjang tahun 2010 PKNS hanya menyiapkan lebih kurang 180 unit rumah kos rendah. Sedangkan itulah peranan utama yang harus dilaksanakan oleh PKNS agar menyediakan rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah. Harta-harta tetap PKNS pula telah dijual menjadi pegangan harta tetap PKNS yang strategik. Di bandar berkurangan sedangkan kebanyakan harta-harta ini seperti Kompleks PKNS dan Menara PKNS mempunyai nilai buku sifar. Bila dijual tanpa kos lagi bermakna semua hasil jualan merupakan untung. Patutlah PKNS mempunyai keuntungan besar tahun lalu. Apakah keuntungan ini dilaburkan semula kepada golongan miskin dan peniaga kecil sebagai subsidi bersilang? Tidak, sebaliknya keuntungan ini dibuat untuk membayar 7 bulan bonus kepada kakitangan dan mencadangkan bonus kepada Pengerusi PKNS sebanyak RM170,000.00. Penyewa-penyewa kedai di Kompleks PKNS pula dikenakan kenaikan sewa sehingga 150%, nampaknya keenakan PKNS melahap bonus yang banyak terpaksa ditanggung oleh peniaga-peniaga kecil ini yang bersusah payah mencari sesuap nasi. PKNS telah mengenal pasti 16 projek bernilai tinggi berjumlah RM10 bilion untuk dilaburkan ke dalam Amanah Pelaburan Hartanah atau REIT di masa akan datang. Di peringkat awal PKNS telah menandatangani perjanjian REIT pada 2 September 2011 dengan Amanah Raya Berhad untuk menyerahkan hak menggabungkan 3 aset PKNS iaitu Kompleks PKNS dan Shah Alam City Centre di Shah Alam dan Menara PKNS di Petaling Jaya yang bernilai RM270,000 juta ke dalam Amanah Raya, Real Estate Investment Trust, REIT. Melalui perjanjian ini, PKNS akan memiliki 30% saham REIT dan mendapat wang tunai sebanyak RM162

juta mengikut RM122 bilion yang berharga RM0.80. Ini bermakna PKNS akan hilang kuasa dalam pengurusan dan penentuan dasar ke atas ketiga aset tersebut. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan PKNS mempertahankan tindakan tersebut sebagai sebahagian daripada pelan transformasi perbadanan bagi memantapkan portfolio pelaburannya. Maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar pula menjelaskan tidak timbul isu jual beli 3 asetnya. PKNS masih lagi terbabit secara langsung dalam ketiga-tiga aset tersebut. Perubahan kadar sewa tidak ada kena mengena dengan urusan REIT tersebut. Kadar sewaan bergantung kepada pemilikan dan penawaran. Kalau sewa tidak betul, kita betulkan sewa atas nama perniagaan. Begitulah kenyataan-kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang lebih bersifat ahli korporat daripada seorang Pemimpin Rakyat. Kalau tidak timbul isu jualan mengapa PKNS terima RM162 juta tunai dan 30% saham REIT.

Memang PKNS masih terbabit dalam pengurusan 3 aset tersebut tetapi bidang penentuan dasar hanya pengurusan aset sahaja. Kenaikan kadar sewa tidak kena mengena dengan lain untuk menjamin keuntungan REIT secara maksimum dan atas dasar *supply and demand mechanism* dengan izin seperti kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar, PKNS akan naikan sewa selepas kerja-kerja penambahan, penambahbaikan bangunan dibuat. Rakyat bukannya bodoh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar jangan melekehkan kebijaksanaan rakyat. Saya tidak mempersoalkan keputusan PKNS, menceburi REIT kerana ini merupakan trend baru dalam perubahan hartanah. Tetapi mengapakah PKNS hanya bersedia memiliki 30% saham sahaja? Sedangkan PKNS mempunyai kewangan yang begitu kukuh, yang bernilai tinggi di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam dan Bangi. Lebih banyak bank hartanah daripada Amanah Raya. Mengapakah PKNS tidak mahu memiliki 70% saham dalam REIT tersebut atau sekurang-kurangnya 51% supaya dapat menguasai pengurusan REIT dan menjadi peneraju REIT jika PKNS mahu menceburi pelaburan REIT PKNS sepatutnya memiliki sekurang-kurangnya 51% saham dan saya yakin dalam jangka panjang PKNS boleh muncul sebagai salah sebuah gergasi REIT di negara ini. Sebaliknya PKNS lebih berminat untuk mendapat wang tunai sebanyak RM162 juta dan menyerahkan 70% haknya kepada REIT.

Pertama, untuk membantu PKNS mencapai keuntungan tinggi dalam akaun bagi tahun 2010, berapa peratuskah sumbangan wang tunai tersebut kepada keuntungan PKNS? Siapa pun boleh dapat keuntungan seperti ini dengan menjual harta warisan yang telah diusahakan hasil titik peluh orang-orang lain sebelumnya.

Kedua, dengan keuntungan tersebut menunjukkan prestasi kewangan PKNS baik dan memuaskan.

Ketiga, dengan wang tunai tersebut juga membolehkan bayaran bonus dibuat kepada pegawai dan kakitangan PKNS serta bayaran termasuk elaun kepada Ahli Lembaga

Pengarah PKNS termasuk kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai Pengerusi, salah satu cara mengambil hati pegawai dan kakitangan PKNS yang pernah menghantar memorandum kepada Yang Amat Menteri Besar supaya tidak menyambung kontrak Menteri Besar PKNS.

Bukankah pemilikan 30% saham oleh PKNS dan penyerahan 70% harta kepada REIT sama seperti projek penswastan dan usaha sama dengan kadar pelaburan 30–70 yang mendapat kecaman hebat Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Tapi yang jelas kesan daripada projek REIT ini PKNS kehilangan kuasa menentukan dasar pengurusan ke atas ketiga-tiga aset tersebut terutama Kompleks PKNS Shah Alam. Kompleks PKNS Shah Alam merupakan sebuah kompleks perniagaan yang banyak memberi sumbangan kepada pembangunan usahawan dan peniaga-peniaga kecil terutama peniaga-peniaga bumiputera. Di sinilah PKNS memberi peluang kepada usahawan dan peniaga-peniaga bumiputera untuk memulakan perniagaan dengan bayaran sewa kedai dan pejabat yang rendah sebagai tapak permulaan mereka yang berkecimpung dalam dunia perniagaan. Kompleks PKNS adalah aset yang bersih daripada tanggungan pinjaman PKNS bersusah payah membangunkan kompleks ini. Sekarang masanya untuk mengaut keuntungan daripada sewa bangunan. Mengapakah 70% daripada keuntungan ini diserahkan kepada REIT sedangkan mereka tidak bersusah payah hanya menumpang daripada harta PKNS yang bernilai tinggi seperti sebelum ini. Untuk memaksimumkan pendapatan REIT melalui PKNS telah menghantar surat bertarikh 12 September 2011 untuk menaikkan kadar sewa sehingga seratus ke 150% atas alasan untuk menaik taraf kompleks tersebut, satu kadar yang terlalu tinggi yang sangat membebankan penyewa-penyewa. Surat tersebut telah juga memberi amaran bahawa mana-mana penyewa yang mampu membayar sewa mengikut kadar baru PKNS akan menamatkan penyewaan untuk diberikan kepada lain-lain penyewa. Siapa yang dimaksudkan lain-lain penyewa? Golongan yang mengambil kesempatan ke atas kesempitan usahawan-usahawan Bumiputera yang telah bersusah payah membangunkan kompleks PKNS di peringkat awal. Memang akhir-akhir ini di bawah kerajaan Pakatan Rakyat terdapat beberapa pihak dalam Kerajaan mempersoalkan bilangan majoriti penyewa-penyewa Bumiputera di Kompleks PKNS. Apa lagi bila mendapati Kompleks PKNS begitu popular dengan kenaikan sewa yang begitu tinggi, komposisi Bumiputera akan menurun. Ini satu cara senyap-senyap untuk mengusir peniaga-peniaga bumiputera atas rasional untuk memaksimumkan keuntungan. Strategi inilah juga yang diamalkan oleh kerajaan DAP, Pakatan Rakyat di Kompleks KOMTAR melalui kenaikan kadar sewa yang tinggi. Selepas tiga aset dilaburkan ke dalam awet, ada lagi tiga belas aset PKNS bernilai tinggi yang akan dipertimbangkan untuk pelaburan REIT yang bernilai berbilion ringgit. Tindakan ini bertentangan dengan matlamat Bumi PKNS dalam pembangunan dan pemilikan hartanah untuk menyeimbangkan pemilik harta antara kaum khususnya untuk Bumiputera terutama di kawasan bandar. Ini satu sabotaj kepada Dasar Ekonomi Baru

yang telah terbukti berjaya membantu usahawan Bumiputera dalam pemilikan hartanah dan kegiatan ekonomi di bandar. Yes, rakyat Selangor hendaklah bangun menentang gagasan REIT ala Kerajaan Pakatan Rakyat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat dari Ijok. Pelaburan REIT ini yang berpaksi kepada pasaran terbuka memaksimumkan keuntungan akhirnya secara berperingkat-peringkat akan menghakis pemilikan bumiputera di kawasan-kawasan bandar yang dimajukan oleh PKNS sendiri. PKNS boleh terlibat dalam perubahan REIT tetapi hendaklah memiliki sekurang-kurangnya 51% REIT.

Tuan Speaker,

Saya juga ingin mengambil kesempatan kali ini untuk turut menyentuh dasar pembangunan kawasan bandar dan perumahan PKNS yang bertentangan dengan matlamat asal PKNS. Sebagai contohnya pembangunan semula kawasan rumah pangsa di Jalan Jelatek, Kuala Lumpur. Projek Datum Jelatek bernilai RM1.2 bilion. PKNS akan merobohkan rumah-rumah pangsa PKNS dan membangunkan kawasan tersebut dengan harga jualan rumah dan kedai di luar kemampuan penduduk asal. Harga seunit apartmen jenis studio lebih kurang RM600,000 kondo apartmen dua bilik RM900 ribu, kondo apartmen tiga bilik RM1.5 juta, kuota 70% Bumiputera dimansuhkan, pampasan untuk rumah kediaman RM250,000 sahaja dan pampasan untuk rumah kedai RM500,000. Majoriti penduduk asal tidak mampu membeli rumah Datum Jelatek. Mereka terpaksa keluar dan membeli rumah flat di Permai Jaya, Ampang. Mereka secara terbuka terpaksa tersisir. Sebahagian besar penduduk golongan muda berpendapatan sederhana, kurang daripada RM3,000 sebulan gaji mereka. Tiada rumah mampu milik di bawah RM300.00 seunit. Yang degil tak mahu berpindah memohon pampasan RM500,000 untuk rumah kediaman dan RM1 juta untuk rumah kedai. Projek Datum Jelatek ini memaksa rakyat keluar daripada kawasan pusat bandar bertentangan dengan matlamat asal PKNS di bawah Dasar Ekonomi Baru membawa kaum Bumiputera ke bandar yang telah dipelopori oleh mantan Menteri Besar Selangor, Allahyarham Dato' Haji Harun Idris, pemimpin berjiwa rakyat yang banyak berjasa kepada negeri Selangor. Kalau inilah dasar pembangunan semula kawasan bandar dan perumahan yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dan Pengurus Besar PKNS yang baru di lain-lain kawasan bandar khususnya di Kuala Lumpur maka secara berperingkat-peringkat akan tersisirlah kaum Bumiputera. Dari kawasan-kawasan bandar yang strategik atas alasan pembangunan berprofil tinggi demi keuntungan maksimum. Sebenarnya ini adalah proses meminggirkan rakyat Bumiputera dari kawasan-kawasan pusat bandar. Jika deklarasi ini diteruskan secara besar-besaran dan terang-terangan ini akan mengundang mala petaka kepada negara. Sekali lagi rakyat Selangor hendaklah bangun menentang dasar ini.

Tuan Speaker,

Terdapat banyak bukti-bukti penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan pembaziran dalam tempoh pentadbiran kerajaan Pakatan Pembangkang melalui Pengurus Besar PKNS. Ada di antaranya beberapa perkara. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. Apakah pendirian dan tindakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor mengenai memorandum pegawai dan kakitangan PKNS tahun lepas supaya kedudukan Pengurus Besar PKNS sekarang dikaji semula atau dengan bahasa kasarnya hendaklah ditamatkan. Tapi bagi kami, ADUN-ADUN Barisan Nasional yang mewakili kerajaan Barisan Nasional yang lalu sebenarnya dalam tempoh pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat selama tiga tahun tujuh bulan belum beberapa hari, PKNS telah terbukti gagal memikul tanggungjawab dan matlamat asal penubuhannya sebagai agensi pembangunan sosial ekonomi negeri Selangor dan agensi pemegang amanah Bumiputera dalam konteks pencapaian Dasar Ekonomi Baru yang telah banyak menyumbang kepada pencapaian agenda perpaduan nasional. Oleh yang demikian, saya yakin dan percaya bahawa hari ini rakyat telah sedar. Beberapa hari sudah, hari Jumaat Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, Hulu Klang telah menyatakan bahawa undilah Pakatan Rakyat. Saya ingin memaklumkan di sini kepada semualah undilah Barisan Nasional kerana Pakatan Rakyat tidak ada lambang sehingga hari ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM** : Terima kasih. Tuan Speaker, Kota Damansara ingin menyertai Perbahasan Bajet 2012 Negeri Selangor. Kota Damansara berpuas hati dan menganggarkan bajet ini adalah bajet rakyat, *people's budget* dengan izin. Kerana sebelum melancarkan bajet 2012 Kerajaan telah bertemu dengan rakyat dari semua lapisan masyarakat mendapat pandangan, mengambil kira keluhan rakyat dan ke taman mereka. Kerana setiap kerajaan negeri adalah memberi suara kepada rakyat, berusaha memperkasakan rakyat. Selaku Pengerusi Parti Sosialis Malaysia, kami ingin mengalu-alukan tindakan yang mementingkan kebajikan rakyat dan memperkasakan rakyat. Dengan slogan dari pejabat kepada rakyat di mana Pejabat Daerah dapat bertemu dan membuat keputusan di tempat yang mereka pergi. Bantuan yang diberi dalam bajet ini bukanlah pemberian sekali *not one of deal*, dengan izin. Bajet ini adalah bertanggungjawab dan tidak membankrapkan Kerajaan kerana *reservde fund* dengan izin atau simpanan tunai Selangor RM1.2 bilion yang tertinggi sejak 28 kebelakangan ini. Bermakna kerajaan dapat bertahan walaupun rintangan yang mendatang, walaupun kerajaan pusat membelakanginya. Insya-Allah. Justeru itu, kerajaan Selangor ingin mengintegrasikan program jangka pendek dan jangka panjang supaya semua berjalan dengan lancar dan tidak menimbulkan percanggahan dan kekeliruan. Pendek kata wujud kesinambungan dalam program pembangunan yang bersifat holistik. Jelas bahawa kerajaan Selangor mempunyai iltizam politik

*political will*, dengan izin. Melancarkan perubahan yang menguntungkan rakyat dan bukan kroni dan puak-puak kapitalis. Kerajaan juga ingin rakyatnya memiliki rumah dan tanah, memberi TOL dan juga geran selepas menduduki lebih sepuluh tahun. Dengan tindakan ini Kerajaan secara sedar berusaha membatalkan budaya pautan dengan izin *the culture of dependency* ataupun subsidi mentaliti, merangsang kan semangat berdikari iaitu dari kebajikan kepada pekerjaan, *from welfare to work* dengan izin. Memberi latihan kepada rakyat, pekerja dari segi kepimpinan, kemahiran berfikir, mendedahkan rakyat pada konsep pembangunan komuniti.

Tuan Speaker, rakyat sebagai golongan pekerja dan pengguna sungguh gembira apabila kerajaan negeri memperkenalkan gaji minimum sebanyak RM1,500 gaji kasar. Selain gaji minimum, kerajaan negeri Selangor juga telah mencatat sejarah menentang ISA, mewujudkan *feel of information act* dengan izin, sifat terbuka dan tulus. Kerajaan pusat pula mengambil bertahun-tahun cuba menyelesaikan isu gaji minimum. Namun masih tidak selesai. Lebih berfoya-foya dan masih mengheret kaki. Tidak tetap terikat kepada telunjuk kepada kehendak selera majikan dan kapitalis. Nama kerajaan negeri Selangor tetap harum dan disanjung kerana terulung mengisytiharkan pelaksanaan gaji minimum. Gaji minimum ini dimulakan dengan GLC, syarikat milik Kerajaan.

**Y.B. TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, waktu sudah 1.00 tengah hari. Boleh sambung selepas ini.

**Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM** : Terima kasih.

**Y.B. TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa sudah menunjukkan 1.00 tengah hari. Dengan itu saya menangguhkan Dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )

## Dewan disambung semula)

### (Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER** : Ya...sila sambung semula, Kota Damansara.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Tadi telah disebutkan bahawa gaji minima ini dimulakan pada syarikat GLC, syarikat milikan kerajaan. Bukan itu sahaja bermakna bukan kerajaan hanya melepaskan kata-kata tetapi disambut dengan berbagai-bagai usaha yang lain untuk menjayakan gaji minima ini misal katakan menyuntik dana sebanyak sepuluh juta bagi membantu GLC yang belum mampu menampung dasar gaji minima ini. Juga kerajaan berusaha meningkatkan produktiviti supaya setimpal dengan gaji minima. Mengadakan pelbagai latihan kemahiran tambahan pengetahuan membuka peluang mendapat pekerjaan ataupun kerjaya yang lebih elok lagi. Gaji minima ini sebanyak sedikit dapat mengurangkan bebanan semasa krisis ekonomi dan juga inflasi. Harus kita sedar bahawa krisis ekonomi yang timbul bukan akibat perbuatan golongan pekerja. Namun begitu mereka tetap menjadi mangsa dalam percaturan majikan kapitalis yang bersaing merebut keuntungan dan kuasa. Maka wang "OT" ataupun "overtime" sebanyak sedikit kini menjadi wang tambahan pada mereka yang keluarga mereka yang susah. Justeru itu juga tindakan kerajaan yang berprihatin terhadap masalah pekerja dapat merangsangkan kembali semangat untuk bekerja memupukkan kesetiaan, mengukuhkan maruah dan harga diri. Namun krisis ekonomi sering kali berkaitan dengan krisis makanan. Atas kesedaran ini juga kerajaan pentingkan teknologi pertanian menuju ke arah berdikari, "*self sufficiency*" dengan izin. Tuan Speaker yang dipinta dan untuk terus dilaksanakan adalah supaya gaji minima ini tidak harus membeku. Pada hak asas seribu lima ratus kerana ini dijangkakan yang terendah harus dikemaskinikan ditingkatkan mengikut keadaan keperluan keadaan pada masa ke semasa. Soalnya, bagaimana pula dengan nasib pekerja-pekerja swasta. Hak mereka haruslah dibela. Mereka juga adalah rakyat kita. Yang jelas bahawa keuntungan majikan kapitalis berpunca dari titik peluh mereka iaitu berasas umbi pada titik peluh golongan pekerja. Soalannya juga bagaimana syarikat-syarikat swasta ini dapat menyertai dalam pelaksanaan gaji minima sebagai tanggungjawab *social CSR (corporate social responsibility)* dengan izin. Jelas bahawa kerajaan perlu mewujudkan satu keadaan di mana syarikat-syarikat swasta ingin turut serta dalam melaksanakan program gaji minima ini. Memberi insentif agar syarikat-syarikat swasta ini dapat mengikuti contoh GLC kerajaan negeri agar tidak kekok apabila mereka menyertai di dalam pembangunan negeri Selangor. Akan tetapi kita juga turut berjaga-jaga terhadap



perangai majikan kapitalis kerana secara halus mereka akan mempertingkatkan penindasan terhadap golongan pekerja apabila keuntungan mereka tersentuh sedikit. Tuan Speaker, kerajaan negeri perlu mewujudkan apa yang kita panggil "*retrenchment fund*" dengan izin iaitu dana ataupun tabung pembuangan kerja bagi menampung mereka sekeluarga yang dibuang kerja juga membantu mereka sambil mereka mencari pekerjaan baru. Telah pun disebutkan dalam Dewan yang mulia ini di mana Alam Flora dengan sewenang-wenangnya telah melepaskan tanggungjawabnya dengan memberhentikan pekerja mereka. Kerajaan telah mengesyorkan PBT membantu menawarkan pekerjaan. Sejak 15 Oktober ini belum dilaksanakan lagi, PBT masih teragak-agak. Justeru kerajaan terus harus mengarahkan PBT menerima bekas pekerja Alam Flora ini agar hidup mereka dapat berjalan dengan lancar. Harus membantu lebih dari itu, mengambil tanggungjawab mencari alternatif baru bagi meringankan bebanan mereka yang dibuang kerja. Kerana dalam keadaan mereka terumbang-ambing. Baru-baru ini pindaan undang-undang pekerja diluluskan dalam parlimen. Pindaan ini adalah satu penghinaan. Satu penderhakaan kepada rakyat, terhadap golongan pekerja. Mencabuli hak asasi pekerja dan negara. Rakyat beramai-ramai telah mempertikaikan pindaan undang-undang ini, berdemo di bawah anjuran MTUC dan badan-badan yang lain di tujuh belas lokasi di seluruh negara dan mendapat sambutan yang ramai. Pindaan ini sungguh menguntungkan majikan dan kapitalis. Tetap mengorbankan hak rakyat sebagai pekerja. Pindaan undang-undang buruh dilakukan terhadap Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 Akta Persekutuan Pekerja 1959. Akibatnya adalah pekerja tidak boleh mendakwa majikan lagi. Majikan boleh melambat-lambatkan bayaran OT (*overtime*) dengan izin. Pekerja senang dipecat dan tidak ada pembelaan lagi. Penubuhan Kesatuan Sekerja menjadi lebih susah lagi. Semua ini memihak kepada majikan kapitalis meraih keuntungan yang besar. Tetapi pengorbanan mengorbankan hak golongan pekerja dan hak rakyat jelata. Walhal rakyat sebagai golongan pekerja adalah tulang belakang kepada ekonomi negara dan harus kita sanjung di atas sumbangan mereka. Mereka adalah golongan majoriti. Menjadi penentu di dalam pilihanraya nanti. Semoga mereka membuat pilihan yang terbaik, Insya-Allah. Tuan Speaker, Kota Damansara berterima kasih di atas keprihatinan Menteri Besar, Exco Perumahan dan Exco PBT terhadap masalah PPR dan juga rumah kos rendah. Di Kota Damansara dan juga melibatkan berbagai bantuan infra, lif, tangki air dan berbagai jenis bantuan dan aktiviti. Justeru itu kerajaan menghormati sumbangan rakyat menganggapkan rakyat miskin ini sebagai aset negeri, bukan satu bebanan ataupun liabiliti. Semalam kami ada bersama dengan penduduk PPR menyerahkan kupon air percuma. Mereka tetap berterima kasih. Namun mereka merayu agar sewa RM250 diturunkan kepada RM124 untuk semua. Kerana dengan bebanan keluarga yang berlipat ganda mereka tidak mampu membayarnya. Mereka tidak mampu membayar dengan wang yang sejumlah besar dan sewa mereka makin tertunggak. Justeru itu mereka merayu agar kerajaan negeri mengambil kira kerapuhan

mereka ini kerana suatu masa dahulu PPR ada tanda PPRT yang termiskin tetapi termiskin itu ditinggalkan. Mereka tetap termiskin, tetap tertekan dalam keadaan ekonomi yang sungguh malang ini. Semoga penyelesaian yang sama juga dapat dipercepatkan terhadap pengusaha-pengusaha nurseri di *land* Sg. Buloh. Penduduk-penduduk di sana amat curiga peranan Yayasan Selangor dalam kawasan ini. Walhal kami diberitahu tak ada yang memilik dan juga ini menjadi satu dan memandangkan Yayasan Selangor menjadi pemungut sewa. Kami percaya Yayasan Selangor boleh buat kerja tempat lain yang boleh dapat berjuta-juta bukan dekat sini. Juga kami berharap kerajaan negeri ambil kira masalah-masalah rakyat di Kampung Berembang dan penduduk PJS 1 masih menunggu rumah mereka. Dan saya diberitahu bahawa MB akan berusaha ke arah itu. Tentang bangunan terbengkalai syarikat-syarikat perumahan diberi kelulusan pakej pembangunan yang melibatkan pembinaan bersama rumah kos rendah, rumah medium kos dan rumah kos tinggi pada kawasan setempat. Tetapi sering kali pemaju tidak membina rumah kos rendah. Memberi seribu satu alasan kenapa tak dapat lambat dibina. Akhirnya pembina rumah kos rendah terbengkalai walhal medium dan kos tinggi dalam pakej yang sama ini selesai dibina. Namun syarikat-syarikat yang jelek ini terus membina projek-projek perumahan yang lain. Mengapa begitu? Kota Damansara memohon kepada kerajaan mengkaji keadaan ini. Harus disenarai hitamkan dan membekukan syarikat-syarikat yang menyeleweng. Hingga mereka membina kembali projek yang mereka biarkan terbengkalai. Ataupun membuat sesuatu agar rakyat dapat rumah mereka yang dijanjikan kerana mereka sudah bayar ke bank dan sekarang ada kerap kali juga mereka disenaraihitamkan oleh bank. Namun begitu kita juga dapat tahu bahawa di Dewan yang mulia ini sebelum Pilihanraya Umum ke 12 140 projek perumahan dibiarkan terbengkalai. Namun begitu kerajaan sanggup memulihkan bangunan terbengkalai ini kini 23 projek pemulihan telah dilaksanakan melibatkan 9,179 buah rumah. Di samping itu juga kerajaan haruslah membantu syarikat-syarikat yang menyertai dalam proses pemulihan bangunan terbengkalai ini dengan secepat mungkin. Khususnya memberi pengecualian ataupun kelonggaran terhadap cukai tanah walhal cukai ini bukanlah tanggungan mereka akan tetapi menjadi tanggungan syarikat asal. Membantu memudahkan mereka mendapat pinjaman wang dari bank. Kurangkan birokrasi yang melambatkan pelaksanaan projek membaik pulih rumah yang terbengkalai. Kota Damansara mendesak agar kerajaan lebih harus menggerakkan satu sistem yang membolehkan penduduk miskin dan berpendapatan rendah di bawah RM1,500.00 untuk memiliki rumah atau sewa beli rumah. Tuan Speaker, Kota Damansara menyokong Bajet 2012.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum*, salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Terima kasih Tuan Speaker memberi kebenaran saya untuk membahaskan Bajet 2012. Terlebih dahulu

saya mengambil kesempatan .....belum terlewat rasanya untuk mengucapkan salam Aidiladha 1432 Hijrah kepada semua Muslimin dan Muslimat Selangor serta Deepavali "Nal baituka!" kepada semua rakyat di negeri Selangor yang beragama Hindu yang meraikan Hari Deepavali. Inilah kesatuan dalam kepelbagaian adalah satu rahmat dan nikmat yang di anugerah tuhan kepada kita yang dilahirkan sebagai warganegara Malaysia tercinta yang jarang dimiliki oleh rakyat di negeri ini. Sementara ianya masih dianugerahkan maka syukurilah dan hargailah sebaik-baiknya. Alhamdulillah juga kerana kali ini buat ke sekalian kalinya saya diberikan peluang oleh speaker dengan izin Allah SWT untuk berdiri sekali dalam Dewan Yang Mulia ini bagi menyempurnakan tugas saya sebagai seorang ahli Yang Berhormat bagi menyuarakan hasrat, aspirasi, kemahuan, desakan dan tuntutan rakyat khususnya rakyat di bumi Selangor ini. Tuan Speaker sidang dewan yang saya muliakan, saya masih lagi ingin menyentuh tentang krisis pengurusan air di Selangor. Telah acap kali dilondehkan betapa kualiti pengurusan pihak Pakatan Rakyat begitu lemah kerana ketidakcekapan pihak yang menguruskan skim air percuma. Sekarang saya mahu beralih kepada permasalahan yang lebih strategik dan akan menyentuh untung nasib rakyat Selangor khususnya dan Kuala Lumpur amnya untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga hingga lima tahun yang akan datang iaitu Isu Polemik Penstrukturan Industri dan Sumber Air. Penstrukturan semula sumber air menurut kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air kerajaan negeri Selangor telah diberi cukup masa dan peluang untuk memuktamadkan penyusunan ini. Dalam tempoh dari bulan September 2008 hingga hari ini jarak masa untuk memuktamadkan tawaran pengambilalihan telah dipinda beberapa kali. Namun kerajaan negeri Selangor masih gagal memuktamadkan malah sering menukar tempoh sasaran. Empat peluang telah diberikan kepada kerajaan negeri Selangor pada 19 September 2008, 31 Disember 2008, 15 Januari 2009 dan 14 Februari 2009. Jadi persoalannya apakah kerajaan negeri Selangor masih tidak cukup masa untuk melaksanakan penstrukturan semula ini. Sidang Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, Y.A.B Menteri Besar semasa membenteng Belanjawan negeri Selangor pada hari pertama persidangan ini ada menyentuh isu pembekalan air di negeri Selangor. MB mengatakan kelemahan operasi SYABAS seperti didedahkan di dalam Laporan Audit Negara pada tahun 2008 hingga satu notis telah dihantar pada Kerajaan Persekutuan untuk memberitahu penamatan Konsesi SYABAS namun ia tidak dipersetujui oleh kerajaan persekutuan. Saya hendak membawa kepada Dewan apa bezanya dengan laporan Audit Negara 2010 yang mencatatkan kelemahan urus tadbir negeri Selangor khususnya tentang kerugian anak syarikat pelaburan negeri Selangor yang mana menjelaskan KEDB mencatatkan kerugian RM22 juta pada tahun 2009 termasuk Kumpulan Perangsang Selangor Berhad yang dikatakan mencatatkan kerugian RM139.23 juta selepas cukai. Apakah satu notis juga harus dihantar untuk menutup operasi KEDB Kumpulan Perangsang ini. Dalam Belanjawan tersebut Menteri Besar ada mengatakan bahawa sejak mengambil alih pentadbiran pada 2008 kerajaan

negeri Selangor sentiasa berusaha membolehkan penstrukturan industri air dibuat untuk manfaat rakyat negeri ini. Tidak apa yang pelik dalam perkara ini kerana proses penstrukturan semula air di negeri Selangor masih belum muktamad walaupun sudah ada rundingan dengan kerajaan persekutuan sejak 2008 lagi. Kerajaan negeri Selangor meletakkan dengan syarat-syarat yang memihak, memihak kepada mereka contohnya seperti Pembinaan loji Langat 2 hendaklah dilaksanakan oleh syarikat kroni mereka dan SYABAS mesti serahkan 100% kepada KEDB. Ada kecenderungan pihak kerajaan negeri mencadangkan penstrukturan semula sektor air ini dengan diletakkan berbagai syarat untuk tidak mungkin tidak dilaksanakan. Dan jika ini mungkin berlaku kerajaan negeri mempunyai alasan baru untuk meracuni seluruh rakyat Selangor kononnya SYABAS tidak bersetuju dan kerajaan persekutuan melindungi pihak SYABAS. Tidak ada keikhlasan dan kesungguhan kerajaan negeri dalam perkara ini. Menteri Besar juga cuba berbohong di sini mengatakan SPLASH dan ABBAS menerima tawaran mengambil alih penstrukturan semula industri air di Selangor yang mengatakan Puncak Niaga dan SYABAS kekal menolak tawaran ini. Sebenarnya Puncak Niaga dan SYABAS tidak menolak tawaran tersebut dan masih di peringkat rundingan sedangkan yang kekal menolak ialah SPLASH. Hadirin yang saya dihormati sekalian ahli-ahli Dewan yang saya hormati. Menteri Besar juga dalam membentangkan Belanjawan negeri juga ada mengatakan jika mengambil kadar kira tarif air pada tahun 2009 dan 2012 setiap isi rumah di Selangor akan berdepan dengan kenaikan bil air hingga 71% berbanding kadarnya pada 2008 sekiranya....sekiranya kerajaan negeri Selangor bersetuju dengan cadangan kadar kenaikan tarif tersebut. Sebab itu dalam perjanjian itu ada dinyatakan untuk meluluskan kenaikan air bukan kuasa SYABAS atau pun kerajaan persekutuan tetapi mesti dipersetujui oleh kerajaan negeri Selangor. Apa yang sebenarnya adalah aliran kewangan SYABAS meruncing kerana tiada pelarasan tarif pada 1 Januari 2009 dan usaha untuk mendapatkan dana melalui ..... tidak diluluskan. Pada masa yang sama ke semua program .... dibekukan untuk membolehkan proses rundingan pensektoran semula sektor air dijalankan. Aset air lama telah tidak dapat ditukar mengikut jadual telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Ini telah membantutkan usaha pengusaha air untuk meningkatkan lagi tahap perkhidmatan bekalan air kepada pengguna. Tahap NRW tidak dapat dikurangkan lagi tanpa pelaburan tambahan dalam NRW. Dalam pada yang sama kita juga bersyukur kepada syarikat pengusaha air SYABAS khasnya kerana keadaan ditekan oleh kerajaan negeri mereka masih mampu untuk membekalkan air bersih untuk rakyat negeri Selangor yang terbanyak ini. Terima kasih kita ucapkan. Menteri Besar mengatakan SYABAS momok-momokkan rakyat krisis bekalan air akan berlaku pada 2014 sedangkan pakar daripada kerajaan negeri mengatakan ianya akan berlaku pada 2019. Jawapannya apa bezanya 2014 dan 2019 kajian kedua-dua pihak mengakui bahawa Lembah Kelang khususnya Selangor akan tetap menghadapi krisis bekalan air malah unjuran permintaan bekalan air telah dibuat oleh kerajaan negeri mempunyai 7

kesilapan besar. Oleh yang demikian unjuran yang telah dibuat itu adalah salah perkara ini telah dimaklumkan kepada Span dan juga kepada kerajaan negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam ucapan Belanjawan

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Minta lalu Tuan Speaker

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Menteri Besar

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Terima kasih Yang Berhormat Batang Kali, terima kasih Y.B Tuan Speaker. Tadi Y.B. Batang Kali ada mengatakan bahawa kerajaan negeri tidak membenarkan yang proses kenaikan harga dan juga permintaan untuk mengalirkan air daripada Pahang ke Selangor ada yang mengatakan 2019 atau 2014 tiada perbezaannya. Soalan saya ialah apakah Yang Berhormat tahu yang air yang hendak disalurkan daripada Pahang itu adalah air mentah atau bukan air yang diproses dan tidak kecukupan itu kalau pun dijangka berlaku pada 2014 ialah air bersih bukan air mentah. Jadi saya rasa Yang Berhormat mungkin tidak mendengar penjelasan panjang lebar mengenai perkara ini semalam dan saya minta Yang Berhormat untuk tidak menuduh atau menyebutkan dalam Dewan yang satu perkataan lebih berunsur andaian bukannya satu fakta. Jadi saya minta Yang Berhormat kalau boleh berhati-hatilah dan tarik balik.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Terima kasih. Saya memang akui apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat sahabat kita. Memang kita bukan menghadapi masalah air mentah masalah air terawat air bersih sebab itu kita perlukan tambahan loji kerana loji yang ada tidak boleh membekalkan air bersih kerana peningkatan penggunaan air kita, kita unjurkan bukan janji unjur ia unjurkan peningkatan 3.5% pada setiap tahun ini kita kena akui bahawa kita kena tahu penggunaan air. Penggunaan air di rumah saya tidak sama dengan rumah Y.B. Sg Pelek begitu juga dengan penggunaan air rumah Ijok tidak sama dengan rumah Kinrara kerana Ijok terpaksa mandi 3 kali sehari mengikut amalan orang Islam berwuduk 5 kali sehari sudah bersenda rama dengan isteri kena mandi lagi tetapi Kinrara tidak perlu atau pun Pandamaran tidak perlu mandi jadi itu berbeza dengan peningkatan air. Dan laporan yang dibuat kepada kita melalui unjuran dibuat berdasarkan kepada bil. Jadi menggunakan air begitu tinggi di dalam negeri Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian dalam teks belanjawan 2001

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Yang Berhormat

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan bangun

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Saya tiada masa Pengerusi, minta maaf Y.B. Sekinchan saya ada banyak isu ini tolong ya terima kasih. Dalam teks belanjawan tersebut Menteri Besar mengatakan bahawa kerajaan negeri Selangor tidak menolak

hakikat bahawa projek aliran air mentah dari Pahang ke Selangor boleh memberikan tambahan kepada bekalan air yang diperlukan. Namun biarlah ia dibuat dengan teliti agar ia dibuat dilaksanakan dengan baik tulus. Tuntutan kerajaan negeri Selangor dalam hal urusan bekalan air yang tidak memuaskan oleh SYABAS dan Puncak Niaga mesti turut di ambil kira.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sekinchan bangun lagi

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Sekejap lagi saya bagi saya selesaikan isu ini. Loji Langat 2 tidak seharusnya dikaitkan dengan pensektoran sektor bekalan air negeri Selangor ia adalah 2 isu yang berlainan. Namun saya tertarik dengan biarlah ia dibuat dengan teliti agar ia dilaksanakan dengan baik dan tulus. Seperti yang saya jelaskan sebelum ini bahawa bukan soal Langat 2 atau tidak kepada rakyat Selangor tetapi kerajaan negeri mahukan agar projek itu dibangunkan sepenuhnya oleh KEDB. Ini bukan soal rakyat tetapi ini soal peluang perniagaan. Menteri Besar juga mengatakan SYABAS telah mengeluarkan aset-aset berkaitan menjimatkan air

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Y.B. Batang Kali saya tertarik dengan ucapan perbahasan Y.B. Batang Kali tadi daripada awal hingga sebentar tadi terus bercakap mengenai isu air dan rakyat Selangor mengetahui bahawa konsesi air di antara SYABAS dengan kerajaan negeri Selangor yang ditandatangani sewaktu ketika dahulu adalah menyebelahi pihak konsesi dan tidak menyebelahi pihak negeri Selangor dan juga rakyat negeri Selangor dan sebentar tadi saya nampak Yang Berhormat bercakap seolah-olah mewakili jurucakap bagi pihak syarikat SYABAS dan saya hendak tanya Yang Berhormat ini jurucakap SYABAS konsesi atau rakyat itu satu. Yang keduanya Yang Berhormat mengatakan SYABAS menghadapi kerugian kerana tidak dapat mengawal Indah Water dengan baik. Saya hendak tanya kalau SYABAS menghadapi kerugian kenapa CEO Syarikat Syabas masih diberi bayaran RM5.1 juta gaji tahunan CEO sebuah syarikat yang rugi.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Terima kasih Sekinchan. Saya minta masa tambahan ya Tuan Speaker. Panjang soalnya. Saya sebenarnya bercakap berkaitan dengan hak saya sebagai rakyat dan wakil rakyat sama ada saya hendak wakil SYABAS ke saya hendak wakil siapa ke terpulang kepada saya. Kerana ini fakta yang hendak diterangkan kepada Dewan sekalian dengan rakyat ditipu oleh Pakatan Rakyat lagi. Menteri Besar berbangga dengan pemberian bekalan air percuma 50 meter padu air selama 40 bulan memerintah dengan istilah dengan memulangkan hasil negeri untuk rakyat

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat. Sri Muda bangun

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Minta maaf saya banyak hal ni. Kalau hendak tanya kita jumpa di luar karang. Teks pun boleh saya bagi tiada masalah. Dekat

mana saya tadi dah hilang...ini bererti jika tiap isi rumah menggunakan 50 meter padu air atau lebih setiap bulan kerajaan negeri Selangor membayar sebanyak RM11.40 sen sebulan atau RM136.80 setahun untuk mereka. Pemberian ini sedikit sebanyak mengurangkan beban kewangan bagi isi rumah khususnya kepada golongan pendapatan rendah. Tetapi Menteri Besar terlupa masih terdapat pengguna kod 17 bagi kondominium dengan jumlah 765 kondominium dan kod 18 untuk rumah pangsa dengan jumlah 643 rumah pangsa bagi seluruh negeri Selangor. Berdasarkan rekod bukan unjuran rekod Syarikat Bekalan Air Selangor SYABAS jika semua kod 17 dan 18 ini berhijrah ke meter individu akan ada penambahan RM350,000 akaun baru. Seperti yang didakwa oleh Ijok bahawa seluruh rakyat Selangor menerima pemberian air percuma 25 air padu bagaimana pula dengan 1.4 juta lagi rakyat Selangor yang tinggal dengan rumah pangsa dan kondominium ini kalau kita ambil kira 350 ribu x 4 orang satu isi rumah. Mereka sehingga kini masih tidak mendapat pemberian air percuma dan jika 1.4 juta ini menuntut selama 40 bulan air percuma mulai 1 Jun 2008 sehingga Oktober 2012 sudah 40 bulan dengan jumlah 20 meter padu RM 11.40 sen ataupun RM136.80 juta setahun, ini bermakna kerajaan Selangor berhutang kepada 1.4 juta isi rumah rakyat Selangor yang berhak mendapat air percuma di mana Menteri Besar juga mengatakan bahawa seluruh rakyat Selangor menikmati pemberian air percuma. Inilah contohnya bila melaksanakan sesuatu yang niatnya baik tetapi tanpa perancangan yang rapi atas konsep sama rasa sama rata tetapi menyisihkan rakyat yang tinggal di flat dan apartmen.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sri Muda bangun.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Minta maaf ya Sri Muda, minta ampun minta maaf..

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI :** Saya sikit aja.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuduhan bahawa kerajaan pusat memihak kepada kroni macam Sekinchan tadi tuduh saya wakil SYABAS sama adalah isu yang tidak berkaitan dengan perkhidmatan Bekalan Air Selangor. Selain menolak perbincangan ini kerajaan persekutuan turut membiayai Puncak Niaga Holdings sebuah syarikat dalam senarai bursa yang memegang saham majoritinya ialah SYABAS dan Puncak Niaga.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sri Muda bangun lagi.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Minta maaf Sri Muda, minta maaf banyak sangat ya, sikit lagi...

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI :** Ada benda penting yang nak disampaikan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Tak apa, karang kita bincangkan dan MB boleh jawab nanti.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda, tak usah bangun lagi.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Baik saya cakap ni, mintak maaf ya. (Ketawa). Pemberian ini telah dilakukan melalui subsidiari milikan PAAB yang menandatangani persetujuan pada 1 November 2011 untuk membeli bon yang dikeluarkan oleh Puncak Niaga pada nilai nominal, nominal 546,75 daripada PAAB.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker, mintak penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Minta maaf, saya rasa Batang Kali dah buat kenyataan yang begitu jelas, jangan buang masa, ya jangan buang masa.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Kat mana saya kata...kadar tarif 71%. Wah, menjerit Menteri Besar cakap 71% rakyat dikenakan. Sebenarnya mungkin kuantum ini diambil kira setelah mendapat pelarasan pada tahun 2009 jika dia dibawa ke 2012 ianya di campur secara tidak adil ertinya di dalam fikiran MB dia telah menggada'kan bayaran tersebut. Untuk dakwaan Menteri Besar bahawa 1.2 juta isi rumah menerima air percuma 20 meter padu sekali lagi ingin menulangi penganiayaan kerajaan negeri terhadap 1.4 juta isi rumah yang tinggal di flat dan apartmen yang sudah 52 bulan tidak mendapat pemberian air percuma. Saya petik sebuah hadis untuk renungan kita bersama, Abu Said al-Kudhri, Rasulullahlah bersabda, maksudnya '*Kepada setiap penipu itu ada benderanya, pada hari kiamat, lalu dikatakan padanya ini tanda penipu*', sedarlah wahai ADUN Ijok. Hadis riwayat Imam Ahmad Tarmizi al-Toyallisi. Dalam bajet 2012, dalam bajet 2012 Selangor yang dibentangkan oleh Ijok ada 199 perenggan yang saya semak saya lihat saya kaji tak ada satu perkataan *hudud* apatah lagi peruntukan untuk program penerangan penyediaan draf pelanggan perlembagaan *hudud* untuk dilaksanakan di dalam negeri ini. Kesian PAS, mengikut kata guru agama tersohor, Sheikh Nurdin al-Banjari Maliki, *hudud* mesti bermula di rumah kita, di daerah kita dengan puak-puak kita di negeri kita barulah di Negara kita.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Pertanyaan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Minta maaf saya tak ada masa. Mana *hudud* PAS Selangor, apakah sama dengan *hudud* PAS Kelantan yang isterinya kita boleh eek sekali. Itu sebab al-Jubri suka *hudud* PAS.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Laluan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sri Muda berminat sekali lagi.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Saya mohon supaya...



**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tuan Speaker, mohon laluan. Ini bila bersebut berkaitan dengan *hudud* saya diberi laluan mencelah.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Saya mohon supaya PAS tarbiah dahulu DAP sebelum menjerit dan bercerita soal *hudud*.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Laluan Batang Kali

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Kalau masih sokong dengan peliwat, kaki khalwat dan sebagainya...

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tuan Speaker, saya mohon laluan. Ini sudah melampau.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Ramainya kaki khalwat ni. Jangan tipu rakyat, jangan tipu rakyat nak kata membangun bersama Islam. Speaker saya tak beri laluan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sri Muda.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Peraturan ada Speaker. Tak perlu saya tunjuk.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Peraturan berapa?

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Ini baru, baru DAP sergah tak boleh buat *hudud* atau...

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Dia *hudud* ini bukan peraturan PAS atau DAP.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Mana ada *hudud* DAP, mana ada *hudud* DAP.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Eh, kau cakap UMNO aku tak peduli apa pun.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : *Hudud* DAP tak ada, saya tak dengar.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Baru DAP sergah tak boleh *hudud*, terkencing-kencing orang PAS, Nik Ajis bukan Nik Ajis je termasuklah syaitan-syaitan yang kononnya sahabat, sahabat PAS.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tuan Speaker, sahabat PAS sudah melampau, perkataan yang digunakan syaitan, kita patut jaga adab bahasa.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Agaknya...

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu, nanti dulu. Ini peraturan mesyuarat ke?

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Agak-agaknya...

**TUAN SPEAKER** : Apa tu? Nanti dulu, nanti dulu. Tak ada? Ya, sila.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Ini adalah hari pertama saya amat gembira dengan Speaker kita, terima kasih Speaker. Agaknya Bukit Antarabangsa sokong tak *hudud*? Dia lagi takut apatah lagi kalau jenis-jenis Mat Jambu nanti diarah siasat oleh JAIS berkaitan dengan DNA kaum keluarga, sudah tentu lah mereka memang takut. Anak aku, anak aku, anak aku anak engkau, bini aku bini aku, bini aku bini engkau.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tuan Speaker, gini saya..

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Macam mana nak kata..

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu, nanti dulu. Ada apa ni Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tuan Speaker, ini merupakan satu sangkaan jahat menuduh perkara yang sedang dibicarakan dan yang sudah diputuskan oleh mahkamah. Pada saya benda ini tak relevan untuk disebut.

**TUAN SPEAKER** : Adakah Yang Berhormat merujuk kepada peraturan tetap?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : 66

**TUAN SPEAKER** : 30 (66) ya, say hujah dulu kita nak dengar apa hujah tu.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : 30 (66) Yang Berhormat Tuan Speaker, menyatakan "Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain" Bukit Antarabangsa ialah Ahli Dewan ini. Jadi yang disebutkan itu ialah benda yang tak sepatutnya disebutkan.

**TUAN SPEAKER** : Baik, saya rasa benar sebab ada disebut Bukit Antarabangsa. Saya mintak ditarik balik.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Saya minta maaf lah Bukit Antarabangsa. Tak kisah lah sesiapa yang bersekongkol ke arah itu, itu lah dia. Macam mana nak kata pertahanan negara tumpah darah untuk pertahanan akan reformasi rakyat baru nak mintak setitik darah, setitik darah nak buat DNA pun tak berani. Senyap, apa cerita. Tambah lah pula puak-puak sebelah sana nun gemar dan cenderung ke aktiviti umat Nabi Luth. Nauzubillah..

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tuan Speaker, yang ini satu lagi tuduhan jahat

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : ....berdasarkan Peraturan Tetap 36(6)

**TUAN SPEAKER** : Ya. Peraturan Tetap nanti dulu. Mana ceritanya? Apa hujahnya?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Di bawah Peraturan Tetap 36 (6). Saya nak ulang sekali lagi. “ Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat. Jadi apa yang disebut tadi itu terkait dengan Bukit Antarabangsa. Tapi tuduhan ini tidak berasas.

**TUAN SPEAKER** : Tapi kan, Tak, Batang Kali tidak sebut.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tetapi dimaksudkan menjuruskan ke arah itu.

**TUAN SPEAKER** : Saya tengah uruskan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Saya tidak....

**TUAN SPEAKER** : Percayalah pada Speaker. Kalau tidak saya terus terima sahaja. Saya dengar hujah, dengar hujah dia. Ya, dia tidak sebut Bukit Antarabangsa

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : 36 (6).Ya, saya setuju dia tidak menyebutkan Bukit Antarabangsa, tetapi yang disebutkan seperti darah itu, yang dikaitkan untuk uji kaji itu. Itu yang dimaksudkan untuk Bukit Antarabangsa.

**TUAN SPEAKER** : Kalau tak sebut. Ya, dikaitkan pun saya rasa tak kaitkan. kalau dia kaitkan, maka kita bangkitkan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Saya terima.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Speaker, nampaknya saya kena tambah satu lagi kerja speaker supaya menyekolahkan ahli-ahli yang berhormat pihak kerajaan tentang peraturan. Terima kasih Speaker. Speaker, dalam bajet 2012 yang kononnya berimbang saya tidak nampak satu pun program yang benar-benar membantu rakyat ketika dalam kesusahan, kesempitan sekarang ini. Jika saya semalam berkata....

**TUAN SPEAKER** : satu minit lagi.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Mak ai, Jika sahabat saya tak boleh sebut nama DUN ya, Jika kerajaan bajet persekutuan defisit tak apa. Namun dalam keadaan defisit itulah banyak kerajaan persekutuan membantu rakyat keseluruhan.

Pemberian subsidi bahan asas seperti petroleum, gas, tepung, gula termasuk jeli dan Ky Jeli dan lain-lain berbilion untuk rakyat ditambah lagi dengan penghapusan yuran sekolah, bantuan *one off* RM100 untuk sekolah rendah dan sekolah menengah dan RM200 *voucher* murid pengajian tinggi semuanya dapat kaya, miskin, menteri besar, menteri kecil, pembangkang, penyokong kerajaan, PAS, DAP semua dapat belaka. Hari ini saya mencabar kerajaan Selangor dan kerana kononnya....

**TUAN SPEAKER** : ...sampai masa dah. Ya, Sila duduk.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Meru

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Ya, Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Meru mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai belanjawan bajet 2012 kerajaan negeri Selangor Darul Ehsan yang bertemakan Selangorku, Hasil Negeri Untuk Rakyat. *Assalamualaikum w.b.t* dan salam sejahtera, Yang Berhormat Tuan Speaker, YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor, Yang Berhormat EXCO-EXCO, Ahli Dewan Negeri Selangor dan juga pegawai-pegawai kerajaan. Alfan Mabruur ataupun Jazakumullah khairan Kasiran. Dengan izin, ataupun ucapan seribu tahniah dan semoga diganjar Allah. Sebaik-baik ganjaran diucapkan kepada semua pengarah-pengarah, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan di bawah pimpinan YAB, Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor yang telah bertungkus-lumus mengorbankan masa, tenaga dan pemikiran bagi memacu ekonomi dan mengurus tadbir Selangor Darul Ehsan yang begitu baik, tersusun yang jelas menitik berat kepentingan rakyat Marhaen tanpa mengira warna kulit dan latar belakang agama atau kepentingan politik yang berbeza. Moga-moga kita termasuk dalam golongan bukan sahaja disenangi oleh rakyat tetapi dipuji di dalam Al-Quran di dalam surah Al-Haj ayat 41 dengan izin (Bacaan ayat al-quran) yang bermaksud iaitu orang-orang yang jika kami teguhkan kedudukan di muka bumi ini yakni ketika kami diberikan mereka kekuasaan, nescaya mereka mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar kepada Allahlah kembali segala urusan. Yang dimaksudkan amal makruf ini antara lainnya termasuklah Tabung Warisan Anak Selangor, TAWAS, hadiah anak masuk universiti, Skim Mesra Usia Emas, Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang dan seterusnya yang ada di dalam Program Mesra Merakyatkan Ekonomi Selangor dan bila kita sebut tentang nahi mungkar, alhamdulillah kita sudah ada peruntukan RM15 juta dalam geran RM300 juta SelangorKu untuk membanteras kegiatan Rosmah eh bukan kegiatan Rosmah minta maaf kegiatan rasuah dan penyelewengan. Orang yang melaporkan kegiatan rasuah dalam kerajaan negeri pada *first time* dengan izin siap dengan bukti-buktinya akan dibayar oleh kerajaan negeri Selangor. Ini satu benda yang baru di dalam kerajaan

negeri Selangor dan kita kena ingat di zaman Sayyidina Umar Al-Khatab. Sayyidina Umar Al-Khatab ini dikenali sebagai seorang pemimpin yang cukup tegas dan garang. Tetapi ketika dia mengambil alih sebagai khalifah yang kedua setelah wafatnya Rasulullah S.A.W. dan Sayidina Abu Bakar ketika dia beritahu kepada rakyat bahawa dia akan menjalankan keamanan, menjalankan urusan yang baik, tiba-tiba di kalangan rakyat ada yang menghunus pedang, di kalangan rakyat ada yang menghunus pedang dan memberi tahu ya Amirul Mukminin, (Ayat Al-Quran) wahai Amirulmukminin sekiranya kami nampak penyelewengan di antara kamu, kami akan betulkan dengan pedang-pedang kami. Apa respons daripada Sayidina Umar Al-Khatab, beliau mengangkat tangan dan bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana di zamannya masih ada lagi manusia yang berani yang menegurnya. Yang ini yang kita hendak, sebab itu kita dengar tadi macam-macam daripada pembangkang bagi tahu kita tentang penyelewengan-penyelewengan dan sebagainya dan kita ahlan wasahlan, tolong tunjukkan, ini Islam ajar kita, Islam ajar kita apa-apa yang kita nak buktikan, kena ada bukti (Ayat Al-Quran) bukti tu mesti ada kepada orang yang membawa dakwaan dan kalau tidak ada bukti kita tidak payah respons tetapi kalau ada bukti maka kerajaan kenalah respons benda-benda ini dan tadi....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** ia sila, bagi laluan

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih. Saya tertarik, terima kasih Meru dan Tuan Speaker. Saya tertarik dengan kenyataan dengan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan konsep amal makruf, nahi mungkar yang mana saya pernah nyatakan di dalam pita saya dan saya diserang oleh orang-orang UMNO bahawa saya sebagai seorang bukan Muslim tidak ada hak untuk mengguna kenyataan-kenyataan ini iaitu amal makruf, nahi mungkar. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Meru adakah kenyataan ini, adakah kenyataan daripada orang-orang UMNO ini kenyataan yang sesat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN :** Ya, terima kasih Kg. Tunku. Saya tak berani kata itu sesatlah tetap benda itu tak benar. Sebab itulah disebut Rasulullah S.A.W. itu disebut dalam *Al-Quranulkarim (Ayat Al-Quran)* tidaklah aku utus engkau wahai Muhammad kata Allah melainkan untuk menjadi rahmat di seluruh alam, ayat itu tak kata *rahmatallilmuslimin*, bukan untuk orang Islam sahaja atau pun *lilmukminin* apa tah lagi *wamansahillah rahmatillmelayuwin*, tak ada, sebab Islam ini untuk semua, Islam *is for all*, PAS pun berani kata PAS *is for all*, tapi sampai sekarang UMNO tak berani kata UMNO *is for all* tak berani, ini nak bagi tahu. Ayat itu tak menjadi masalah, boleh, boleh digunakan tak ada masalah, sebab itu kita tengok, saya pernah sebut macam mana di UK, bukan di Ulu Klang di United Kingdom, macam mana *last year*

*alone*.....lebih daripada 100 ribu orang yang masuk Islam bila mereka mengkaji tentang Islam itu...

**Y.B. DATO' HJ WARNO BIN DOGOL** : minta laluan...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Sabak.

**Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL** : Yang Berhormat Meru saya juga tertarik apa yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Meru tadi yang mana menyebut PAS *for all*, semua *for all*, jadi kalau boleh cuba Yang Berhormat pula mengeluarkan kenyataan hudud *for all*.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Terima kasih. Itulah kita kena kaji sejarah, kita datang dengan fakta. Hudud ini untuk pengetahuan tuan-tuan macam pergi hajilah dia wajib siapa yang ada cukup syarat wajib, tak kira orang PAS ke orang UMNO ke, orang Islam dalam PKR pergi haji itulah wajib. Begitu juga hudud, hudud ini wajib untuk semua orang Islam tak boleh tolak, siapa yang tolak hudud ini seperti yang berlaku di Kelantan, di Kelantan bukan DAP yang tolak, UMNO yang tolak hudud. Itu kita kena tahu, semua orang tahu itu, ada bukti-bukti, saya boleh bawa bukti-buktinya, UMNO yang tolak hudud. Jadi ini, sebab itu kalau ada, kalau ada dalam dewan ini, minta maaf, ada kalau ada Yang Berhormat - Yang Berhormat yang mengatakan ilmu matematik itu tidak ada dalam Al-Quran, saya suruh dia mengucap balik, ha ini betul keluar daripada....saya boleh bersyarah dua jam, ilmu matematik itu ada dalam Al-Quran. Kalau orang kata ilmu perniagaan, ilmu muamalat tidak ada dalam Quran, maka kena mengucapkan balik, sama juga dengan orang yang mengatakan bahawa ilmu politik itu tidak ada dalam Quran. Anak-anak kita balik dari Jordan, Syria kita suruh belajar di masjid-masjid dengan tauliah dan sebagainya, Alhamdulillah mereka mengajar tentang fikh muamalat, tentang fiqah, tentang jual beli, bercita-cita tentang dakwah, fiqah tentang berdakwah akan sampai masanya dia akan ceritakan tentang Qias.....

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, sila.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, pertama saya mengucapkan terima kasihlah. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Meru, Yang Berhormat Meru kata saya tertariklah tentang UMNO *not for all* kan sebab bercakap pasal PAS, saya rasa ini dalam ceramah dalam agama kot, bukan berdebat tentang belanjawan tapi itu tak apa, itu hak Yang Berhormatlah ya mungkin terbawa-bawa mentang-mentang baru sahaja dilantik sebagai Pesuruhjaya PAS yang baru mungkin nak tunjuk kepada inilah Yang Berhormat yang saya cukup kagum, Yang Berhormat yang setia yang cukup hebat, tapi apa pun itu keputusan partilah saya tak masuk campur, tapi

berbalik pasal UMNO *not for all*, mana ada bukti Yang Berhormat tadi bercakap seolah-olah jangan kita fitnah, saya setuju, kalau nak fitnah tu tak bagus dan saya pun tak akan fitnah, tapi apa pun sebagai seorang pemimpin yang saya kiralah orang yang berpengalaman dan beragama, fitnah UMNO *not for all* mana Yang Berhormat tahu, lagu UMNO sendiri pun mengatakan adalah perjuangan untuk rakyat Malaysia kalau cuba balik dengar lagu UMNO, kalau nak dengarlah kalau nak masuk pun boleh, tapi kalau dengar lagu UMNO pun untuk *for all*, satu saya rasa Yang Berhormat ini bercakap biarlah tumpukan, tetapi itu hak Speakerlah tapi tumpukan hak belanjawan, kita bercakap tentang belanjawan, tentang macam mana penggunaan duit itu untuk kegunaan rakyat negeri Selangor tapi ini terbawa-bawa macam ceramah agama saya rasa tersimpang jauh Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : tak, tak saya jawab soalan tadi.

**TUAN SPEAKER** : tadi Batang Kali .....

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Saya jawab dia naikkan sistem hudud, saya jawab saja, kalau dia tak naikkan saya tak jawab ha itulah saya jawab, saya rekod. Pendekatan atau ..... ini adalah terlalu jauh amat berbeza dengan pendirian dan pendekatan UMNO, Barisan Nasional yang menggali, mengorek dan merompak kekayaan negeri Selangor Darul Ehsan semata-mata untuk mengisi poket-poket mereka, ahli-ahli keluarga mereka dan kroni-kroni mereka. Memecahkan tabung rakyat miskin untuk membayar balik hutang-hutang kerajaan melalui kenaikan harga minyak dan barangan tetapi mereka jugalah yang memekik dan memasang bena-bena kononnya 1Malaysia rakyat didahulukan pencapaian diutamakan. Merompak kekayaan negeri atau Negara dan membahagi-bahagikan di kalangan kroni-kroni atau ahli keluarga secara haram termasuk memberi cincin bernilai RM24 juta adalah satu amalan terkutuk yang bukan sahaja tidak disenangi rakyat yang bertamadun tetapi juga mengundang dosa dari Allah S.W.T. Allah berfirman ayat Al-Haj ayat tujuh (7).....

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Minta laluan...

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Saya tak bagi laluan, saya dah bagi laluan tadi, saya nak habiskan, kalau tidak tak ada masa, setengah jam mana cukup.....

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : 36 (1).....

**TUAN SPEAKER** : duduk dulu

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : 36 (1) seorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dan fitnah dengan perkara yang dibincangkan itu.

**TUAN SPEKAER:** apa yang fitnah....

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** fitnah kata cincin mana tahu cincin siapa mana buktinya, kalau betullah bawalah cincin tu, tunjuk gambar cincin, jadi ini ... kita dengar aje .. biasalah kita pun banyak dengar, tapi kalau sebagai.....

**TUAN SPEAKER :** sekarang dah bangkit dah hujah , duduklah, biarlah Tuan Speaker buat keputusan.. dia tak sebut cincin siapa pun .....

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** tak sebut apa susah .....

**TUAN SPEAKER:** nanti dulu... kalau kita nak kutuk orang, kita kena terima orang kutuk kita, itu amalan kita sendiri dah. Tadi pun Batang Kali dah banyak cakap, kita tak berhenti tak tunggu dia. Tapi janganlah, kalau nak gunakan Peraturan Tetap, guna dengan baik jangan bukan bantah begitu saja. Cincin siapa dia tak sebut. Siapa makan lada dia rasa pedaslah tu. Sila Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** Al-Quran ada sebut (Ayat Al-Quran) ..... supaya harta itu kata Allah, Allah melarang supaya harta itu jangan hanya beredar di kalangan orang-orang kaya sahaja di kalangan kamu, apa yang diajarkan oleh Rasul kepada mu, maka terimalah dia dan apa yang dilarang oleh Rasul bagimu maka tinggalkan lah dia dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat keras hukumannya. Rakyat dapat melihat sendiri dalam pembentangan bajet Kerajaan Pusat baru-baru ini yang jelas membebankan rakyat, Kerajaan Pusat baru-baru ini jelas telah membebankan rakyat penuh dengan hipokrisi dan program-program *one off* yang jelas bertujuan menggula-gulkan dan mengaburi mata rakyat. Teguran demi teguran, nasihat demi nasihat dan pandangan-pandangan yang dilontarkan dan dipaparkan oleh pakar-pakar ekonomi, para-para alim ulama dan hatta Ketua Audit Negara sekalipun langsung tidak diambil peduli dan diambil iktibar oleh pimpinan-pimpinan UMNO dan Barisan Nasional. Agaknya mereka ini hanya faham bahasa pilihanraya yang akan menjatuhkan mereka barulah mereka sedar dari mimpi di siang hari.

Saya teringat dalam satu majlis ilmu yang disampaikan oleh tokoh Islam, Syeikh Muhammad Matlawi Assya'rawi di Masjid Sibelary di Pekan Tonto, Mesir, dia mengingatkan orang-orang Islam agar jangan termasuk dalam golongan orang-orang yang dilaknati Allah. Apabila langsung merasa megah dan angkuh yang tidak mahu mendengar nasihat-nasihat dan teguran daripada orang lain malah memandang sepi ancaman-ancaman Allah sendiri yang terkandung di dalam kitab suci Al-Quran. Al-Rasul sendiri pernah mengadu hal ini kepada Allah Rabbulizzah dalam Surah Al-Furqan Ayat 30.. dengan izin (Ayat Al-Quran)....yang bermaksud berkatalah Rasul wahai Tuhanku sesungguhnya kaum ku menjadikan Al-Quran ini sesuatu yang tidak diacuhkan ataupun sesuatu yang tidak dipedulikan.



Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini terus terang dan secara terperinci menunjukkan Kerajaan Persekutuan gagal menguruskan duit rakyat yang diamanahkan kepada mereka menyebabkan ketirisan demi ketirisan yang berlaku yang cukup menggerunkan. Perbelanjaan yang melampau dan penyelewengan yang cukup ketara yang menyebabkan kerajaan persekutuan kini berhutang RM459 bilion atau RM456,000 juta. Natiujahnya setiap individu rakyat negara ini termasuk ahli-ahli PAS, DAP, UMNO dan sebagainya terpaksa menanggung hutang RM16,300 seorang. Mana tidaknya, kalau Kementerian Pertahanan boleh membeli 257 kenderaan berperisai berjumlah RM7.5 bilion atau enam kali lebih mahal berbanding harga pasaran. Satu set 4 unit *scru driver* yang biasanya dia boleh dibeli dengan harga RM40, dia beli dengan harga RM224.00. Satu set jet kereta yang biasanya boleh dibeli dengan harga RM50 tetapi dia beli dengan harga RM5,700. Ini adalah contoh-contoh ketirisan dan penyelewengan yang kalau berlaku di negara-negara maju pastilah Menteri berkenaan akan meletak jawatan, namun di negara kita mereka masih berkuasa, mengulangi kekejaman yang sama dan terus berkokok kononnya merekalah yang membela rakyat, mungkin kerana menyokong PPSMI dan mengetepikan penggunaan bahasa Melayu pun UMNO terlupa dengan pepatah Melayu seperti ayam jantan yang berkokok tapi ekornya bergelumang tahi.

Meru juga ingin mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Tan Sri Khalid Ibrahim yang telah berjaya mengumpulkan RM112 juta dalam simpanan tunai Selangor yang merupakan simpanan tertinggi yang pernah dicapai sejak 28 tahun yang lalu. Meru merasakan ini satu langkah yang positif bagi sebuah kerajaan yang prihatin terhadap masa hadapan rakyat bagi menghadapi penguncupan ekonomi dunia berbanding kerajaan pusat yang langsung tidak menyediakan apa-apa pelan tindakan bagi menghadapi krisis ekonomi tersebut. Kecekapan pentadbiran adalah penting bagi menjamin peningkatan produktiviti dan kuasa beli selaras dengan kenaikan gaji. Sekiranya mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan tadbir kewangan negeri ini bukan terdiri daripada mereka yang beramanah dan takutkan penciptanya maka tunggulah kehancuran pentadbiran dan ekonomi negeri tersebut. Inilah yang telah diberikan amaran oleh Rasulullah S.A.W. 1,400 tahun dahulu. Dalam sabdanya (Hadis) jika sekiranya sesuatu urusan itu diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya maka tunggulah saat kehancurannya.

Baru-baru ini pihak pembangkang menaikkan isu-isu GLC tanpa bukti atau fakta yang bernas, tetapi lebih berlandaskan fitnah dan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Pembangkang lupa bahawa Pos Malaysia adalah GLC milik negara Malaysia yang membelanjakan wang rakyat untuk urus niaganya. Hakikatnya Pos Malaysia telah mengalami kerugian sebanyak RM546 juta, PNSB pada tahun 2002 telah memperuntukkan RM739,029.83 kepada satu NGO, BALKIS kenapa tak bagi pada NGO-NGO lain. .... ini berlaku pada tahun 2004 juga, PNSB juga yang telah

menguntukkan RM468,930.87 kepada BALKIS ini juga, bukan setakat itu sahaja malah atas arahan YDP BALKIS ini kita tengok pada 6 Februari 2007, PNSB telah menanggung perbelanjaan tiket penerbangan berjumlah RM14,900.00 untuk mengunjungi anaknya menuntut di Melbourne di Australia. 17 hingga 24 Disember 2004, fakta-fakta yang saya bawa yang telah diluluskan di dalam Dewan Undangan yang lalu, 17 Disember 2004 mantan M.B. bersama isteri dan 3 orang anak dan pembantu rumah berkunjung ke Disneyland, Paris dan Dubai pakai duit rakyat ini dengan harga RM900,812. 23/12/2007 hingga 1 Januari mantan Y.B. juga bersama isteri dan 4 orang anak berkunjung di Orlando dan Honolulu yang dikeluarkan oleh PNSB perbelanjaan itu RM646,841.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Cuba rujuk kepada program MES yang diedarkan baru-baru ini dalam sidang dewan kita, Bagaimana kita tengok TAWAS. TAWAS telah membelanjakan RM2,701,000 setakat ini untuk memanfaatkan 21,211 orang. Kita boleh bayangkan kalau RM24 juta yang kita ada kita boleh memanfaatkan RM270,000 tetapi RM24 juta tetapi digunakan untuk beli cincin sahaja. Jadi kita tengok siapa yang sebenar mendahulukan dan siapa sebenar Rakyat didahulukan dan siapa pula sebenarnya yang mengetepikan rakyat. Baru-baru ini ramai daripada Pembangkang sibuk tentang manifesto. Kononnya manifesto banyak lagi kita belum tunaikan. Saya hendak beritahu adakah Pembangkang tahu bahawa Selangor ada 22 program yang tidak ada di dalam manifesto. Tidak disebut pun. Tetapi 22 program ini, dijalankan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor ini. Contohnya skim kesihatan wanita, Memmogram, tidak pernah disebut. Jom *Shopping* tak pernah disebut. Skim pemilikan Kediaman Persendirian, tuisyen rakyat Selangor, *SPIES*, Agensi Idaman Selangor, Penggerak Belia Tempatan (PBT), bantuan Sekolah Cina dan Sekolah Tamil. Banyak lagi saya tak sempat hendak sebut pada petang ini. Ini benda-benda sebab yang saya minta supaya apa sahaja yang diberikan, dibekalkan, balik dan baca. Islam ajak kita baca *Iqra' Bismirabbiquallazi Khala'* tetapi tak baca. Dia tak baca itu lah diulang balik apa yang berlaku dan sebagainya. Dan hari ini sebagai penutup saya hendak menyentuh sedikit beberapa perkara yang disebut. Pertamanya saya ucapkan ribuan terima kasih juga kepada Menteri Besar yang menyusun beberapa strategi.

Saya hendak sentuh strategi yang ke 4 dalam 4 strategi utama dalam belanjawan 2012, yang menyebut bahawa mendorong masyarakat berilmu berakhlak mulia dan hidup sihat. Saya dapat maklumat, saya harap maklumat ini tidak betul. Tetapi saya dapat maklumat. Lembaga Zakat Selangor dalam dasar kekopratan, Lembaga Zakat Selangor, telah membawa masuk CEO dan beberapa Pengurus Kanan. Saya dapat tahu bahawa CEO ini gajinya dekat-dekat RM30,000 sebulan. Pengurus Kanan juga gaji RM10,000 sebulan. Rakyat Selangor ingin tahu apakah rasionalnya dan keperluan Lembaga Zakat Selangor sebagai pemegang amanah harta Umat Islam untuk membayar gaji elaun yang begitu banyak. Kemudian saya juga mendapat maklumat

bahawa Ahli Lembaga Pengarah Zakat Selangor tak payah sebut nama Pengerusinya telah memutuskan peruntukan Zakat sebanyak RM10 juta kepada Baitulmal Zakat Perlis. Apakah keperluan membawa keluar wang zakat yang dibayar oleh orang Selangor ini, ke luar Selangor ke Perlis. Adakah kerana tersebut ada kepentingan dalam hal ini. Kerana beliau difahamkan daripada Perli juga. Kenapa negeri Perlis, adakah negeri Kedah negeri Pakatan Rakyat tidak ada orang miskin ke?. Jadi sedangkan keperluan orang miskin, di negeri Selangor di mana-manalah, di Meru di Sekinchan, di Semenyih ke masih ada lagi orang yang memerlukan jangan sampai bila tak dapat, pergi ke tempat lain. Bila pergi tempat lain, kita marah. Tetapi kita hantar RM10 juta ke Perlis.

Kemudian tentang 2 – 3 isu lagi Semenyih saya sendiri mengaku saya setuju dengan Semenyih bahawa masih ada siber *cafe-siber cafe* tanpa lesen yang masih ada di Meru dan 3 – 4 yang tanpa lesen saya harap, Pihak-pihak PBT mainkan peranan untuk menghapuskan siber-siber kafe yang bukan sahaja merosakkan orang Islam tetapi juga orang yang bukan Islam. Kalau ada lesen tidak ada masalah. Kalau yang tidak ada lesen betul saya sokong apa yang disebut oleh Semenyih.

Kemudian ada juga rumah-rumah terbengkalai di Meru masih tidak diselesaikan masalah. Pemberimilikan tanah Kg. Bukit Cherakah Jaya yang lebih 11 tahun mereka yang menunggu. Saya dengar tempat lain dah dapat, Bukit Botak, *jealous* juga, tetapi di Kg. Bukit Cherakah Jaya saya harap mendapat tumpuan daripada pihak kerajaan. Dan akhir sekali ialah *2 ways communication* yang sebenarnya tidak wujud. Apa salahnya kita ada *handphone* dan sebagainya. Pihak JKR, PBT kalau ada kerja-kerja yang dibuat jalan diturap, pemasangan longkang sebenarnya rumah PPRT diberitahu Ketua Kampung. Kita tengok-tengok dan siap dah. Tukar pemasangan longkang, buat longkang, jadi juga banjir dan sebagainya. Ini kita perlu apa salahnya esok nak buat hari ini beritahu supaya kita ada *2 ways communication* kita lebih mesra untuk kerjasama. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Subang Jaya.

**Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN** : Terima kasih Tuan Speaker, kerana memberi peluang kepada Subang Jaya membahaskan Belanjawan 2012. Saya hendak sentuh mengenai air percuma. Walaupun kita telah memberikan kemudahan air percuma kepada rakyat Selangor sejak tahun 2008, dan baru-baru ini kepada pangsapuri kos rendah melalui sistem *voucher*, namun masih terdapat sesetengah penduduk, yang tidak dapat menikmati kemudahan ini. Kumpulan penduduk yang masih belum menikmati air percuma ini terdiri daripada golongan pangsapuri kos sederhana yang masih menggunakan meter padu. Di Subang Jaya, penduduk *Good Year Courts*, dan Lagoon Perdana, masih menunggu kerajaan negeri, memberikan *voucher* air supaya mereka boleh turut menikmati kemudahan percuma ini. Saya

berharap kumpulan sasaran ini, boleh dibantu oleh kerajaan negeri, dalam bajet 2012. gangguan bekalan air, tanpa notis. Tuan Speaker, Subang Jaya kerap menghadapi masalah gangguan bekalan air, tanpa notis. Saya berharap kerajaan negeri boleh meminta SYABAS memperbaiki SOP (*Standard Operating Procedure*) mereka. Sekiranya gangguan bekalan air dijangka berlaku, notis seharusnya diberikan kepada penduduk dan komuniti *business*. Notis sahaja tidak memadai, seharusnya notis mencukupi.

Pada bulan April tahun ini, Subang Jaya telah menghadapi gangguan bekalan air yang serius selama beberapa hari. Panggilan telefon penduduk kepada PUSPEL tidak dapat dijawab. Saya berharap kerajaan negeri boleh mendapatkan penjelasan daripada SYABAS mengenai kapasiti mereka dalam mengambil panggilan dan aduan dan sewaktu krisis air berlaku, supaya penduduk mempunyai akses kepada maklumat bagi mereka membuat persiapan yang mencukupi. Subang Ria, ucapan ribuan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar, atas keputusan Yang Amat Berhormat membatalkan Rancangan Pembangunan Komersial di tapak seluas 19 ekar di Taman Subang Ria yang dimasukkan dalam rancangan tempatan MPSJ. Keputusan ini dibuat setelah kerajaan Selangor, dan Menteri Besar, sendiri turun padang ke Subang Jaya. Bukan sekali, bukan 2 kali, tetapi 3 kali untuk mendengar, dan mengambil kira rintihan dan bantahan sebahagian besar penduduk Subang Jaya. Ini cukup berbeza dengan jika dibandingkan dengan Menteri Besar UMNO dahulu.

Selepas diteliti secara terperinci, syarat-syarat rancangan tempatan, didapati kawasan seluas 19 ekar yang dicadangkan, itu tidak sepatutnya dibangunkan untuk pembangunan komersial. Sehubungan itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, telah mengarahkan, supaya rancangan pembangunan komersial di tapak seluas 19 ekar itu dikeluarkan daripada rancangan tempatan MPSJ bermula 26 Mac tahun ini.

Saya berharap Jabatan Perancang Bandar dan Desa boleh memberikan status pembatalan ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Menteri Besar atas keberanian dan kesudian dengan izin *political courage, to right what is wrong* dengan membetulkan keputusan Jabatan Perancang Negeri yang tidak mengambil kira sentimen penduduk dan wakil rakyat.

Saya mencadangkan supaya Jawatankuasa Perancang Negeri mendapatkan pandangan wakil rakyat kawasan ADUN atau pun ahli Parlimen sebelum membuat keputusan untuk mengelak sebarang keputusan tidak selaras dengan kehendak penduduk tempatan.

Kes telekom. Kes rayuan penduduk USJ 6, terhadap kebenaran merancang yang telah diberikan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dan MPSJ kepada pemaju tanah

telekom, telah selesai di Lembaga Rayuan. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan tanda penghargaan kepada peguam penduduk iaitu, Y.B Gobind Singh Deo Ahli Parlimen Puchong, dan Peguam En. Haijan yang berusaha selama 3 tahun membantu mewakili penduduk di Lembaga Rayuan. Semasa sesi pendengaran Lembaga Rayuan, Laporan trafik yang dibentangkan telah menerima kritikan kerana walaupun tahap trafik dijangkakan mencecah status F namun pembangunan diteruskan. Sebagai langkah ke hadapan, kerajaan negeri seharusnya, membuat 2 ketetapan,

1. Tanah utiliti seperti rizab Telekom, seharusnya mempunyai sekatan dan tidak boleh dijual atau dibangunkan untuk tujuan komersial ataupun kediaman. kerana sering kali tanah utiliti ini terletak di tengah-tengah kawasan perumahan.
2. Laporan trafik seharusnya disediakan oleh agensi atau pun *consultant* berkecuali. Dengan izin *independent consultant*. Dan bukannya *traffic consultant* yang diupah oleh pemaju.

Kos laporan trafik ini, boleh ditanggung oleh pemaju tetapi pelantikan *consultant* berkecuali ditentukan oleh PBT.

Plot *ratio* dan kapasiti keperluan tempat letak kereta. Memandangkan keadaan trafik yang sudah sesak di kawasan Lembah Klang, Jawatankuasa Perancang Negeri seharusnya membuat ketetapan untuk PBT, terutamanya yang terletak di kawasan Bandar seperti MBPJ, MPSJ, MBSA, MPK dan MPAJ, untuk menurunkan kadar *plot ratio* dan densiti pembangunan komersial. PBT yang mempunyai rancangan tempatan harus mengikut *plot ratio* yang telah ditentukan sebagai kadar maksima dan bukan sesuka hati membenarkan pemaju meningkatkan *plot ratio* dan densiti. Keperluan tempat meletak kereta untuk setiap pembangunan juga harus meningkat. Saya pasti hampir 90 %, daripada bangunan pangsapuri dan kondominium, mempunyai masalah tempat meletak kereta yang tidak mencukupi. Di pintu pangsapuri dan kondominium selalunya kereta diletak di sepanjang jalan. Ini merupakan kacau ganggu kepada penduduk berhampiran. Oleh itu sudah sampai masanya kerajaan negeri membuat perubahan dan mengenakan tempat letak kereta yang lebih tinggi untuk mengikut keperluan masa. Kini banyak kediaman keluarga mempunyai sekurang-kurangnya 2 kereta ada yang mempunyai 4 hingga 2 kereta. *You must put an end to out dated regulation and regulate base on current and future needs*. Dan jika ada kerajaan negeri yang boleh memimpin dari segi ini, tentunya kerajaan negeri Selangorlah yang mampu melaksanakannya.

Tabung atau dana untuk kesesakan jalan. Saya juga menyeru supaya kerajaan negeri supaya memulakan satu tabung khas, daripada belanjawan Selangorku yang telah diumumkan oleh Menteri Besar beberapa hari yang lalu untuk mengatasi kesesakan jalan raya di Klang Valley. Tabung khas ini boleh juga digunakan untuk memperbaiki

simpang-simpang jalan yang mengakibatkan kesesakan jalan yang sering berlaku terutamanya *peak hours*. Jika kita tunggu kerajaan persekutuan, Barisan Nasional untuk mengatasi masalah pengangkutan awam saya khuatir kita menunggu sampai rambut beruban pun masih belum diatasi. Oleh itu kerajaan negeri Selangor harus mengambil inisiatif sendiri. Kesesakan jalan berkurang, kualiti hidup rakyat meningkat. Ini kerana kesesakan berlaku contohnya di *Motorola Interchange*, bukan sahaja penduduk di DUN Setia terjejas tetapi penduduk dari DUN Taman Medan dan Subang Jaya, Seri Muda, Kinrara dan Seri Kembangan turut juga terjejas. Kerjasama daripada Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia juga minima terutamanya di Simpang-simpang jalan yang melibatkan Lebuhraya contohnya di KESAS *interchange* di Persimpangan Summit USJ.

Tuan Speaker, kesesakan semakin tenat, dan mendesak. Bilangan kereta bertambah dan hanya *holistic approach* hanya boleh menyelesaikan masalah ini. Saya menyeru kerajaan negeri memperuntukkan satu dana khas untuk tujuan ini.

Pembuangan sampah haram, walaupun kerja-kerja pembersihan dan pengutipan sampah sarap, telah pun diambil alih oleh pihak PBT. Namun masalah pembuangan sampah haram masih berlaku. Di Subang Jaya, MPSJ selalu memberi alasan bahawa orang yang membuang sampah secara haram tidak dapat dicari ataupun ditangkap. Saya telah membuat *spot check* sendiri bersama Ahli Majlis dan di 2 lokasi di SS18 kami telah mengenal pasti alamat rumah kutu sampah. Oleh itu saya berpendapat bahawa jika MPSJ dan *supervisor* mereka benar-benar serius mahu menangani masalah ini, mereka boleh memantau dan mengenal pasti dan mengenakan tindakan yang serius terhadap kutu sampah ini. Komuniti mesti melihat tindakan Undang-undang yang akan diambil oleh pihak PBT terhadap kutu sampah. Mesej ini akan dapat mencegah masalah pembuangan sampah haram. Saya harap pihak PBT terutamanya pihak MPSJ, melakukan pembaikan dan dalam sistem pemantauan mereka. Aduan-aduan E-mail penduduk jangan tidak dijawab. Di sini saya mengambil kesempatan memberi pujian kepada 2 pegawai kerajaan, yang sentiasa responsif terhadap aduan di MPSJ, Encik Ariffuddin bin Hj. Kamari yang merupakan Jurutera MPSJ dan Encik Yahaya bin Hassan, Ketua Penolong Pegawai Daerah Petaling. Informasi jadual pengutipan sampah domestik, sampah kebun dan sampah pukau boleh diberikan kepada penduduk. Melalui bil cukai pintu. Nombor-nombor telefon yang relevan boleh dicop dan boleh dicetak di belakang cukai taksiran. Ini boleh menjimatkan kos kepada Pihak PBT. Saya berharap ini boleh dilaksanakan pada permulaan tahun 2012 di semua PBT di Selangor.

Masalah tikus. Seharusnya pihak PBT, mesti sudah menguasai dengan sempurna kemudahan *back to basic*, seperti isu pengutipan sampah. Masalah tikus disebabkan kekurangan tindakan penguatkuasaan dan pematuhan oleh peniaga-peniaga. Masalah tikus dipandang ringan agensi pihak PBT. Saya berpendapat masalah ini boleh diatasi

jika pengutipan sampah di kawasan komersial boleh digandakan iaitu 2 kali sehari. Waktu pagi dan waktu malam. Dengan cara ini, tikus tidak mempunyai peluang untuk berbufet dan membiak. Walaupun cara ini akan meningkatkan kos kepada pihak PBT namun PBT boleh menanggungnya. Penjimatan daripada penamatan kontrak Alam Flora boleh digunakan untuk tujuan ini. Saya meminta EXCO PBT dan Kesihatan memberi panduan kepada PBT untuk mengutamakan usaha untuk mencegah tikus.

**Peruntukkan MARRIS,** Tuan Speaker. Saya amat gembira sekali mendengar pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan bajet khas 50 juta untuk tujuan infrastruktur di bawah agenda Selangor Ku. Namun saya berpendapat bahawa dana ini masih tidak mencukupi untuk kerja-kerja penurapan jalan. Walau pun setiap DUN mendapat RM 1 juta di bawah peruntukan MARRIS tahun ini ia masih tidak mencukupi. Saya berharap jumlah ini boleh ditambah tahun hadapan supaya jalan-jalan bermasalah boleh ditangani dengan segera.

**Isu jejantas.** Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya menyambut baik pengumuman bahawa untuk infrastruktur asas di PBT, peruntukan sebanyak 2 juta akan disediakan. Saya meminta supaya dua jejantas yang saya telah pohon daripada MPSJ sejak tahun 2008 boleh dibina dengan menggunakan peruntukan ini. Jika masih tiada peruntukan kerajaan negeri seharusnya membenarkan PBT menswastakan pembinaan jejantas. Biar pihak swasta tanggung kos pembinaan. Ramai yang sudi membantu. Lokasi jejantas ini terletak di kawasan sekolah, di USJ 13 sepanjang Persiaran Tujuan, dan di USJ 1 di Persiaran Subang Mewah. Ibu bapa telah lama meminta tetapi setiap kali MPSJ mengatakan tiada bajet. Isu keselamatan pelajar seharusnya diutamakan. Saya berharap jejantas ini boleh dibina dengan segera sebelum kemalangan berlaku.

**Isu Sekolah Wawasan.** Saya meminta kerajaan negeri memperuntukkan sumbangan kepada Sekolah Wawasan di USJ 15 untuk membantu mereka. Namanya canggih, Sekolah Wawasan, tetapi kemudahan yang mereka terima daripada Kementerian Pendidikan kurang memuaskan. Saya bagi contoh kelas komputer tiada komputer. Bilik darjah bocor, retak dan saya berharap bagi pihak PIBG sekolah-sekolah di sana saya meminta kerajaan negeri untuk memberi pertimbangan dan memberikan peruntukan kepada mereka pada tahun depan.

**Isu CCTV.** kerajaan negeri juga memperuntukkan sejumlah RM4 juta untuk memasang kamera litar, CCTV di kawasan strategik dengan pencahayaan yang baik untuk tujuan peningkatan keselamatan dan pencegahan jenayah. Saya berharap CCTV ini boleh dipindahkan ke Balai-balai Polis supaya kerja pemantauan dilakukan oleh pihak Polis dan bukan pegawai PBT. Ini boleh memastikan penggunaan CCTV cukup efektif dan boleh membantu pengesanan penjenayah.

Akhir sekali saya mahu menyentuh isu **Pilihanraya Kerajaan Tempatan**. Bajet tahun 2012 mempunyai peruntukan Program Pengukuhan Demokrasi dan saya berpendapat bahawa pelaksanaan pilihanraya Kerajaan Tempatan merupakan cara terbaik untuk mengukuhkan demokrasi. Saya hendak menyeru supaya Pakatan Rakyat ingat kepada Deklarasi Rakyat yang telah dipersetujui oleh DAP, PAS dan PKR sebelum Mac 2008. Izinkan saya membacakan perenggan daripada ***The People's Declaration*** dengan izin.

### **B. Genuine Democracy.**

*Genuine Democracy must provide meaningful space for the people to express their views and to participate in various processes of daily administration and not merely to voting once in five years. All interest group must be allowed to present and to debate their views. Information would be freely available subject to strictly defined restrictions. To that end, we will formulate a Freedom of Information Act to guarantee transparency and free flow of information from the government to the people.* Yang ini tahniah saya ucapkan kepada kerajaan negeri kerana telah melaksanakan *Freedom of Information Enactment*. Keduanya *to pass the necessary legislation to provide for local council elections.*

### **C. Enhance Administrative Transparency & Accountability**

*- to reintroduce elections for local government so that local leaders can be made accountable.*

Saya ingin membaca surat daripada Ketua Informasi PKR dahulu YB Tian Chua. YB Tian Chua mengatakan dalam surat beliau *on behalf of Parti Keadilan Rakyat, I would like to express our appreciation to the civic minded Malaysians who have produced this document entitled The People's Declaration. After very careful study of the said document, we conclude that many of the points raised in it are, in fact, consistent with Parti Keadilan Rakyat's principles and objectives. In fact, quite a number of the issues raised in the Declaration were included in the Common Election Manifesto of Barisan Alternative in 1990 General Elections. These issues will certainly be reflected in KeAdilan's Election Manifesto for the coming 2008 General Election.*

*Parti Keadilan Rakyat will, therefore, affirm our support for The People's Declaration. We will ensure that all elected legislators of KeAdilan will implement and advocate all the issues contained in the document. KeAdilan will also help to circulate The People's Declaration during our election campaign.*

Parti Pas turut menyokong deklarasi Rakyat. Parti DAP sedia melaksanakan pilihanraya Kerajaan Tempatan. Nama kita Pakatan Rakyat, kita seharusnya menunaikan janji kita kepada rakyat melalui Deklarasi Rakyat yang telah dipersetujui pada 16 Februari 2008. Kegagalan melaksanakan pilihanraya kerajaan tempatan di



Selangor di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat akan melemahkan kempen kita dalam pilihanraya yang akan datang. Kerajaan negeri Selangor juga telah membelanjakan duit untuk membuat kajian yang terperinci oleh tiga pihak:

- (a) Peguam – Saudara Andrew Khoo Chin Hock
- (b) Wong Chin Huat – Monash University Sunway Campus Lecturer, dan
- (c) Maria Chin Abdullah – Persatuan Kesedaran Komuniti, Selangor (*Empower*)

Dan ini kertas kerjanya *An Advocacy Paper To Bring Back Local Government Elections*. Yang ini kita telah bayar oleh kerajaan negeri, jadi, kenapa kita boleh melaksanakannya. Izinkan saya Tuan Speaker untuk membaca beberapa perenggan sahaja. Mengenai betapa pentingnya Pilihanraya Kerajaan Tempatan.

### ***The need for Local Government Elections.***

*Under the appointment System, the following key issues have arisen and demand urgent attention.*

#### **a) *Issue of Representation and Democracy***

*With the abolishment of local government elections Malaysian citizens are denied of their right to elect who and which party will represent them to deal with their local issues. The democratic rule of government of the people, by the people and for the people no longer applies as the fundamental principle of “no taxation without representation” was ignored. By appointing local councilors, the State Government is effectively saying , “ We know what is best for you, and we will make the choices for you”.*

#### **b) *Issue of Merit and Competence***

*Without elections, merits, and competencies have given way to other considerations of the political parties’ agenda. The appointments of councilors ignore the background and track record of performance of the appointees. It does not take into account whether they have been recalcitrant or totally discredited. Their appointments and positions are closely tied to the parties in power and are often meant to serve as part of the patronage mechanism. Most ironically, appointed councilors can have their tenure extended indefinitely as in the case of the late Zakaria Mohamad Deros and his family of councilors even if they refused to pay their assessments, put up buildings illegally and operate their businesses without licences, completely flouting the law and regulations.*

*In another case, MPSJ in 2006 awarded a 20 year contract to Konsortium S.J. Pest Control Sdn. Bhd., and business operators had to use this particular*

consortium to renew their licenses. Later, it was discovered that the consortium and the six companies under it did not have licences to operate pest control businesses. Despite protests from the business community, the contract went ahead.

The Highland Towers tragedy was a stark example of how things can go wrong due to incompetency. The Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) failed to follow the guidelines set out for hill side development. 7 lives were lost, but MPAJ was given full immunity for any negligence under Section 95 (2) of the Street, Drainage & Buliding Act 1974 .

The Bukit Cahaya Seri Alam agricultural park, happened because of poor monitoring by Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). This negligence meant that the seven developers could go ahead with land clearing work without approval. As they had been given a pre-approved schedule by MBSA.

Lastly,

**c) Issue of Accountabilty and Transparency**

If councilors are not elected, they are not immediately accountable to the rakyat for the money spent. There are 144 local councils in Malaysia with a combined expenditure of more than RM 13 billion. They are not obliged to furnish the Ministry with the accounts, nor do they have to seek approval from the Ministry for their budget allocations. There is a lack of transparency in how council matters are discussed and decided upon. Section 23 of the Local Government Act states that:

“ All meetings of the local authority shall be open to the public and to representatives of the Press unless the local authority by resolution at that meeting otherwise decides “

Beberapa contoh, ya. *Unfettered spending by previous local councils include the following.*

- The Majlis Perbandaran Seberang Perai had a five-year agreement with a florist in Kuala Lumpur to supply fresh flowers at RM1.5 million.
- The Majlis Perbandaran Klang spent RM250,000 to buy 10 horses for petty crime prevention.

Ini masa dulu ya.

- A Public zoo spent RM 400,000

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, panjang sangat ya, Bahasa Inggeris tu. Macam...

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN** : Okey. Saya pendekkan. *To buy four gorillas*. Dan banyak lagi contoh di mana duit rakyat tidak digunakan dengan betul dan kurang ketelusan kerana tiada pilihanraya Kerajaan Tempatan. Jika kita mempunyai Ahli Majlis yang berkualiti, mesra penduduk, telus dan cekap kita tidak perlu takut mereka akan kalah jika pilihanraya Kerajaan Tempatan dilaksanakan. Kita mesti percaya bahawa rakyat pandai memilih dan sudah bangkit daripada pembohongan kerajaan Barisan Nasional. *Have a bit of faith* dengan izin *in our voters. After all they elected us and here we are in the State Assembly debating the State Budget*. Oleh itu rakan-rakan seperjuangan Pakatan Rakyat ingatilah keadaan kita sebelum Mac 2008 sebelum kita semua menjadi Yang Berhormat sekalian. Harapan kami, idealisme kami, dan perjuangan kami untuk demokrasi tulen. Sudah tiba masanya kita laksanakan janji sewaktu kita mentadbir Selangor. Tidak payah tunggu sampai ke Putrajaya. Saya berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan menggunakan bajet 2012 untuk menjadikan pelaksanaan pilihanraya Kerajaan Tempatan satu pencapaian dan manifesto untuk menawan hati penduduk di Selangor. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI B HAJI SHAFIEI** : Tuan Speaker. Terima kasih. *Assalamualaikum W.B.T.* Selamat petang, selamat sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, kerana memberikan ruang kepada saya untuk membahaskan belanjawan 2012 yang telah pun dibentangkan pada minggu lepas oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor. Saya kira pujian harus kita diberikan kepada kerajaan negeri terutamanya Dato' Menteri Besar, anggota-anggota EXCO kerajaan negeri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang telah berusaha dengan gigih merangka satu belanjawan yang benar-benar meletakkan kepentingan dan kebajikan rakyat dari seluruh pelosok negeri Selangor di satu kedudukan yang saya lihat amat istimewa kali ini. Bila saya amati, belum pernah, ya belum pernah lagi belanjawan dapat dilakukan sebaik ini. Hatta, sejak tiga tahun lepas, selepas kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih negeri Selangor. Kita juga boleh sebutkan bahawa belanjawan yang sebegini baik tidak boleh kita harapkan langsung daripada kerajaan Barisan Nasional. Sudah lebih 50 tahun mereka memerintah di negeri Selangor usahkan 20 meter padu air 2 meter padu air pun mereka tidak ada keupayaan untuk melakukannya. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya memanjangkan perbincangan ini suka saya nyatakan bahawa apa yang telah saya sebutkan dalam sidang Dewan sejak tahun lepas dan juga awal tahun ini berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna laluan di Jalan Johan Setia yang berhadapan dengan risiko kemalangan disebabkan oleh jalan mendap sudah pun diatasi oleh Jabatan Kerjaya Raya Negeri Selangor, Jurutera Daerah Klang dengan bantuan Yang

Berhormat EXCO Infrastruktur daripada Gombak Setia. Alhamdulillah, terima kasih. Itu pun setelah berbelas-belas kemalangan dan juga lima kematian yang dicatatkan barulah tujuh *spot* yang menjadi lubang maut dan perangkap maut itu dapat diperbaiki pada bulan Julai yang lepas. Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya melihat belanjawan kali merupakan satu bukti jelas yang menunjukkan keupayaan Kerajaan Pakatan Rakyat mentadbir negeri Selangor yang tercinta ini. Untuk merangka satu, untuk merangka dan melaksanakan program-program yang memberikan pulangan besar kepada rakyat, merangsang ekonomi, melestarikan pembangunan dan memperkasakan kebajikan rakyat. Kesemuanya yang disusun begitu baik sudah pasti ianya adalah disebabkan kerajaan Pakatan Rakyat sentiasa meletakkan rakyat sebagai keutamaan dan tidak mempunyai kepentingan kepada kroni yang perlu kita bela dan juga kita jaga. Belanjawan 2012 berteraskan empat strategi yang digariskan oleh YAB Dato' Menteri Besar dan daripada empat asas yang disebutkan dari ini saya cuma ingin menumpukan kepada dua strategi sahaja iaitu yang pertama meningkatkan kualiti asas kehidupan keluarga dan masyarakat dan mendorong masyarakat berilmu, berakhlak dan hidup sihat. Di bawah strategi peningkatan kualiti kehidupan saya merujuk kepada langkah kerajaan negeri membina lebih banyak perumahan mampu milik yang dinyatakan dalam belanjawan 2012 harga yang disasarkan oleh kerajaan negeri Selangor adalah berjumlah antara RM100,000.00 ke RM150,000.00. Sememangnya harga ini adalah jauh lebih baik dari harga yang disasarkan oleh kerajaan peringkat Persekutuan. Namun begitu dalam persoalan ini saya melihat kepada kemampuan rakyat dari dua sudut, isu yang dikira membebankan mereka terutama sekali golongan-golongan yang berpendapatan rendah yang bekerja di kilang-kilang. Dua isu yang utama itu ialah pertama (a) harga rumah yang terlalu tinggi, yang kedua (b) wang pendahuluan ataupun deposit untuk pembiayaan rumah ini yang menjadi penghalang kepada mereka. Langkah kerajaan negeri Selangor menyediakan sehingga 11,000 unit rumah mampu milik. Pada saya hanya sebahagian dari penyelesaian yang mampu dibuat oleh kerajaan negeri. Kita bukan bercakap berkenaan kekurangan penawaran ataupun "*supply*" dengan izin yang menjadi isu utama kepada rakyat hari ini ialah harga jualan yang tidak terkawal. Terdapat aduan dan juga rungutan yang kita terima dan saya sendiri pun terima ada harga rumah yang terlampau tinggi nilainya daripada harga yang dipasarkan. Bayangkan ada kes di mana harga jualan untuk rumah teres dua tingkat bersaiz biasa di kawasan Kota Kemuning harganya mencecah sehingga RM600,000 sedangkan nilai harga pasaran yang dibuat hanyalah pada kadar RM420,000 sahaja. Ini amat mahal bagi sebuah rumah teres dua tingkat bersaiz biasa yang peliknya ada mahligai Bali harganya RM6 juta tetapi dinilai pada harga RM3 juta sahaja. Inilah yang dikatakan untuk rakyat terbanyak harga jualan jauh melambung berbanding nilai harga yang sebenar tetapi untuk para pembesar ia dinilai lebih rendah daripada harga pasaran. Dunia hari ini saya melihat Tuan Speaker sudah terbalik amat terbalik kerana harga yang sepatutnya dijual rendah kepada golongan

yang memerlukan tetapi dinilai pada harga yang tinggi tetapi harga rumah yang sepatutnya dijual tinggi kepada pemimpin-pemimpin telah dinilai pada harga yang rendah dan baru-baru ini agak pelik juga ada seorang peniaga yang datang mengadu kepada saya. Oleh kerana tidak hadir dalam program yang dihadiri oleh seorang Menteri di peringkat pusat, 37 peniaga digantung daripada tapak perniagaan mereka. Sebab Menteri tidak turun sahaja YB Tuan Speaker. Ini yang saya sebutkan dunia sudah terbalik. Oleh sebab itu ingin cadangkan dalam belanjawan kali ini diperuntukkan satu jumlah bagi menjalankan kajian bagaimana kerajaan negeri dapat menetapkan satu bentuk harga siling untuk setiap jenis rumah khususnya di kawasan bandar-bandar utama. Saya yakin YAB Dato' Menteri Besar dan pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri tahu bahawa di negara Cina sudah ada kaedah dan peraturan yang dilaksanakan oleh kerajaan Cina bagi mengawal harga rumah yang melambung tinggi. Ini bagi memastikan rakyat mampu memiliki rumah pada harga yang munasabah selain dari kerajaan membina sejumlah rumah mampu milik kalau boleh kita juga kawal supaya harganya tidak mencecah seperti yang saya sebutkan tadi sehingga RM600,000 bagi rumah teres saiz 20 kaki kali 70 kaki di sekitar Kota Kemuning. Kalau boleh kita mengawal harga keperluan dengan menetapkan harga siling mengapa tidak kita tidak usahakan satu mekanisme bagi menetapkan harga siling untuk rumah. Ini kerana rumah juga merupakan satu keperluan kadar *fee* guaman untuk jual beli rumah juga mempunyai kadar yang tetap mengapa tidak kepada harga rumah. Saya amat berharap kerajaan negeri dapat menimbang cadangan ini supaya kita boleh membantu lebih ramai rakyat dan mengikut, boleh membantu ramai rakyat di negeri Selangor mengikut kehendak dan juga acuan yang digariskan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sendiri. Cadangan saya ini merujuk kepada keadaan di mana segolongan yang mampu membuat....Cadangan ini merujuk kepada keadaan di mana segolongan yang mampu membuat potongan bulanan untuk membeli rumah, namun tidak mempunyai deposit yang mencukupi. Simpanan mereka di Kumpulan Simpanan Wang Pekerja juga belum banyak. Peruntukkan jutaan ringgit telah dibuat oleh kerajaan negeri pada TAWAS, Skim Mesra Usia Emas. MIMBAR, air percuma dan pelbagai program lain. Persoalannya apakah boleh ditimbang untuk mewujudkan satu tabung simpanan untuk mereka yang berusia 21 tahun ke atas di mana kerajaan negeri akan menambah sejumlah wang yang mungkin tidak begitu besar bagi simpanan yang dibuat oleh rakyat. Ini seperti satu bentuk "*matching fund*" satu tempoh mungkin antara lima ke tujuh tahun, apabila mereka sudah bersedia membeli rumah maka simpanan ini dapat dikeluarkan untuk tujuan membayar deposit rumah. Ini pastinya memberikan kesan kesedaran kepada golongan muda untuk menabung di samping itu membantu mereka untuk memiliki rumah. Walaupun cadangan ini lebih mudah dilaksanakan oleh kerajaan di peringkat persekutuan namun kerajaan ini juga saya yakin mampu untuk mencari satu kaedah terbaik bagi melaksanakannya.

Selain dari itu saya juga menggesa kerajaan negeri untuk mencari jalan membantu mempercepatkan pemulihan projek-projek rumah terbengkalai seperti yang disebutkan rakan daripada Meru dan juga rakan daripada Kg. Tunku dan rakan-rakan yang lain yang mana masih berbaki sebanyak 117 projek terbengkalai lagi termasuk dalam senarai 117 projek yang terbengkalai ini adalah 5 yang berada dalam kawasan Bukit Kemuning, Bukit Rimau dan juga Kota Kemuning di DUN Sri Muda. Saya juga berharap program rumah mampu milik yang sedang dilaksanakan di Bangi dapat dilaksanakan juga secara peringkat demi peringkat terutamanya di kawasan-kawasan yang merupakan pusat bandar seperti Shah Alam, Petaling Jaya, Subang, Klang dan sebagainya.

YB Tuan Speaker seterusnya saya ingin merujuk kepada strategi belanjawan 2012 berkaitan dengan mendorong masyarakat berilmu, berakhlak mulia dan hidup sihat. Saya menyambut baik langkah kerajaan negeri yang memperuntukkan sejumlah wang untuk meningkatkan kecekapan penjawat awam melalui peruntukan untuk latihan sebanyak RM500,000 dan RM5 juta melalui geran Selangorku. Dalam hal ini saya ingin menarik dewan yang mulia ini, berkaitan satu laporan berita yang disiarkan oleh akhbar Diache tidak lama dahulu yang menyatakan antara kelemahan yang dikenal pasti yang menyebabkan beban kewangan yang ditanggung kerajaan Britain dalam menjayakan projek berbentuk PFI ataupun "*Private Funding Initiative*" dengan izin ialah disebabkan kurangnya kecekapan pegawai kerajaan dalam merunding perjanjian projek. Isunya di sini bukan isu PFI yang ingin saya tekankan adalah kebimbangan yang sama iaitu berkenaan dengan kecekapan pegawai kerajaan. Ini tidak bermaksud pegawai kerajaan kurang cekap sebaliknya pegawai-pegawai kerajaan mungkin tidak begitu biasa dan tidak mempunyai pengalaman tertentu di dalam bidang perniagaan. Maka saya ingin menyeru kerajaan negeri khususnya YAB Tan Sri Menteri Besar yang berpengalaman dalam dunia korporat rangka satu program bagi menambah kecekapan pegawai-pegawai kerajaan khususnya dalam skil perundingan dengan pihak...dalam skil perundingan agar kepentingan rakyat dan negeri ini terjamin dalam berhadapan dengan pihak swasta. Kita tidak mahu episod perjanjian berat sebelah seperti dalam perjanjian konsesi air berlaku lagi. Perjanjian yang menguntungkan sebelah pihak dan merugikan rakyat ini mesti dihentikan. Kerajaan harus mengkaji punca kenapa ianya berlaku.

YB Tuan Speaker dan Ahli YB sekalian, berkenaan dengan geran Selangorku yang diumumkan sebanyak RM300 juta juga amat bertepatan menjadikan cita-cita kerajaan negeri melalui program Selangorku menjadikan ia satu realiti. Saya merujuk kepada pengenalan gaji minima yang ditetapkan pada kadar RM1,500 untuk setiap GLC. Tahniah kepada kakitangan kerajaan GLC yang insya-Allah akan mula menikmati pemberian gaji minimum ini pada awal tahun hadapan. Namun saya berharap pertimbangan yang sama dapat dipanjangkan kepada kakitangan Kerajaan Tempatan

dan kerajaan negeri yang bergaji rendah khususnya mereka yang berada di gred 27 dan ke bawah. Jika tidak ditetapkan gaji minima, sekurang-kurangnya diperkenalkan satu imbuhan ataupun satu elaun khas bagi tambahan kepada elaun cola ataupun imbuhan tetap pemberian awam dan elaun rumah yang diberikan berdasarkan kepada ketetapan kerajaan persekutuan. Ini supaya ianya dapat membantu meringankan beban mereka yang sudah pasti terpalit kesannya akibat daripada kenaikan harga barang yang tidak terkawal lewat waktu ini. Bonus setengah bulan gaji yang diberikan memberikan pengiktirafan kepada kakitangan kerajaan negeri namun saya mencadangkan supaya jumlah ini boleh digenapkan menjadi satu bulan walaupun telah dibayar setengah bulan sebelum ini. Kita harus melihat di mana di negara-negara maju gaji tidak lagi dibayar mengikut bulan sebaliknya dibayar ikut minggu. Ada 12 bulan dalam setahun dan empat minggu dalam sebulan. Jika kita darabkan 12 dengan 4 minggu ianya akan menjadi sebanyak 48 minggu sedangkan dalam setahun kita mempunyai jumlah minggu sebanyak 52 minggu. Maka sebaiknya kerajaan negeri mula memikirkan secara serius untuk memberikan pembayaran dan gaji mengikut jumlah minggu. Ini bermakna 12 bulan tambah 1 bulan lagi ianya akan dipanggilkan satu bonus. Tetapi hakikatnya ianya dalam merupakan satu bentuk gaji yang kalau dikira mencukupi untuk tempoh 52 minggu. Ia pastinya dapat membela nasib kakitangan kerajaan negeri khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Saya ingin menyarankan agar kerajaan negeri dapat mengkaji cadangan ini supaya kita boleh menjadi negeri pertama dalam negara ini yang keluar daripada kebiasaan membayar gaji sebulan sekali.

Baru-baru ini ada suara yang ingin sangat kelihatan membela perkhidmatan awam kononnya. Mereka ini hipokrit berlakon bahawa merekalah yang menjaga kakitangan awam tetapi hakikatnya suara ini datang daripada puak yang sama yang menghadihkan sebatang penyapu kepada Majlis Daerah Hulu Selangor yang mana Batang Kali adalah merupakan salah satu DUN yang berada dalam Daerah Hulu Selangor. Betapa hinanya perkhidmatan awam kepada mereka dan walaupun mereka ini sudah di kalahkan pada Pilihan Raya Umum Tahun 2008 hari ini mereka berlakon seolah-olah merekalah kononnya yang membela kakitangan awam dan cuba untuk menjadi jaguh kepada kakitangan awam bukan sahaja di negeri Selangor bahkan juga di seluruh negara. Apa yang dilakukan oleh Sungai Panjang dahulu dan mereka tidak pernah meminta maaf sedikit pun akan kesilapan mereka memberikan satu bentuk hadiah yang amat-amat hina di pandangan semua bangsa berkaitan dengan penyapu ini. Jadi saya nak menasihatkan Seri Serdang, hari ini tak datang, Kuang tak masuk lagi, Batang Kali yang sudah keluar jangan menjadi kepala hipokrit kononnya mereka ingin memperjuangkan kebajikan kakitangan awam. Cermin muka dulu baru cakap soal kakitangan awam.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong penuh program '*from welfare to work*' dengan izin yang diperuntukkan sejumlah RM20 juta. Saya mencadangkan agar kerajaan negeri turut mensasarkan kepada golongan bekas askar dan juga tentera khususnya anggota-anggota lain pangkat yang diberhentikan kerana masalah tatatertib atau pun kerana kontrak mereka ditamatkan selepas berkhidmat lebih daripada 15 tahun. Mereka ini sebenarnya adalah merupakan orang-orang yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan kalau ada sekali pun jumlah pendapatan mereka kebiasaannya bawah daripada RM1,500. Saya melihat masalah ini, masalah sebahagian besar daripada mereka ini adalah disebabkan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Tinjauan yang kita buat ialah ada sebahagian daripada mereka. Berjaya sehingga peringkat PMR sahaja, sedangkan kebanyakan kerja sekarang menetapkan minima ialah kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia. Maka saya mencadangkan untuk mereka ini diberikan latihan secara Vokasional mudah-mudahan ia dapat membantu mereka untuk membina semula kehidupan mereka. Setiap orang perlu diberikan peluang-peluang yang kedua. Maka saya mencadangkan agar kerajaan negeri mengenal pasti golongan ini yang rata-ratanya usia masih lagi muda belia, bantu dan berikan didikan kemahiran untuk mereka menguruskan kehidupan mereka. Menyentuh berkenaan penerangan dan maklumat kerajaan negeri yang diperuntukkan sebanyak RM10 juta. Sudah pasti ia boleh membantu kerajaan negeri menyebarkan dasar-dasar Kerajaan dan menangkis laporan-laporan negatif dari akhbar pencacai yang dikuasai oleh UMNO dan juga Barisan Nasional. Namun saya berharap satu peruntukan khas dapat ditambah kepada RM10 juta yang dicadangkan ini, khusus untuk khusus mempromosikan semua yang sudah menjadi saluran penyebaran kepada kerajaan negeri. Jika dilihat saluran televisyen contohnya seperti yang dilakukan oleh TV swasta mereka juga mengiklankan dalam surat khabar sebelum mereka memulakan rancangan atau pun sebelum mereka bermula stesen TV mereka. Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan yang Selangor Kini, Selangor Times, TV Selangor, Radio Web Selangor haruslah diberi satu peruntukan yang mencukupi bagi dipromosikan untuk membolehkan kesemua rakyat di seluruh negeri Selangor mengetahui bahawa adanya saluran-saluran ini yang sudah diuruskan oleh kerajaan negeri secara terancang dan juga sistematik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya tertarik dalam Belanjawan kali ini, ada peruntukan bagi menaik taraf muzium sebanyak RM20.8 juta di Shah Alam. Adalah penting untuk menaik taraf semua kemudahan muzium dan ia sama pentingnya untuk kita mengiktiraf dan mempunyai muzium atau pun galeri bagi mengenang penggerak reformasi masyarakat yang berhadapan dengan akta-akta zalim seperti ISA, OSA dan sebagainya. Jangan hanya satu puak sahaja yang dikenang yang lain dilupakan. Saya mencadangkan satu galeri khas atau muzium khas supaya masyarakat sedar bahawa perjuangan bukanlah sahaja oleh mereka atau pun daripada golongan yang menang, bahkan juga oleh golongan yang difitnah dan dilabel dengan pelbagai label dan



tohmahan yang negatif. Kerajaan negeri harus ke hadapan dalam perkara ini. Saya menyeru kerajaan negeri untuk menjadi negeri pertama di Negeri Selangor ini yang mengiktiraf mereka-mereka yang berlaku informasi ini.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Bagaimana, Tuan Speaker pandangan Sri Muda tentang usaha saudara Mat Sabu untuk mengubah kedudukan sejarah yang tempang di negara kita.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ HAJI SHAFIEI** : Terima kasih, tak tanya soalan, tak bagi penjelasan jadi tak tau nak jawab apa. Cuma saya sebutkan respons kepada apa yang dikemukakan oleh Bangi saya rasa bukan setakat Mat Indra tetapi semua mereka yang di padam daripada rekod pejuang-pejuang Kemerdekaan seperti Ahmad Bustamam, KrisMas dan mereka-mereka yang terkehadapan memperjuangkan kemerdekaan negara ini sebelum UMNO bangun bersama-sama kita akan bangkitkan. Betul Borhanoedin, terima kasih Bangi kerana mengingatkan saya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Selangor kerana berjaya membentangkan satu Belanjawan yang bernas dan letakkan kebajikan rakyat di tempat yang teratas. Namun juga saya berharap agar syor-syor dan teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada daripada kerajaan negeri atau pun daripada pihak Pembangkang UMNO atau Barisan Nasional di berikan pertimbangan yang sebaiknya. Ini adalah kerana menjadi tanggungjawab kepada kita untuk menegur dan juga memberikan pandangan kepada kerajaan negeri. Tidak ada manusia dalam dunia ini yang tidak boleh ditegur. Bahkan saya ingin mengingatkan bahawa Nabi-nabi pun juga pernah ditegur dan menerima teguran dengan baik. Maka apatah lagi golongan yang bawah dari taraf Nabi dan Rasul semuanya boleh ditegur kerana kita semua manusia biasa yang bukan maksum. Jika ada pensyarah dan bekas mufti berani membuat teguran barang apa yang tidak elok saya harap keberanian yang lebih dapat ditunjukkan oleh YAB Dato' Menteri Besar dan Barisan EXCO kerajaan negeri untuk menegur dan menerima teguran. Hanya Firaun, Namrud dan Abu Jahal sahaja yang tidak boleh ditegur dan saya yakin tiada dalam negeri Selangor ini yang bersifat sedemikian. Ingatlah kita mendapat mandat dari rakyat dan bertanggungjawab kepada rakyat. Di akhirat nanti kita akan berhadapan dengan Raja kepada segala Raja yakni Allah SWT atas apa yang diamanahkan kepada kita. Kita akan ditanya maka janganlah kita berlaku khianat kepada amanah yang diberikan oleh rakyat. Sekian, terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER** : Lima minit ya. Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberi laluan kepada Kajang untuk mengucap dan Kajang ingin mengambil peluang ini untuk

mengucapkan syabas dan juga pujian yang banyak kepada YAB EXCO dan juga penjawat awam yang membawa bajet tahun 2012 yang bertema amat berlainan dengan bajet-bajet yang lepas kerana ia membawa tema untuk melestarikan dan rakyat di Negeri Selangor. Dia bukan setakat pembinaan dari segi fizikal infrastruktur sahaja tapi lebih tumpuan kepada pelestarian rakyat di negeri Selangor. Dan dalam bajet kita ini, memang kita nampak bahawa pendekatan bajet kita juga adalah pemerksaan rakyat iaitu kuasa diberi kepada rakyat, tumpuan diberi kepada rakyat. Ini memang berlainan dengan waktu sebelum 2008 di mana tumpuan-tumpuan diberi kepada mereka yang berpegang kepada jawatan-jawatan politik. Dan juga dalam proses pemerksaan rakyat ini kita nampak jentera-jentera kerajaan dan juga Badan-badan Bukan Kerajaan termasuk rakyat di bawahan pun diberi kuasa untuk mengambil bahagian dalam pembangunan. Kajang mengucapkan terima kasih terima kasih sekali lagi kepada Perancang-perancang dalam bajet 2012 ini.

Tuan Speaker, sehubungan dengan dasar pemerksaan rakyat Kajang bersependapat dengan konsep yang dikatakan '*The Business of Government Is Not In Business*' iaitu yang bermaksud kerajaan tidak harus terlibat atau terlalu aktif dalam perniagaan yang merupakan satu persaingan terhadap sektor swasta. Maka Kajang bercadang kerajaan harus ada rancangan pengunjuran dan juga melepaskan GLC, GLC secara berperingkat. Bukan sekali gus melepaskan tapi berperingkat-peringkat. Dengan ini kita berharap selepas kita perlahan-lahan berundur daripada penglibatan dalam perniagaan YAB Menteri Besar dapat menumpukan perhatian lebih dari dalam perancangan pentadbiran urusan kerajaan dan tidak terlalu membuang masa terlalu banyak dalam urusan perniagaan di MBI yang lebih dipandang sebagai seorang CEO.

Tuan Speaker, berkaitan dengan gelaran atau pun yang kita katakan Selangor Negeri Maju walau pun sudah diumumkan pada tahun 2005 akan tetapi kita memang nampak banyak lagi pembangunan infrastruktur asas masih kekurangan di Selangor ini. Kajang berkesempatan turun ke padang ke kawasan DUN Kajang seperti di Kampung-kampung yang berpinggir dengan Bandar Kajang di Kampung Sg. Sikamat, Kampung Bukit Dukung, Kampung Bukit 10, Cheras.

**TUAN SPEAKER** : Satu minit.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : mendapati masih banyak jalan-jalan tanah, jalan tanah yang memang merupakan keadaan seperti tahun 60 an dan 70 an. Jadi kita memang meminta pihak kerajaan menumpukan perhatian dalam tahun 2012 ini memberikan peruntukan yang cukup untuk menyelesaikan masalah infrastruktur asas ini. Dan Kajang berkesempatan ke Sekinchan, ya! Nampak batas-batas, jalan-jalan di atas batas itu di tar. Memang cemburu sikit ya. Kajang dekat dengan bandar, begitu dekat dengan bandar Kuala Lumpur, tapi dalam keadaan yang begitu, begitu ketinggalan dan kurang dari segi kemudahan asas.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, masa sudah sampai pukul empat setengah.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih, dengan ini Kajang ada Usul untuk ditangguhkan.

**TUAN SPEAKER** : Tidak ada.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Tak ada, setakat ini sahaja. Dengan ini Kajang menyokong ..... dengan Usul Bajet 2012 ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, masa sudah menunjukkan 4.30 petang. Oleh itu saya menangguhkan sidang hari ini pada Selasa 15 November 2011 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang )**